

## BAB VII: FASA KEEMPAT ERA MOHD ASRI MUDA

### (1977-1982)

#### Pengenalan

Di dalam bab ini, kita akan membincangkan perjalanan PAS dari tahun 1977 ke tahun 1982 di mana perbincangan kita akan bermula dengan peristiwa pengisytiharan darurat di Kelantan pada 8 November 1977 dan akan berakhir dengan peristiwa pengunduran Mohd Asri Muda dari jawatan Yang Dipertua Agung PAS pada 23 Oktober 1982. Di dalam jangka masa ini, perjalanan PAS adalah dipandu oleh Perlembagaan PAS 1977. Di dalam jangka masa ini juga, PAS telah melangsungkan sebanyak 5 muktamar tahunan--iaitu Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-24 pada 25, 26 dan 27 November 1978, Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-25 pada 7, 8 dan 9 September 1979, Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-26 pada 26, 27 dan 28 September 1980, Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-27 pada 17, 18 dan 19 April 1981 dan Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-28 pada 23 dan 24 Oktober 1982--dan 2 muktamar khas<sup>1</sup>--iaitu Muktamar Khas PAS Kali Ke-4 pada 25 Disember 1977 dan Muktamar Khas PAS Kali Ke-5 pada 2 Mac 1980. Di dalam jangka masa ini juga, PAS telah turut menyertai sebanyak 2 pilihan raya umum, iaitu Pilihan Raya Umum Kali Ke-6 yang telah dilangsungkan pada 11 Mac 1978 dan 8 Julai 1978 dan Pilihan Raya Umum Kali Ke-7 yang telah dilangsungkan pada 22 April 1982.

---

<sup>1</sup> Kesemua muktamar tahunan dan muktamar khas ini telah dilangsungkan di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

## Pendaruratan Kelantan Dan Penyingkiran PAS Dari Barisan Nasional

Masalah dalaman PAS di Kelantan mula memasuki dimensi yang lebih serius apabila Dr Mahathir Mohamad telah, pada 25 Oktober 1977, memasukkan hasrat untuk mendaruratkan Kelantan di dalam cadangan balas beliau ke atas keputusan Mesyuarat Dewan Harian PAS Kelantan pada 23 Oktober 1977.<sup>2</sup> Cadangan balas beliau yang mengandungi empat perkara itu--iaitu, pertama, bahawa kerajaan pimpinan Mohamad Nasir perlu meletakkan jawatannya; kedua, bahawa Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan baik dari PAS mahupun dari UMNO perlu digantikan dengan muka-muka baru;<sup>3</sup> ketiga, bahawa buat sementara waktu pentadbiran Kerajaan Kelantan perlu diuruskan oleh seorang pegawai tadbir--yang merupakan seorang pegawai kanan MCS-- yang akan bertanggungjawab terus kepada Perdana Menteri Malaysia di bawah satu rang undang-undang darurat; dan keempat, bahawa persoalan mengadakan satu pilihan raya baru tidak berbangkit sama sekali<sup>4</sup>--walau bagaimanapun telah ditolak oleh Mesyuarat Mesyuarat Dewan Harian PAS Kelantan pada 26 Oktober 1977 dan pada 28 Oktober 1977 yang menganggap kewujudan perkara ketiga di dalam cadangan balas beliau itu menyebabkan kerajaan yang bakal ditubuhkan itu menjadi sebuah "kerajaan patung".<sup>5</sup>

---

<sup>2</sup> Minit Mesyuarat Dewan Harian PAS Kelantan pada 26 Oktober 1977. Hlm. 1.

<sup>3</sup> Muka-muka baru dari PAS ini walau bagaimanapun adalah disyaratkan supaya turut tidak mengandungi Nik Abdul Rahman Nik Mohamad dan Ishak Lotfi Omar yang bukan merupakan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan pada masa itu ("Formula Dr Mahathir dan cadangan balas PAS", dlm. Utusan Melayu, 1 November 1977).

<sup>4</sup> Minit Mesyuarat Dewan Harian PAS Kelantan pada 26 Oktober 1977. Hlm. 1.

<sup>5</sup> Ibid. Hlm. 1; dan Minit Mesyuarat Dewan Harian PAS Kelantan pada 28 Oktober 1977. Hlm. 1. Mesyuarat Dewan Harian PAS Kelantan pada 28 Oktober 1977 telah khususnya memutuskan untuk mencadangkan supaya Mesyuarat Badan Perhubungan PAS Kelantan yang bakal dilangsungkan pada 29 Oktober 1977 menolak formula baru Dr Mahathir Mohamad kerana "dengan adanya pegawai pentadbir yang dicadangkan itu maka tidak ada erti lagi (wujudnya) sebuah kerajaan negeri kerana kuasanya (telah) dicabut dan ditiadakan".

Penolakan Dewan Harian PAS Kelantan ke atas cadangan balas Dr Mahathir Mohamad ini telah seterusnya dipersetujui oleh Mesyuarat Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 29 Oktober 1977<sup>6</sup> yang telah turut memberikan mandat kepada sebuah jawatankuasa khas--yang dianggotai oleh Ishak Lotfi Omar, Nik Abdul Rahman Nik Mohamad, Wan Ismail Ibrahim, Mohd Zain Abdullah dan Salahuddin Abdullah--untuk meneruskan perundingan penubuhan kerajaan baru dengan "pihak yang berkenaan".<sup>7</sup> Setelah diberikan mandat ini, jawatankuasa ini, yang terus bermesyuarat pada hari itu juga, pun memutuskan penolakannya ke atas perkara kedua dan perkara ketiga di dalam cadangan balas Dr Mahathir Mohamad itu<sup>8</sup> di samping mengemukakan pula cadangan balasnya<sup>9</sup> yang menyatakan bahawa sebuah kerajaan baru yang akan dianggotai oleh 6

<sup>6</sup> Mesyuarat ini juga telah bersetuju untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa khas penerangan untuk memberikan penjelasan mengenai krisis politik yang sedang berlaku di negeri itu selain untuk menghadapkan Ketua dan Setiausaha Dewan Ulama' PAS Kelantan, iaitu Muhammad Che Wok dan Mahmood Zuhdi Abdul Majid, Yang Dipertua dan Setiausaha PAS Tanah Merah, iaitu Ibrahim Abu Bakar dan Husain Yaakub, juga Che Ismail Che Abdullah, Ismail Ali, Abu Hassan Musa dan lain-lain pemimpin PAS yang "telah melakukan tindakan yang bertentangan dengan kepentingan parti" kepada Jawatankuasa Tata tertib PAS (Minit Mesyuarat Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 29 Oktober 1977. Hlm. 3-4). Ekoran daripada aduan yang dibuat oleh Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 9 November 1977 (Surat Setiausaha Agung PAS, Hassan Shukri, kepada Setiausaha Badan Perhubungan PAS Kelantan, Salahuddin Abdullah, bertarikh 13 Disember 1977 bertajuk "Tindakan Tata tertib". Hlm. 1), Mesyuarat Jawatankuasa Tata tertib PAS pada 26 Disember 1977 telah menggantung keahlian Muhammad Che Wok (Surat Setiausaha Agung PAS, Hassan Shukri, kepada Muhammad Che Wok bertarikh 27 Disember 1977 bertajuk "Penggantungan Keahlian Daripada PAS". Hlm. 1) dan Mahmood Zuhdi Abdul Majid (Surat Setiausaha Agung PAS, Hassan Shukri, kepada Mahmood Zuhdi Abdul Majid bertarikh 27 Disember 1977 bertajuk "Penggantungan Keahlian Daripada PAS". Hlm. 1), manakala Ibrahim Abu Bakar dan Husain Yaakub yang tidak mengendahkan amaran keras yang diberikan kepada mereka pula telah turut digantung keahlian mereka oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 9 Januari 1978 (Surat Setiausaha Agung PAS, Hassan Shukri, kepada Ibrahim Abu Bakar dan Husain Yaakub bertarikh 10 Januari 1978 bertajuk "Penggantungan Keahlian (Daripada PAS)". Hlm. 1).

<sup>7</sup> Minit Mesyuarat Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 29 Oktober 1977. Hlm. 3 dan 4. Pemberian mandat ini walaupun bagaimanapun adalah dibuat dengan secara bersyarat, iaitu bahawa Badan Perhubungan PAS Kelantan perlu dirujuki kembali oleh jawatankuasa perunding ini apabila "timbul soal pemilihan ahli-ahli dalam kerajaan baru nanti".

<sup>8</sup> Asas penolakan ini adalah bahawa "jika sekiranya (perkara) kedua diterima dengan disertai (perkara) ketiga, maka kedudukan (perkara) kedua pada hakikatnya tidak mempunyai erti lagi, apa lagi jika hanya dipakai (perkara) ketiga saja yang akan bererti demokrasi dalam kehidupan sudah tiada wujud lagi" ("Formula Dr Mahathir dan cadangan balas PAS", dim. Utusan Melayu, 1 November 1977).

<sup>9</sup> Pengurus jawatankuasa ini, iaitu Ishak Lotfi Omar, telah dilapor menyatakan bahawa "PAS Kelantan mungkin keluar dari Barisan Nasional sekiranya keputusan mesyuarat khas perunding parti itu... ditolak oleh pucuk pimpinan Barisan Nasional" ("PAS Kelantan mungkin keluar Barisan (Lotfi: Jika putusan jawatankuasa perunding ditolak)", dlm. Utusan Melayu, 31 Oktober 1977)--kenyataan yang telah

wakil PAS<sup>10</sup> dan 3 wakil UMNO<sup>11</sup> "hendaklah ditubuhkan dengan seberapa segera yang boleh"<sup>12</sup> dan bahawa "memandangkan kepada keadaan keselamatan dan keamanan yang memerlukan kawalan ketat sekarang, buat sementara waktu Jawatankuasa Keselamatan Negeri hendaklah disusun semula dengan satu komposisi baru", dengan "seorang pegawai kanan MCS yang boleh diterima oleh (PAS-UMNO)" dijadikan pengerusinya.<sup>13</sup>

Lanjutan daripada pengemukaan cadangan balas Jawatankuasa Perunding PAS ini,<sup>14</sup> UMNO pun memutuskan bahawa Hussein Onn, "selaku ketua kerajaan", akan

---

diulangi oleh seorang lagi ahlinya, iaitu Wan Ismail Ibrahim, keesokan harinya ("Formula balas PAS: Dua daripada cadangan Mahathir diterima", dlm. Utusan Melayu, 1 November 1977)--manakala kandungan cadangan balas daripada Jawatankuasa Perunding PAS ini sendiri telah turut menegaskan bahawa "adalah menjadi kewajipan PAS Negeri Kelantan mempertahankan kedudukan ini jika sekalipun terpaksa berada di luar Barisan Nasional peringkat negeri Kelantan" ("Formula Dr Mahathir dan cadangan balas PAS", dlm. Utusan Melayu, 1 November 1977). Mohd Asri Muda sendiri walau bagaimanapun sekadar dilapor menyatakan bahawa "krisis PAS di Kelantan sekarang tidak menjelaskan kedudukannya dalam Barisan Nasional" kerana "apa yang diharapkan oleh PAS sekarang ialah satu toleransi dari UMNO dan Barisan Nasional (sahaja)", khususnya "supaya tidak lagi terjadi pisang berbuah dua kali di mana calon yang dikemukakan oleh PAS boleh ditolak dengan sewenang-wenangnya oleh pihak lain" sedangkan "PAS tidak pernah mencampuri masalah UMNO, terutamanya apabila melantik Menteri Besar atau Ketua Menterinya" ("Formula balas PAS: Dua daripada empat cadangan Mahathir diterima", dlm. Utusan Melayu, 1 November 1977).

<sup>10</sup> 2 daripada wakil-wakil PAS ini adalah disyaratkan untuk dilantik sebagai Menteri Besar dan Timbalan Menteri Besar Kelantan masing-masingnya ("Formula Dr Mahathir dan cadangan balas PAS", dlm. Utusan Melayu, 1 November 1977).

<sup>11</sup> Menariknya, sebelum cadangan untuk menyertakan 3 wakil UMNO ke dalam Kerajaan Kelantan ini dibuat, pengurus jawatankuasa ini, iaitu Ishak Lotfi Omar, telah dilapor menyatakan pengharapan beliau agar "penubuhan jawatankuasa khas yang dipengerusikannya sendiri itu akan mempercepatkan lagi penubuhan kerajaan baru PAS tersendiri dengan tidak disertai oleh UMNO...kerana PAS ingin menubuhkan kerajaannya sendiri tanpa disertai UMNO" ("PAS Kelantan mungkin keluar Barisan (Lotfi: Jika putusan jawatankuasa perunding ditolak)", dlm. Utusan Melayu, 31 Oktober 1977).

<sup>12</sup> Penyegearan penubuhan kerajaan baru ini telah kemudiannya ditekankan sekali lagi oleh Jawatankuasa Perunding PAS ini di dalam cadangan balasnya itu melalui kenyataannya bahawa "oleh kerana tawar-menawar formula demi formula antara PAS Negeri Kelantan dengan pihak UMNO atau dengan Barisan Nasional telah memakan masa begitu lama, maka pihak PAS Negeri Kelantan merasa tidaklah perlu mengambil masa yang lama lagi untuk mencapai penyelesaian" ("Formula Dr Mahathir dan cadangan balas PAS", dlm. Utusan Melayu, 1 November 1977).

<sup>13</sup> Ibid. Jawatankuasa yang akan dipengerusikan oleh "seorang pegawai kanan MCS yang boleh diterima oleh (PAS-UMNO)" ini juga hendaklah, mengikut cadangan balas Jawatankuasa Perunding PAS ini, dianggotai oleh "Timbalan Menteri Besar atau wakilnya" sebagai timbalan pengurus, sesiapa sahaja yang akan dilantik mengikut peraturan biasa melainkan "Hassan Abdullah, setiausaha yang ada (pada masa itu)" sebagai setiausaha serta Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, Ketua Polis Kelantan, Pegawai Pemerintah Askar di Kelantan dan Pengarah Penerangan Negeri Kelantan (tetapi bukan Abdul Hamid Omar yang memegang jawatan itu pada masa itu) sebagai ahli-ahlinya.

"menjelaskan seterang-terangnya formula Barisan Nasional untuk menyelesaikan krisis Kelantan" kepada Mohd Asri Muda dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Perunding PAS di dalam perjumpaan mereka pada 2 November 1977<sup>15</sup>--perjumpaan<sup>16</sup> yang menyaksikan Hussein Onn sekali lagi mengemukakan cadangan supaya Kelantan didaruratkan, dengan PAS diberikan tempoh sehingga 7 November 1977 untuk memberikan jawapan ke atasnya.<sup>17</sup> Pengumuman, pada 4 November 1977, Dr Mahathir Mohamad mengenai cadangan pembentangan rang undang-undang bagi mendaruratkan Kelantan di Parlimen<sup>18</sup> yang diikuti oleh perincian, pada 6 November 1977, Hussein Onn mengenai tarikh pembentangannya (8 dan 9 November 1977)<sup>19</sup> menjadikan jawapan dari PAS tidak

---

<sup>14</sup> Cadangan balas Jawatankuasa Perunding PAS ini telah disampaikan oleh Mohd Asri Muda kepada Dr Mahathir Mohamad pada petang 31 Oktober 1977 ("Formula balas PAS: Dua daripada empat cadangan Mahathir diterima", dlm. Utusan Melayu, 1 November 1977; dan "Mahathir kaji formula PAS", dlm. Utusan Melayu, 1 November 1977).

<sup>15</sup> Keputusan ini telah dicapai oleh perjumpaan di antara Hussein Onn dan Dr Mahathir Mohamad--perjumpaan yang walau bagaimanapun dilaporkan turut dihadiri oleh para pemimpin UMNO, iaitu Tengku Razaleigh Hamzah, Senu Abdul Rahman, Abdul Ghafar Baba dan Mohd Adib Adam, dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Mohd Ghazali Shafie ("Hussein, Mahathir, bincang formula balas PAS", dlm. Utusan Melayu, 1 November 1977; dan "Hussein-Asri berunding: Formula Barisan dijelaskan hari ini", dlm. Utusan Melayu, 2 November 1977).

<sup>16</sup> Mengikut Jawatankuasa Perunding PAS kemudiannya: "Perjumpaan pada hari tersebut bukanlah satu majlis perundingan atau mesyuarat...(tetapi) semata-mata sebagai majlis perjumpaan bagi mendapat taklimat atau mendapat penjelasan terhadap formula Perdana Menteri sahaja...di mana pihak kami dihadapkan dengan satu kata dua, (iaitu) sama ada PAS Kelantan menerima(nya) atau(pun) tidak, pemerintahan secara MAGERAN di Kelantan tetap akan dilaksanakan" ("Formula Perdana Menteri amat drastik--PAS Kelantan", dlm. Utusan Melayu, 8 November 1977).

<sup>17</sup> "PAS diberi tempoh menjawab hari Isnin: Perdana Menteri kemuka cadangannya sendiri selesaikan krisis Kelantan", dlm. Utusan Melayu, 3 November 1977. Perjumpaan ini juga dilaporkan turut dihadiri oleh para pemimpin UMNO, iaitu Tengku Razaleigh Hamzah, Senu Abdul Rahman, Abdul Ghafar Baba, Aishah Ghani, Mokhtar Hashim dan Mohd Adib Adam, dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Mohd Ghazali Shafie.

<sup>18</sup> "Undang-undang pemerintahan 'ala-MAGERAN' ke Parlimen (Perlu diadakan bagi jamin keadaan lebih baik di Kelantan--Mahathir)", dlm. Utusan Melayu, 5 November 1977. Laporan ini menyebut Dr Mahathir Mohamad sebagai menyatakan bahawa rang undang-undang yang "sedang disediakan" ini "akan dibentangkan di Parlimen dalam masa seminggu dua ini".

<sup>19</sup> "Kerajaan Pusat ambil-alih Kelantan (Atas sebab-sebab keselamatan rang undang-undang dibentang di Parlimen--Hussein)", dlm. Utusan Melayu, 7 November 1977. Laporan ini menyebut Hussein Onn sebagai menyatakan bahawa "walaupun pihak PAS telah diberi tempoh selewat-lewatnya esok untuk memberikan jawapannya mengenai krisis Kelantan itu, tetapi ini tidak akan menjelaskan pandangan yang saya berikan dulu kepada mereka mengenai (masalah) keselamatan di sana yang tidak berkurangan".

bererti lagi<sup>20</sup> di samping turut mendorong Jawatankuasa Kerja Agung PAS, di dalam mesyuarat khasnya pada 6 November 1977, mengarahkan Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimennya meletakkan jawatan,<sup>21</sup> jika tidak, mereka akan terpecat dengan sendiri dari PAS,<sup>22</sup> bagi membolehkan mereka menentangnya di Dewan Rakyat.

<sup>20</sup> Jawapan dari pihak PAS, yang dikemukakan oleh Ishak Lotfi Omar sebagai mewakili Jawatankuasa Perunding PAS, ini telah, selain menolak cadangan untuk mendaruratkan Kelantan yang disifatkannya sebagai "amat drastik", "menjejaskan anggapan baik dari warganegara yang setia terhadap kerajaan" dan "menjejaskan hasrat untuk mewujudkan perpaduan rakyat, terutama di kalangan orang Melayu dan bumiputera seluruhnya", menyatakan bahawa "walaupun menyedari bahawa langkah-langkah ke arah (mendaruratkan Kelantan) telah disusun sedemikian rupa menurut proses yang lazim, (saya), sesuai dengan semangat solidariti yang sedia terjalin, merasakan adalah menjadi tanggungjawab saya dan rakan-rakan yang lain (di dalam Jawatankuasa Perunding PAS) menunaikan janji yang diberikan pada 2 November (1977) dengan harapan pintu penyelesaian masih terbuka melalui mesyuarat" ("Formula Perdana Menteri amat drastik--PAS Kelantan", dlm. Utusan Melayu, 8 November 1977).

<sup>21</sup> Minit Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 6 November 1977. Hlm. 2. Selain daripada memutuskan bahawa "Menteri-Menteri dari PAS... hendaklah meletakkan jawatan daripada menjadi Menteri sebaik-baik sahaja selesai persidangan Kabinet itu (dan) tindakan meletakkan jawatan ini hendaklah juga diambil oleh Timbalan-Timbalan Menteri dan Setiausaha-Setiausaha Parlimen dari PAS (di mana) mereka hendaklah menyertai Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain sebagai *backbencher* di Dewan Rakyat mulai pada petang 8 November 1977", mesyuarat khas ini juga telah turut memutuskan bahawa "Menteri-Menteri dari PAS mesti(lah) hadir dalam mesyuarat Kabinet pada (pagi) 8 November 1977 dan (mereka) hendaklah menentang Rang Undang-Undang Kuasa-Kuasa Darurat (Kelantan) 1977 yang akan dibentangkan (di) dalam mesyuarat itu". Keputusan-keputusan ini telah dipatuhi oleh kesemua Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen dari PAS melainkan Hasan Adli Arshad yang telah tidak meletakkan jawatan beliau sebagai Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan ("Rasmi: Asri ketuai berhenti dari kabinet", dlm. Utusan Melayu, 9 November 1977).

<sup>22</sup> Turut diputuskan untuk terpecat dengan sendiri dari PAS adalah Ahli-Ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara PAS yang tidak mematuhi keputusan-keputusan yang menghendaki mereka untuk "mengambil bahagian berucap menentang Rang Undang-Undang Kuasa-Kuasa Darurat (Kelantan) 1977 yang dikemukakan (di) dalam Dewan Rakyat" dan "di dalam Dewan Negara", juga untuk "mengundi menentang rang undang-undang itu ketika undian dijalankan" (*Ibid.* Hlm. 2-3). Keputusan-keputusan ini telah dipatuhi oleh kesemua Ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara PAS melainkan Hasan Adli Arshad yang telah berucap (Penyata Rasmi Parlimen. Dewan Rakyat. Parlimen Keempat. Penggal Ketiga. Jil. III, Bil. 37, Hari Selasa, 8 November 1977. Ruangan 4149-4154) dan mengundi (*Ibid.* Jil. III, Bil. 37, Hari Selasa, 8 November 1977. Ruangan 4251 dan 4257) menyokongnya dan Lokman Abdul Kadir yang telah turut mengundi menyokongnya (*Ibid.* Jil. III, Bil. 37, Hari Selasa, 8 November 1977. Ruangan 4253 dan 4259). Lebih dari itu, Hasan Adli Arshad--yang telah sebelumnya menyatakan bahawa "(beliau) tidak akan menyokong dan mempersetujui sebarang usaha dan rancangan memecat dan menyingkirkan Dato' Haji Mohamad Nasir dari kedudukannya sekarang tanpa sebab-sebab dan latar belakang yang sebenar-benarnya sihat, bersih, wajar dan sesuai dengan kaedah mengangkat dan menurunkan kepimpinan Islam sebagaimana yang dirumuskan oleh Dewan Ulama" dan bahawa "ahli-ahli PAS (hendaklah) (meng)halang sebarang percubaan (oleh orang-orang yang *opportunist*, tamak (serta) mempunyai sifat-sifat dendam dan kesumat, walau siapa pun) untuk mengeksplotasi parti dan rakyat jelata semata-mata untuk memenuhi sebarang ambisi politik yang tidak sihat" (Kenyataan akhbar Timbalan Yang Dipertua Agung PAS, Hasan Adli Arshad, bertarikh 19 September 1977 (tidak bertajuk). Hlm. 1) tetapi yang telah sebelumnya turut menyatakan bahawa pemerintahan secara darurat di Kelantan hanya boleh dilaksanakan setelah "kumpulan majoriti yang bersatu di dalam Dewan Undangan Negeri Kelantan diberi peluang lebih dulu mengetuai kerajaan negeri" dan setelah pemberian peluang berkenaan "ternyata...menyebabkan keadaan lebih huru-hara" (Kenyataan akhbar Timbalan Yang Dipertua Agung PAS, Hasan Adli Arshad, bertarikh 4 November 1977 (tidak bertajuk). Hlm. 1-2)--telah kemudiannya dilaporkan membuat desakan kepada "tokoh-

Pembentangan Rang Undang-Undang Kuasa-Kuasa Darurat (Kelantan) 1977,<sup>23</sup> yang didahului oleh pengeluaran satu perisytiharan darurat oleh Yang di-Pertuan Agong,<sup>24</sup> ternyata mendatangkan impak yang amat besar ke atas kedudukan PAS di dalam Barisan Nasional kerana ia--yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat<sup>25</sup> di sebalik hujjah Mohd Asri Muda<sup>26</sup> bahawa Kelantan tidak perlu didaruratkan kerana keadaan keselamatannya adalah dikatakan terkawal<sup>27</sup>--telah menyebabkan PAS diarahkan, oleh

---

"tokoh Barisan Nasional" supaya "jangan teragak-agak bertindak menyingkir mana-mana rakan sekutunya yang terang-terang didapati hendak melakukan pengkhianatan terhadap konsep Barisan Nasional" ("Singkirkan komponen-komponen Barisan yang sabotaj--Hasan", dlm. Utusan Melayu, 26 November 1977).

<sup>23</sup> Sewaktu membentangkan Rang Undang-Undang Kuasa-Kuasa Darurat (Kelantan) 1977 ini, Hussein Onn telah di antara lainnya menyatakan: "Saya mengaku rang undang-undang ini mengandungi implikasi politik dan menyentuh prinsip demokrasi. Sungguhpun demikian, saya tidak mengemukakannya dengan sewenang-wenangnya...Perkara keselamatan dan ketenteraman negara saya akan utamakan atas segala-galanya...Demi Allah, saya tidak bermain politik..." (Penyata Rasmi Parliment. Dewan Rakyat. Parliment Keempat. Penggal Ketiga. Jil. III, Bil. 37, Hari Selasa, 8 November 1977. Ruangan 4119-4120).

<sup>24</sup> Warta Kerajaan Persekutuan, 8 November 1977, P.U. (A) 358.

<sup>25</sup> Setelah diundi, Rang Undang-Undang Kuasa-Kuasa Darurat (Kelantan) 1977 ini telah memperolehi 118 undi menyokong berbanding 18 undi membangkang di dalam Dewan Rakyat, dengan 11 daripada 18 undi membangkang ini datang dari Ahli-Ahli Dewan Rakyat PAS manakala 7 undi lagi datang dari Ahli-Ahli Dewan Rakyat DAP. Sementara dua orang Ahli Dewan Rakyat PAS, iaitu Hasan Adli Arshad dan Lokman Abdul Kadir, telah mengundi menyokong rang undang-undang ini, seorang lagi Ahli Dewan Rakyat PAS, iaitu Yusoff Rawa, yang pada masa itu merupakan Duta Malaysia di Iran, telah tidak menghadiri sidang ini (Penyata Rasmi Parliment. Dewan Rakyat. Parliment Keempat. Penggal Ketiga. Jil. III, Bil. 37, Hari Selasa, 8 November 1977. Ruangan 4251-4254 dan 4257-4260). Di dalam Dewan Negara pula, rang undang-undang ini telah memperolehi 46 undi menyokong berbanding 1 undi membangkang yang diberikan oleh sesatunya Ahli Dewan Negara PAS, iaitu Mohd Amin Yaakob (Penyata Rasmi Parliment. Dewan Negara. Parliment Keempat. Penggal Ketiga. Jil. III, Bil. 17, Hari Rabu, 9 November 1977. Ruangan 1635-1638).

<sup>26</sup> Mohd Asri Muda juga turut mendakwa bahawa *emergency* ini merupakan *emergency of convenience* (Penyata Rasmi Parliment. Dewan Rakyat. Parliment Keempat. Penggal Ketiga. Jil. III, Bil. 37, Hari Selasa, 8 November 1977. Ruangan 4132), dakwaan yang disokong oleh Lim Kit Siang yang--dengan menggunakan perisytiharan darurat di Sarawak pada 19 September 1966 yang, mengikut kandungan sebuah buku (Bruce Ross-Larson (1976). The Politics of Federalism: Syed Kechik in East Malaysia. Singapore: Bruce Ross-Larson) dan kandungan satu kenyataan bertandatangan (Senawi Sulaiman), dikatakan merupakan *emergency of convenience*--menghujahkan bahawa "kalau *emergency of convenience* pernah berlaku dahulu, ia boleh berlaku lagi sekarang" (Ibid. Jil. III, Bil. 37, Hari Selasa, 8 November 1977. Ruangan 4159-4168). Turut berucap membangkang rang undang-undang ini ialah Dr Tan Chee Khoon, Abu Bakar Umar dan Lee Lam Thye (Ibid. Jil. III, Bil. 37, Hari Selasa, 8 November 1977. Ruangan 4182-4186, 4214-4218 dan 4226-4230).

<sup>27</sup> Ibid. Jil. III, Bil. 37, Hari Selasa, 8 November 1977. Ruangan 4138, 4142 dan 4144-4145. Hujjah Mohd Asri Muda ini telah kemudiannya disokong oleh Chandra Muzaffar yang menulis: "From all accounts, the situation did not warrant an emergency or administration by fiat. Not a single life was lost; no one was even hospitalized! Calm had returned very quickly and the curfew, which of course is used to justify the emergency, is regarded as a bit of a joke" (Chandra Muzaffar, Malaysia: The

Mesyuarat Majlis Tertinggi Barisan Nasional pada 5 Disember 1977,<sup>28</sup> untuk memecat keahlian Ahli-Ahli Parlimennya yang mengundi menentangnya kerana ini dikatakan melanggar Fasal 14 Perlembagaan Barisan Nasional.<sup>29</sup> Setelah PAS menyatakan, pada 7 Disember 1977, ketegasannya untuk tidak memecat Ahli-Ahli Parlimennya ini,<sup>30</sup> majlis itu, di dalam mesyuaratnya pada 13 Disember 1977,<sup>31</sup> pun mengarahkan PAS berbuat demikian sebelum 17 Disember 1977,<sup>32</sup> jika tidak, PAS akan terpecah dengan sendiri dari

---

National Front on Trial, dlm. Southeast Asian Affairs 1978. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies dan Heinemann Educational Books (Asia) Ltd. Hlm. 159).

<sup>28</sup> "Barisan Nasional minta PAS pecat ahli-ahli yang menentang ketua whip di dewan", dlm. Utusan Melayu, 6 Disember 1977; Teks ucapan dasar Mohd Asri Muda di dalam Muktamar Khas PAS Kali Ke-4 pada 25 Disember 1977 bertajuk "Cubaan Dan Cabaran". Hlm. 30-31; dan Penyata Tahunan PAS 1977/1978. Hlm. 16. Arahan ini adalah terkandung di dalam usul--yang berbunyi "bahawa parti-parti anggota Barisan Nasional yang ahlinya didapati menentang arahan *party whip* mengenai sesuatu masalah yang dibentangkan di dalam Dewan Rakyat, Dewan Negara atau Dewan Negeri hendaklah mengambil tindakan disiplin dengan memecat mereka itu dari menjadi ahli-ahli partinya"--yang dikemukakan oleh Hussein Onn dan yang diluluskan oleh Mesyuarat Majlis Tertinggi Barisan Nasional pada 5 Disember 1977 setelah ia memperolehi sokongan daripada 9 parti komponennya berbanding bangkangan daripada 1 parti (PAS) manakala 1 lagi parti (PPP) memilih untuk berkecuali.

<sup>29</sup> Fasal ini adalah berbunyi: "Dewan Tertinggi mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan tata tertib, menggantung atau memecat mana-mana parti anggota yang melakukan sesuatu yang bertentangan dengan kepentingan Barisan Nasional" (Perlembagaan Barisan Nasional 1975. Fasal 14).

<sup>30</sup> Penegasan PAS ini adalah terkandung di dalam sepucuk surat yang dihantarkannya kepada Ibu Pejabat Barisan Nasional pada 7 Disember 1977 yang telah, setelah menjelaskan ketidaksediaannya untuk memecat "orang-orang yang akan menentukan masa depan PAS" ini, menyatakan kesediaan PAS untuk "menerima apa saja tindakan dari (Majlis) Tertinggi Barisan Nasional", tetapi dengan turut mengharapkan agar "sebarang keputusan hendaklah (diaskan kepada) kebaikan perpaduan orang-orang Melayu sendiri" ("PAS rela terima tindakan", dlm. Utusan Melayu, 10 Disember 1977).

<sup>31</sup> Mohd Asri Muda telah kemudiannya memberitahu Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 14 Disember 1977 bahawa agenda asal Mesyuarat Majlis Tertinggi Barisan Nasional pada 13 Disember 1977 adalah "memecat PAS dari Barisan Nasional", tetapi bahawa agenda ini telah, disebabkan kehadiran wakil-wakil PAS--yang sebelumnya dijangka tidak akan menghadirinya--di dalamnya, ditukarkan menjadi "memberi tempoh kepada parti yang menentang *party whip* untuk memecat ahli-ahli partinya" (Minit Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 14 Disember 1977. Hlm. 1).

<sup>32</sup> Mengikut Hussein Onn, pemilihan 17 Disember 1977 sebagai tempoh akhir untuk PAS memecat Ahli-Ahli Parlimennya ini adalah kerana "pada tarikh yang sama parti itu akan (meng)emukakan usul undi tidak percaya kepada Menteri Besar Kedah" ("PAS diberi tempoh 4 hari: Jika tidak, terpecah secara automatik dari Barisan", dlm. Utusan Melayu, 14 Disember 1977). Mengikut B H Shafuddin pula, UMNO sebenarnya berhasrat untuk menyingkirkan PAS dari Barisan Nasional sebelum dari tarikh pendaruratan Kelantan lagi tetapi bahawa hasrat ini terpaksa ditangguhkan olehnya kerana kepercayaannya bahawa "*PAS's hold on the Kelantanese was strong (at that point)*"--kepercayaan yang menyebabkan ia merasa bimbang bahawa "*PAS might still have won Kelantan (at that point) and then taken Kelantan back to its pre-coalition 'independent' ways*"--dan bahawa "*an immediate expulsion of PAS could have worked to its advantage by portraying it to Kelantanese as the innocent victim of the Centre's power play*" (B H Shafuddin (1987). The Federal Factor in the Government and Politics of Peninsular Malaysia. Singapore: Oxford University Press. Hlm. 357). Dakwa beliau lagi: "*The delay*

Barisan Nasional,<sup>33</sup> tetapi arahan ini ditolak oleh Jawatankuasa Kerja Agung PAS yang, di dalam mesyuarat khasnya pada 14 Disember 1977, memutuskan untuk menganggap yang PAS telah pun dipecat dari Barisan Nasional mulai dari 13 Disember 1977 lagi.<sup>34</sup>

Tindakan Majlis Tertinggi Barisan Nasional membuat satu keputusan yang telah secara efektifnya memecat PAS dari Barisan Nasional ini<sup>35</sup> telah sekaligus mengubah fungsi Muktamar Khas PAS Kali Ke-4 di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur,

---

*"thus enabled UMNO to gauge and undermine PAS's support and to generate a sense of crisis and urgency which provided the excuse for the imposition of Central rule" (Ibid. Hlm. 357).*

<sup>33</sup> Sewaktu mengumumkan keputusan--yang memperolehi sokongan daripada 9 parti komponennya berbanding bangkangan daripada 2 parti (PAS dan PPP)--ini, Hussein Onn telah dilapor menyatakan: "Mesyuarat (Majlis) Tertinggi (Barisan Nasional) malam ini ialah kerana menimbang permintaan dari UMNO, iaitu jika sekiranya PAS tidak mematuhi atau mengambil tindakan sebagaimana resolusi yang diluluskan oleh (Majlis) Tertinggi Barisan (Nasional) pada 5 Disember (1977) sebelum 17 Disember (1977) ini, maka PAS dengan sendirinya terpecat dari Barisan Nasional" (Ibid). Walaupun inisiatif untuk memecat PAS adalah datang dari UMNO ("UMNO minta Barisan pecat PAS: Untuk elakkan pertelingkahan berpanjangan", dlm. Utusan Melayu, 10 Disember 1977; "Seluruh Bahagian UMNO sokong pecat PAS", dlm. Utusan Melayu, 10 Disember 1977; dan "Seluruh Bahagian UMNO setuju sebulat suara", dlm. Utusan Melayu, 10 Disember 1977), Ibu Pejabat UMNO sendiri telah kemudiannya mengeluarkan surat pekeliling kepada semua bahagian dan cawangannya untuk menerangkan sebab-sebab penyingkir PAS dari Barisan Nasional kerana, mengikut Setiausaha Agung UMNO, Senu Abdul Rahman, "kita tidak mahu seolah-olah UMNO yang menyebabkan PAS tersingkir" ("Ibu Pejabat UMNO keluarkan surat pekeliling sebab-sebab penyingiran PAS", dlm. Utusan Melayu, 21 Januari 1978).

<sup>34</sup> Minit Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 14 Disember 1977. Hlm. 2. Mesyuarat khas ini telah merangka sepucuk surat, bertajuk "Mesyuarat Majlis Tertinggi Barisan Nasional (Pada) 13 Disember 1977", untuk dihantar kepada Setiausaha Agung Barisan Nasional pada hari itu juga berbunyi: "Setelah memerhati dan memahami bentuk dan isi keputusan Majlis Tertinggi Barisan Nasional pada 13 Disember 1977, jelaslah menunjukkan bahawa hasrat pemimpin-pemimpin UMNO untuk menyingkirkan PAS dari Barisan Nasional terbukti dengan nyatanya. Adapun tempoh yang diberikan itu tidaklah memberi erti apa-apa kerana PAS telah pun menyatakan sikap tegasnya tidak bersedia memecat ahli-ahlinya seperti yang diputuskan dalam Mesyuarat Barisan Nasional pada 5 Disember 1977 di mana dapat difahami bersama bahawa adalah tidak wajar bagi sesebuah parti politik untuk mengambil tindakan yang sedemikian rupa. Oleh itu, sesuai dengan semangat keputusan Majlis Tertinggi Barisan Nasional pada 13 Disember 1977 dan sikap tegas PAS itu, maka tidaklah mustahak lagi bagi Barisan Nasional menunggu tempoh seperti yang ditetapkan, dan dengan demikian pada hakikatnya PAS telah pun dipecat dari Barisan Nasional mulai (dari) tarikh 13 Disember 1977 (malam) itu juga". Lihat juga teks ucapan dasar Mohd Asri Muda di dalam Muktamar Khas PAS Kali Ke-4 pada 25 Disember 1977 bertajuk "Cubaan Dan Cabaran". Hlm. 33; dan Penyata Tahunan PAS 1977/1978. Hlm. 16.

<sup>35</sup> Selaras dengan keputusan Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 14 Disember 1977 yang menganggap PAS telah pun dipecat dari Barisan Nasional mulai dari 13 Disember 1977 lagi, Pejabat Agung PAS telah, pada 15 Disember 1977, meminta kerusi Ahli-Ahli Parlimennya dialihkan ke barisan pembangkang--permintaan yang merasmikan kedudukan baru PAS sebagai pembangkang (Teks ucapan dasar Mohd Asri Muda di dalam Muktamar Khas PAS pada 25 Disember 1977 bertajuk

pada 25 Disember 1977--yang pada awalnya dimaksudkan untuk "mengkaji dan membincangkan kedudukan PAS dalam pergolakan politik sekarang"<sup>36</sup>--menjadi tidak lebih daripada sekadar satu majlis taklimat akademik dari pucuk pimpinan PAS semata-mata.<sup>37</sup> Di dalam ucapan dasar beliau pada Muktamar Khas PAS ini,<sup>38</sup> Mohd Asri Muda telah--selain menjelaskan bahawa punca sebenar berlakunya krisis di Kelantan itu adalah kerana tindakan dua tokoh UMNO Kelantan<sup>39</sup> menjadikan negeri itu medan perjudian untuk melonjakkan kedudukan mereka di dalam UMNO, khususnya dengan menaja perlantikan dan memperalatkan Mohamad Nasir untuk menghancurkan kekuatan PAS

---

"Cubaan Dan Cabaran". Hlm. 33; dan "Rasmi: PAS di barisan pembangkang", dlm. Utusan Melayu, 17 Disember 1977).

<sup>36</sup> Surat Setiausaha Agung PAS, Hassan Shukri, kepada Setiausaha-Setiausaha Dewan-Dewan Ulama', Pemuda dan Muslimat PAS Pusat, dan Setiausaha-Setiausaha PAS Kawasan bertarikh 7 Disember 1977 bertajuk "Muktamar Khas PAS 1398H/1977M". Hlm. 1.

<sup>37</sup> Muktamar khas, yang secara rasminya hanya diputus untuk dilangsungkan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 4 Disember 1977 dan oleh Mesyuarat Dewan Harian PAS Pusat pada 6 Disember 1977 (Ibid. Hlm. 1), ini asalnya adalah dicadang untuk dilangsungkan "bagi membincangkan mandat baru kepimpinan pucuk pimpinan sekarang akibat dari krisis yang berlaku di Kelantan sekarang" ("Asri minta mandat baru: PAS panggil muktamar khas bincang masalah kepimpinan PAS akibat krisis Kelantan", dlm. Utusan Melayu, 17 Oktober 1977).

<sup>38</sup> Ucapan dasar Mohd Asri Muda di dalam Muktamar Khas PAS Kali Ke-4 pada 25 Disember 1977 ini merupakan satu ucapan dasar yang amat panjang sekali di mana penyampaiannya dilaporkan telah mengambil masa selama kira-kira 2 jam 15 minit (Penyata Tahunan PAS 1977/1978. Hlm. 16).

<sup>39</sup> Teks ucapan dasar Mohd Asri Muda di dalam Muktamar Khas PAS Kali Ke-4 pada 25 Disember 1977 bertajuk "Cubaan Dan Cabaran". Hlm. 7. Kenyataan beliau bahawa penyingkiran PAS dari Barisan Nasional ini merupakan satu *grand design* anasir-anasir komunis--*grand design* yang dikatakan terus dijalankan oleh kakitangan mereka walaupun "di antara yang dianggap para pemimpin mereka" (satu rujukan kepada Abdullah Ahmad, tetapi juga kepada Abdullah Majid dan Abdul Samad Ismail) telah ditahan (di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri pada 3 November 1976 *'for alleged communist involvement'* (Ahmad Fawzi Mohd Basri (1992). The United Malays National Organization (UMNO) 1981-1991: A Study of the Mechanics of a Changing Political Culture. University of Hull. Hlm. 90))--untuk "(meng)hancur(kan) mana-mana saja pihak yang agak menonjol yang mereka fikir akan menjadi penghalang kepada perkembangan pengaruh atau kemajuan usaha mereka" (Ibid. Hlm. 6) walau bagaimanapun dirasakan menunjukkan bahawa, bagi Mohd Asri Muda, Abdullah Ahmad adalah lebih bertanggungjawab ke atas penyingkiran ini berbanding Tengku Razaleigh Hamzah. Kenyataan beliau kemudiannya mengenai penglibatan "The Gang of Four"--yang sebahagian daripada mereka dikatakan telah ditangkap manakala lebihannya pula dikatakan masih berkuasa--di dalam peristiwa tunjuk perasaan dan rusuhan di Kelantan (Ibid. Hlm. 24-25) pula dirasakan lebih ditujukan kepada Dr Mahathir Mohamad berbanding kepada Abdullah Ahmad, Abdullah Majid dan Abdul Samad Ismail. Selain daripada peranan yang telah dimainkan oleh Abdullah Ahmad dan Tengku Razaleigh Hamzah--tetapi juga Dr Mahathir Mohamad--ini, peranan yang turut dimainkan oleh dua lagi tokoh UMNO Kelantan, iaitu Hussain Ahmad dan Dr Nik Hussain Nik Abdul Rahman, di dalam menghancurkan PAS di Kelantan ini juga tidaklah boleh dinafikan, malah, mengikut Hussain Ahmad, beliaulah sebenarnya yang paling banyak memainkan peranan di dalam usaha untuk menghancurkan PAS di Kelantan ini (Wawancara dengan Hussain Ahmad di kediaman beliau pada 22 Mei 1999).

dari dalam<sup>40</sup>--mewajarkan tindakan Jawatankuasa Kerja Agung PAS menangani krisis ini dengan menyatakan bahawa jika Mohamad Nasir, yang dikatakan bukan sahaja telah diperalatkan malah telah menyeleweng dari *khittah* perjuangan PAS, tidak disingkirkan pada masa dan dengan cara itu, maka perjuangan PAS dikatakan akan terus lumpuh.<sup>41</sup>

Di dalam ucapan dasar beliau itu juga, sementara beliau tidak terus menolak kemungkinan untuk bekerjasama semula dengan UMNO,<sup>42</sup> Mohd Asri Muda telah cuba menaikkan moral ahli-ahli PAS dengan menegaskan bahawa, walaupun ia telah kehilangan jawatan di dalam kerajaan, PAS sebenarnya dikatakan tidak kalah, malah ahli-ahlinya dikatakan lebih bersemangat dari dahulu, kerana kekuatan sebenar sebuah parti dikatakan didasarkan kepada kekuatan aqidah, bukannya kekuatan kebendaan.<sup>43</sup> Serentak dengan itu, beliau juga telah menggariskan enam program--yang bertunjangkan kepada peningkatan kefahaman dan keyakinan politik Islam di kalangan ahli-ahli PAS dan masyarakat umum--bagi mengembalikan semula kekuatan PAS sebagai sebuah parti pembangkang.<sup>44</sup> Akhirnya, di sebalik kritikan sesetengah perwakilan ke atas keengganan

<sup>40</sup> Teks ucapan dasar Mohd Asri Muda di dalam Muktamar Khas PAS Kali Ke-4 pada 25 Disember 1977 bertajuk "Cubaan Dan Cabaran". Hlm. 9.

<sup>41</sup> Ibid. Hlm. 10-11.

<sup>42</sup> Ibid. Hlm. 33-34 dan 43. Jelas Mohd Asri Muda: "Untuk perhatian saudara-saudara, kita tidak memusuhi ahli-ahli UMNO dan tidak pernah untuk menganggap ahli-ahli UMNO sebagai musuh kita. Kita senantiasa baik sangka, kita tidak tergamak menyatakan bahawa semua orang UMNO itu musuh kita. Kita hanya tidak dapat berkompromi dengan sebahagian pemimpin UMNO yang bertindak songsang dan serong untuk memakan dan menelan kawan, manusia sebangsa dengan mereka, demi membina kepentingan politik jangka pendek dan jangka panjang (mereka) hingga tergamak melupakan kepentingan keseluruhan nasib bangsa dan negara mereka". Jelas beliau lagi: "Nasi sebenarnya belum menjadi bubur. Langkah-langkah positif masih terbuka. Meskipun PAS berada di kem lain dengan fungsinya yang berlainan, namun tiada siapa yang boleh menghalang kita dari mengambil langkah sederap dan sederup dalam menghadapi soal ini yang begitu serius dan sensitif. Jangan lupa tiada buni yang boleh terbit dari tepukan angin sebelah tangan". Beliau juga telah kemudiannya turut dilapor menyatakan bahawa "pada anggapan (beliau) kini, 'nasi belum menjadi bubur'" dan bahawa "masih ada pihak-pihak tertentu yang mencuba mencari jalan mengatasi perpecahan itu" ("Bagaimana masa depan PAS?" dlm. Dewan Masyarakat, 15 Januari 1978. Hlm. 3).

<sup>43</sup> Teks ucapan dasar Mohd Asri Muda di dalam Muktamar Khas PAS Kali Ke-4 pada 25 Disember 1977 bertajuk "Cubaan Dan Cabaran". Hlm. 36-37.

beliau menerima hujjah-hujjah mereka yang tidak menyetujui kerjasama PAS dan UMNO dahulu,<sup>45</sup> ke atas kekurangtegasan beliau sewaktu berhadapan dengan pemimpin UMNO<sup>46</sup> dan ke atas kelambatan beliau merujukkan krisis ini kepada Jawatankuasa Kerja Agung PAS.<sup>47</sup> Muktamar Khas PAS ini telah, di atas cadangan wakil Dewan Pemuda PAS Pusat, meluluskan<sup>48</sup> satu usul kepercayaan kepada kepimpinan beliau.<sup>49</sup>

---

<sup>44</sup> Ibid. Hlm. 43-44.

<sup>45</sup> Peringatan Muktamar Khas PAS Kali Ke-4 pada 25 Disember 1977. Hlm. 15 dan 17. Kritikan ke atas perkara ini telah disuarakan oleh wakil-wakil Bruas dan Padang Rengas.

<sup>46</sup> Ibid. Hlm. 9-11, 12 dan 14. Kritikan ke atas perkara ini telah disuarakan oleh wakil-wakil Pontian, Sabak Bernam, Baling, Tumpat dan Kangar.

<sup>47</sup> Ibid. Hlm. 8, 11 dan 12. Kritikan ke atas perkara ini telah disuarakan oleh wakil-wakil Dewan Pemuda PAS Pusat, Sabak Bernam dan Batu Berendam. Jelas Penyata Tahunan PAS 1977/1978: "Krisis PAS Kelantan ini, menurut apa yang dinyatakan oleh Badan Perhubungan PAS Kelantan, adalah bermula sejak (dari tahun 1974)...(tetapi) Jawatankuasa Kerja Agung hanya mula membincangkan secara rasmi masalah krisis PAS Kelantan itu pada 26 September 1977, iaitu setelah menerima secara rasmi permohonan dari Badan Perhubungan PAS Kelantan untuk memecat Dato' Haji Mohamad Nasir dari menjadi ahli PAS..." (Penyata Tahunan PAS 1977/1978. Hlm. 14).

<sup>48</sup> Peringatan Muktamar Khas PAS Kali Ke-4 pada 25 Disember 1977. Hlm. 23. Usul ini walau bagaimanapun telah tidak dipersetujui oleh wakil Bruas yang telah, hasil daripada mesyuarat jawatankuasa kerjanya pada 16 Disember 1977, dilapor akan mengusulkan supaya Mohd Asri Muda "mengundurkan diri secara terhormat dari jawatan Yang Dipertua Agung PAS" untuk digantikan oleh Dr Abbas Alias (manakala jawatan Timbalan Yang Dipertua Agung PAS yang menjadi kosong ekoran terpecahnya Hasan Adli Arshad dari PAS pula dicadangkan untuk diambil-alih oleh Yusoff Rawa) bagi "membetulkan semula kepincangan pucuk pimpinan parti itu (pada masa itu)" ("PAS Kawasan Bruas nak usulkan Dato' Asri undur cara terhormat", dlm. Utusan Melayu, 21 Disember 1977), tetapi usul ini telah tidak dikemukakan oleh wakilnya ekoran penjelasan Mohd Asri Muda keesokan harinya bahawa "usul seperti ini tidak boleh dibawa (ke) dalam muktamar khas (kerana) muktamar khas akan hanya membahaskan ucapan dasar Yang Dipertua Agung dan kemudian mengundi sama ada menyokong atau menentangnya" tetapi bahawa "para perwakilan yang ingin menurunkan beliau boleh berbuat demikian dengan menggunakan undi mereka menentang ucapan dasarnya" ("Asri sedia letak jawatan", dlm. Utusan Melayu, 22 Disember 1977).

<sup>49</sup> Peringatan Muktamar Khas PAS Kali Ke-4 pada 25 Disember 1977. Hlm. 21 dan 23. Usul kepercayaan kepada kepimpinan Mohd Asri Muda ini telah pada asalnya dicadangkan oleh wakil Dewan Ulama' PAS Pusat tetapi ia telah kemudiannya dipindah oleh wakil Dewan Pemuda PAS Pusat. Usul asal wakil Dewan Ulama' PAS Pusat adalah berbunyi: "Bahawa Muktamar Khas (PAS) yang bersidang pada hari ini mengambil keputusan bahawa (ia), dengan pergolakan PAS sekarang dan dalam menghadapi berbagai cabaran yang akan datang dalam menuju kepada matlamat perjuangan menegak dan mendaulatkan Islam di tanah air kita ini, memberi mandat dan kepercayaan penuh kepada pucuk pimpinan Dato' Haji Mohd Asri Haji Muda". Usul wakil Dewan Pemuda PAS Pusat pula adalah berbunyi: "Bahawa Muktamar Khas PAS yang bersidang pada 25 Disember 1977 bersetuju menerima sepenuhnya ucapan dasar Yang Dipertua Agung dan memberi sepenuh kepercayaan kepada pimpinan (beliau)". Kekalahan teruk PAS di dalam Pilihan Raya Umum Dewan Undangan Negeri Kelantan 1978 walau bagaimanapun telah kemudiannya mendorong Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan Pemuda PAS Pusat pada 30 Mac 1978 untuk sekadar memutuskan supaya "pucuk pimpinan PAS yang ada

Mandat yang diperolehi oleh Mohd Asri Muda ini,<sup>50</sup> yang diikuti dengan usaha beliau memperkemaskan semula struktur kepimpinan PAS melalui perlantikan Abu Bakar Umar sebagai Pemangku Timbalan Yang Dipertua Agung PAS, Mohd Daud Abdul Samad sebagai Pemangku Naib Yang Dipertua Agung PAS, juga Abdul Hadi Awang, Muhammad Kassim dan Sudin Abdul Wahab sebagai Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS,<sup>51</sup> tidaklah memberikan erti yang terlalu besar buat beliau kerana krisis ini telah menyebabkan PAS kehilangan beberapa tokoh utamanya<sup>52</sup> manakala

---

diteruskan sehingga kepada cukup tempoh/waktunya atau (tempoh/waktu) yang sesuai untuk difikirkan" (Laporan Tahunan Dewan Pemuda PAS Pusat 1977/1978. Hlm. 6).

<sup>50</sup> Sewaktu meminta mandat ini, Mohd Asri Muda menjelaskan: "Ada orang yang menyalak di kiri kanan jalan supaya saya melemparkan tugas ini di tengah jalan. Kalau saya melemparkan amanah ini di tengah jalan, sayalah pengkhianat yang paling besar, saya tidak sanggup menghadapkan muka saya di hadapan Allah s.w.t.... Saya tidak rela dicap oleh anak cucu besok bahawa tok saya dulu pernah dipilih menjadi pemimpin tetapi kerana ada satu dua yang menyalak di tengah jalan, lantas dilemparnya bebanan pimpinan sebelum sampai ke hujungnya. Saya dipilih oleh muktamar dan saya akan berhenti dari menjadi pemimpin PAS apabila muktamar berkehendak berbuat demikian, ini adalah adat kita berorganisasi" (Rakaman ucapan penggulungan Yang Dipertua Agung PAS, Mohd Asri Muda, di dalam Muktamar Khas PAS Kali Ke-4 pada 25 Disember 1977 (tidak bertajuk).

<sup>51</sup> Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 9 Januari 1978. Hlm. 2; dan Penyata Tahunan PAS 1977/1978. Hlm. 4. Selain memperkemaskan semula struktur kepimpinan PAS, Mohd Asri Muda juga telah cuba memperluaskan tapak sokongan PAS dengan menjemput "tokoh-tokoh lama (PAS) yang berhenti kerana kemasukan parti itu (ke) dalam Barisan Nasional" ("PAS sedia terima kembali", dlm. Watan, 1 Januari 1978) dan "semua anggota parti yang dipecat tetapi sanggup berjuang semula dengan jujur (di dalam PAS)" ("Rundingan PAS-Bebas Bersatu: Capai kata sepakat", dlm. Watan, 13 Januari 1978) kembali menyertai PAS--jemputan yang telah kemudiannya diterima oleh Bebas Bersatu pimpinan Mohd Fakhruddin Abdullah ("Rundingan PAS-Bebas Bersatu: Capai kata sepakat", dlm. Watan, 13 Januari 1978; dan "Independents, PAS, to unite", dlm. Watan, 13 Januari 1978)--, juga dengan menerima masuk bekas Penolong Setiausaha Kerja UMNO, Hassan Mohamad, ke dalamnya (*Ibid.*).

<sup>52</sup> Penyata Tahunan PAS 1977/1978. Hlm. 3-4. Selain kehilangan Mohamad Nasir (yang merupakan Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS) yang telah dipecat dari PAS pada 10 Oktober 1977 (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 10 Oktober 1977. Hlm. 3), PAS juga telah kehilangan Hasan Adli Arshad (yang merupakan Timbalan Yang Dipertua Agung PAS) yang telah terpecat dengan sendirinya dari PAS pada 8 November 1977 akibat kegagalan beliau mematuhi keputusan-keputusan Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 6 November 1977 ("PAS pecat Hasan Adli", dlm. Utusan Melayu, 9 November 1977); Ali Taib (yang merupakan Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS yang dilantik) yang telah bertindak keluar dari PAS pada 29 September 1977 akibat ketidaksetujuan beliau ke atas pemecatan keahlian Mohamad Nasir ("PAS pecat Nasir: Ustaz Ali Taib keluar parti-bantah tindakan Jawatankuasa Kerja Agung", dlm. Berita Harian, 30 September 1977); juga Sufian Mohamad (yang merupakan Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS yang dilantik) dan Dr Ishak Mohd Rejab (yang merupakan Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS yang dipilih) yang telah meletakkan jawatan mereka pada 25 Disember 1977 dan pada 23 Januari 1978 masing-masingnya akibat ketidakpuasan hati mereka ke atas cara Mohd Asri Muda mengendalikan krisis politik Kelantan ("Ahli Jawatankuasa Agung PAS letak jawatan: Tidak puas hati terhadap pucuk pimpinan", dlm. Utusan Melayu, 27 Disember 1977; Surat Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS, Sufian Mohamad, kepada Yang Dipertua Agung PAS, Mohd Asri Muda, bertarikh 27 Disember 1977 bertajuk

Dewan Ulama' PAS Pusat pula terus lumpuh akibat perletakan jawatan 11 daripada 19 ahli jawatankuasa kerjanya<sup>53</sup> lanjutan penolakan Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 10 Oktober 1977<sup>54</sup> kepada keputusan mesyuarat khas jawatankuasa kerjanya pada 9 Oktober 1977<sup>55</sup> yang meminta ia mengusahakan perdamaian dengan

---

"Perletakan Jawatan (Sebagai) Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS". Hlm. 1; dan Surat Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS, Dr Ishak Mohd Rejab, kepada Setiausaha Agung PAS, Hassan Shukri, bertarikh 23 Januari 1978 bertajuk "Perletakan Jawatan (Sebagai) Ahli Jawatankuasa (Kerja) Agung (PAS)". Hlm. 1).

<sup>53</sup> Laporan Tahunan Dewan Ulama' PAS Pusat 1977/1978. Hlm. 3-4. Di antara tokoh-tokoh tertinggi Dewan Ulama' PAS Pusat yang telah meletakkan jawatan mereka ini ialah Naib Ketuanya, iaitu Dr Daeng Sanusi Mariok, Setiausaha, iaitu Othman Khalid, dan ketiga-tiga ketua lujnahnya, iaitu Dr Harun Din, Dr Ishak Mohd Rejab dan Hassan Salleh. Perletakan jawatan Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Dewan Ulama' PAS Pusat ini telah menyebabkan Muktamar Tahunan Dewan Ulama' PAS Pusat Kali Ke-17 pada 25 November 1978 terpaksa terlebih dahulu memilih Naib Ketua dan lima Ahli Jawatankuasa Kerja Dewan Ulama' PAS Pusat bagi "mencukup(kan) bilangan (korum) yang dikehendaki dan (me)layak(kan) Muktamar Tahunan ini dilangsungkan" (Peringatan Muktamar Tahunan Dewan Ulama' PAS Pusat Kali Ke-17 pada 25 November 1978. Hlm. 5-7).

<sup>54</sup> Laporan Tahunan Dewan Ulama' PAS Pusat 1977/1978. Hlm. 3. Terang Laporan Tahunan Dewan Ulama' PAS Pusat 1977/1978 ini: "Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS (pada) 10 Okt. 1977 itu, keputusan Dewan Ulama' PAS itu pun dikemukakanlah selaku sumbangan ikhlas dari Dewan Ulama' PAS dalam meneguhkan perpaduan dan persaudaraan Islam... Tetapi, amatlah kecewanya, terjadilah pertikaman lidah antara Ketua Dewan (Nik Abdul Aziz Nik Mat) di satu pihak dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Dewan Ulama' PAS yang juga (menjadi) Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS (Dr Daeng Sanusi Mariok, Dr Harun Din dan Dr Ishak Mohd Rejab) di pihak yang lain hingga keputusan Dewan Ulama' (PAS) yang secara jujur dan bertanggungjawab sama akan nasib perjuangan PAS itu dipandang sepi dan tiada berfungsi langsung, malah lebih jauh (lagi), dianggap pula mesyuarat itu se(bagai) mesyuarat yang terlaknat dan nakal".

<sup>55</sup> Laporan Tahunan Dewan Ulama' PAS Pusat 1977/1978. Hlm. 2-3. Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja Dewan Ulama' PAS Pusat pada 9 Oktober 1977 ini telah dihadiri oleh kesemua 19 ahli jawatankuasa kerjanya melainkan Yahya Junid, Zabidi Ali dan Mawardi Lebai Teh, tetapi juga Nik Abdul Aziz Nik Mat, ketuanya sendiri yang telah turut mempertikaikan kesahihan mesyuarat khas itu dan seterusnya menyokong usul pemecatan keahlian Mohamad Nasir dari PAS di dalam Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 10 Oktober 1977 itu. Sikap Nik Abdul Aziz Nik Mat--yang dijelaskan oleh beliau di dalam sebuah buku beliau (Nik Abdul Aziz Nik Mat (1977). Sikap Saya. Kota Bharu: Setiausaha (Badan) Perhubungan PAS Kelantan. Hlm. 4)--ini telah dikritik oleh Ahmad Subky Abdul Latif di dalam sebuah buku beliau. Tulis beliau: "Haji Nik Aziz tidak mahu bertanggungjawab atas keputusan (Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja Dewan Ulama' PAS Pusat pada 9 Oktober 1977) itu kerana beliau tidak hadir dalam mesyuarat itu... (tetapi) soal Haji Nik Aziz tidak hadir tidak timbul (kerana) adalah (menjadi) tanggungjawab seorang ahli jawatankuasa untuk menerima sebarang keputusan majoriti kiranya dia tidak hadir. Seorang ahli jawatankuasa, istimewa ketuanya sendiri, yang tidak mahu menerima tanggungjawab itu mencerminkan yang dia sendiri tidak begitu faham cara berorganisasi, dan bagaimana pula orang (yang) kurang faham dengan cara berorganisasi dapat diserahkan kuasa atau mandat memerintah negara ini? Bagaimana kedudukan negara kalau pemimpin seperti ini diberi kuasa?" (Ahmad Subky Abdul Latif (1977). Krisis Salah Teknik Dan Salah Taktik Di Kelantan: Siapa Ganti Asri. Kuala Lumpur: Penerbitan Pena. Hlm. 34-35). Sementara itu, walaupun Ketua Dewan Pemuda PAS Pusat, iaitu Mustafa Ali, telah mengingkari keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan Pemuda PAS Pusat pada 7 Oktober 1977--yang telah dengan sebulat suara bersetuju untuk "mendesak Jawatankuasa Kerja Agung PAS mengambil keputusan memecat Dato' Haji Mohamad Nasir dari menjadi ahli PAS dalam (mesyuaratnya) pada 10 Oktober 1977" (Laporan Tahunan Dewan Pemuda PAS Pusat 1977/1978. Hlm. 4)--dengan mengundi berkecuali di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 10 Oktober 1977 itu, tindakan beliau ini tidaklah pula

Mohamad Nasir.<sup>56</sup> Paling memahitkan ialah selaran Dr Ishak Mohd Rejab, seorang Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS, bahawa cara beliau menangani krisis ini menunjukkan bahawa beliau adalah seorang yang berpandangan sekular dan bahawa segala sokongan positif kepada beliau merupakan satu tindakan positif ke arah mensekularisasikan PAS.<sup>57</sup>

### Kekalahan Di Dalam Pilihan Raya Dan Kesannya Ke Atas PAS

Di dalam tempoh tiga bulan Kelantan berada di dalam keadaan darurat, iaitu mulai dari tarikh perisytiharannya pada 8 November 1977<sup>58</sup> hingga ke tarikh pemansuhannya pada 12 Februari 1978,<sup>59</sup> seluruh urusan pentadbiran Kerajaan Kelantan adalah dipegang oleh seorang Pengarah Kerajaan<sup>60</sup> yang dibantu oleh Majlis Penasihat

---

mendatangkan perpecahan kepada jawatankuasa kerja dewan itu yang telah, di dalam mesyuaratnya pada 15 Disember 1977, bersetuju untuk memaafkan beliau di atas tindakan beliau ini (Ibid. Hlm. 5).

<sup>56</sup> Keputusan penuh Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja Dewan Ulama' PAS Pusat pada 9 Oktober 1977 ini berbunyi: "Sesuai dengan Fasal 40(2) Perlembagaan PAS, Dewan Ulama' PAS Pusat yang bersidang pada 9 Oktober 1977 mengambil keputusan sebulat suara menasihatkan Jawatankuasa Kerja Agung PAS supaya tidak mengambil keputusan memecat Dato' Haji Mohamad Nasir daripada PAS dalam mesyuaratnya pada 10 Oktober 1977 dan menasihatkan(nya) supaya menubuhkan sebuah suruhanjaya (bagi) menyelesaikan masalah yang berbangkit sekarang berhubung dengan PAS Negeri Kelantan ke arah perdamaian secara ukhuwwah Islamiah sesuai dengan Perlembagaan PAS yang berdasarkan al-Qur'an dan al-Hadith" (Surat Setiausaha Dewan Ulama' PAS Pusat, Othman Khalid, kepada Setiausaha Agung PAS, Hassan Shukri, bertarikh 10 Oktober 1977 bertajuk "Keputusan Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja Dewan Ulama' PAS Pusat". Hlm. 1).

<sup>57</sup> Surat Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS, Dr Ishak Mohd Rejab, kepada Setiausaha Agung PAS, Hassan Shukri, bertarikh 23 Januari 1978 bertajuk "Perletakan Jawatan (Sebagai) Ahli Jawatankuasa (Kerja) Agung (PAS)". Hlm. 1. Walaupun Dr Ishak Mohd Rejab tidak menghuraikan asas kepada selaran beliau ini, adalah dirasakan bahawa ia adalah diasaskan kepada tindakan Mohd Asri Muda mengenepikan keputusan Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja Dewan Ulama' PAS Pusat pada 9 Oktober 1977 di atas asas bahawa "fungsi Dewan Ulama' di dalam PAS (adalah)...sebagai tempat meminta atau memberi nasihat atau pendapat di dalam masalah hukum-hukum Islam agar PAS sebagai sebuah parti politik Islam dalam perjalannya tidak terkeluar dari landasan Islam", tetapi bukannya untuk mencampuri soal "pemecatan ahli (yang) segala syaratnya telah dijelaskan dengan terang di dalam Perlembagaan PAS dengan kaedah, aturan dan sebagainya" (Teks ucapan dasar Mohd Asri Muda di dalam Muktamar Khas PAS Kali Ke-4 pada 25 Disember 1977 bertajuk "Cubaan Dan Cabaran". Hlm. 13).

<sup>58</sup> Warta Kerajaan Persekutuan, 8 November 1977, P.U. (A) 358.

<sup>59</sup> Warta Kerajaan Persekutuan, 12 Februari 1978, P.U. (A) 46.

<sup>60</sup> Warta Kerajaan Persekutuan, 8 November 1977, Akta Kuasa-Kuasa Darurat (Kelantan), 1977. Seksyen 4. Seksyen ini berbunyi: "Selagi akta ini masih berkuatkuasa, semua kuasa, kewajipan dan

Negeri yang dianggotai oleh "Setiausaha Kerajaan Negeri, Pegawai Kewangan Negeri, Penasihat Undang-Undang Negeri, Pengarah Tanah dan Galian Negeri, Ketua Pegawai Polis Negeri dan mana-mana orang lain, tidak lebih daripada empat, yang dilantik oleh Perdana Menteri".<sup>61</sup> Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan dari PAS pula telah, sebagai mematuhi keputusan Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 15 November 1977,<sup>62</sup> meletakkan jawatan mereka pada 19 November 1977<sup>63</sup> meninggalkan Mohamad Nasir bersama-sama tiga orang Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan dari UMNO di dalam Kerajaan "boneka" Kelantan.<sup>64</sup> Bertepatan dengan ramalan Mohd Asri Muda bahawa, berdasarkan kepada "langkah-langkah perang semangat dan projek-projek

---

tugas di bawah Perlembagaan Kelantan atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang sebelum mula berkuatkuasanya akta ini telah dijalankan atau boleh dilaksanakan atau disempurnakan oleh Menteri Besar atau Majlis Mesyuarat Kerajaan hendaklah dijalankan, dilaksanakan dan disempurnakan oleh Pengarah". Mengikut Seksyen 7 daripada akta ini pula, Hashim Aman--bekas Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan yang dilantik oleh Hussein Onn untuk menjawat jawatan ini ("Nasir diminta terus jadi Menteri Besar: Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan dilantik Pengarah Kerajaan Kelantan", dlm. Utusan Melayu, 12 November 1977) mengikut peruntukan Seksyen 3(1)-nya yang menyatakan bahawa perlantikan Pengarah Kerajaan ini hendaklah dibuat oleh Perdana Menteri daripada "seorang yang berkhidmat atau telah berkhidmat dalam perkhidmatan awam Persekutuan"--"(ada)lah tertakluk kepada arahan-arahan am atau tertentu yang mungkin diberi kepadanya oleh Perdana Menteri...".

<sup>61</sup> Warta Kerajaan Persekutuan, 8 November 1977, Akta Kuasa-Kuasa Darurat (Kelantan), 1977. Seksyen 9(1).

<sup>62</sup> Minit Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 15 November 1977. Hlm. 2. Selain mengarahkan perletakan jawatan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan dari PAS, termasuklah Timbalan Menteri Besarnya, juga Speaker Dewan Undangan Negeri Kelantan, "tidak lewat daripada atau pada 19 November 1977", mesyuarat khas ini juga telah melarang mana-mana Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan dari PAS daripada "menyertai atau menubuhkan Kerajaan Kelantan selagi Undang-Undang Darurat Negeri Kelantan 1977 berjalan dan berkuatkuasa di negeri itu" di samping turut melarang mana-mana ahli PAS daripada "menerima sebarang perlantikan bagi menjadi Ahli Majlis Penasihat Negeri Kelantan". Bagi menunjukkan ketegasannya, mesyuarat khas ini juga telah memutuskan bahawa "seseorang ahli PAS yang tidak mematuhi (mana-mana) keputusan (ini) adalah terpecat dari menjadi ahli PAS mulai dari tarikh ia tidak mematuhi keputusan itu".

<sup>63</sup> "Rasmi: Speaker dan 5 EXCO PAS Kelantan berhenti", dlm. Utusan Melayu, 20 November 1977. Sewaku mengumumkan arahan perletakan jawatan mereka ini, Mohd Asri Muda telah, selain turut dilapor menyatakan bahawa asas pembuatan keputusan ini adalah bahawa "pemimpin yang diundi tidak percaya masih memegang jawatan Menteri Besar di negeri itu", dilapor menyatakan kesediaan PAS "untuk menubuhkan semula kerajaannya sebaik-baik saja kerajaan darurat ditarik semula" ("EXCO PAS Kelantan diarah letak jawatan", dlm. Utusan Melayu, 17 November 1977).

<sup>64</sup> Minit Mesyuarat Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 25 Januari 1978. Hlm. 2; dan Warta Kerajaan Negeri Kelantan, 16 Februari 1978, No. 147. Seorang Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan dari PAS, iaitu Hassan Ya'acob, yang telah, pada 27 Disember 1977, mengisyiharkan penarikan diri beliau dari menjadi ahli PAS ("Ahli Dewan Undangan Kelantan keluar PAS", dlm.

yang diberi secara mengejut",<sup>65</sup> satu pilihan raya umum berasingan akan dilangsungkan di Kelantan,<sup>66</sup> ia telah kemudiannya ditetap untuk dilangsungkan pada 11 Mac 1978.<sup>67</sup>

Walaupun setelah meramalkan kemungkinan pilihan raya umum berasingan ini,<sup>68</sup> PAS ternyata tidak begitu yakin untuk menghadapinya di mana ketidakyakinan ini mula tergambar di dalam Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 20 dan 21 Februari 1978 apabila Ishak Lotfi Omar telah menyatakan ketidaksanggupan beliau untuk memikul tugas sebagai pengurus pilihan raya umum ini<sup>69</sup> manakala Jawatankuasa Kerja Agung PAS yang dicadangkan oleh beliau untuk mengambil-alih tugas itu juga

---

Utusan Melayu, 28 Disember 1977) kemudiannya dilantik menjadi Timbalan Menteri Besar Kelantan "mulai dari 12 Februari 1978" (Warta Kerajaan Negeri Kelantan, 16 Februari 1978, No. 146).

<sup>65</sup> Untuk mempersiapkan PAS bagi menghadapi pilihan raya umum di Kelantan, Mesyuarat Dewan Harian PAS Kelantan pada 2 Januari 1978 telah memutuskan untuk menggerakkan semula PAS Pasir Mas yang masih digantung, juga untuk menggerakkan semula Dewan Ulama' PAS Kelantan yang menjadi beku ekoran penggantungan keahlian Ketua dan Setiausaha (Minit Mesyuarat Dewan Harian PAS Kelantan pada 2 Januari 1978. Hlm. 1).

<sup>66</sup> Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 9 Januari 1978. Hlm. 2. Mohd Asri Muda juga turut meramalkan bahawa "pilihan raya umum (mungkin akan) diadakan (di) antara bulan-bulan April dan Julai 1978"--satu ramalan yang agak tepat memandangkan ia telah dilangsungkan pada 8 Julai 1978 (Penyata Pilihan Raya Umum Dewan Rakyat dan Dewan-Dewan Undangan Negeri kecuali Dewan-Dewan Undangan Negeri Kelantan, Sabah dan Sarawak 1978. Hlm. 1, 13, 39 dan 50).

<sup>67</sup> Penyata Pilihan Raya Umum Dewan Undangan Negeri Kelantan 1978. Hlm. 2 dan 14. Mengikut Y Mansoor Marican, selain diakibatkan oleh hasrat UMNO untuk menjadikannya sebagai "*a 'test run' prior to the General Elections*", pengendalian pilihan raya umum berasingan di Kelantan ini adalah turut diakibatkan oleh hakikat bahawa "*the officially stated 'rationale' for the emergency-breakdown of law and order--could no longer hold*", bahawa "*it was widely believed that PAS was beginning to regain ground in parts of Kelantan*" dan bahawa "*if Kelantan remained under federal rule (which really meant de facto UMNO rule) for a long period, this would mean that UMNO too would have to 'share the blame' for the lack of development in the state*" (Y Mansoor Marican, Malaysia: Year of Election, dlm. Southeast Asian Affairs 1979. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies dan Heinemann Educational Books (Asia) Ltd. Hlm. 190).

<sup>68</sup> Tindakan membubarkan Dewan Undangan Negeri Kelantan sebaik-baik sahaja Akta Kuasa-Kuasa Darurat (Kelantan), 1977, dimansuhkan walau bagaimanapun jelas tidak disenangi oleh Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan, Ishak Lotfi Omar, yang dilapor menyatakan bahawa "sepatutnya, bila Kerajaan MAGERAN dibatal, pembubaran Dewan Undangan Negeri tidak berlaku kerana, mengikut lazimnya, PAS boleh membentuk kerajaan sendiri kerana parti itu mempunyai majoriti dalam Dewan" ("Kerajaan sementara luar biasa, kata PAS", dlm. Utusan Malaysia, 14 Februari 1978)--kenyataan yang disokong oleh Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang, yang turut mendakwa bahawa tujuan pembubaran, yang disifatkan sebagai "satu taktik yang cepat untuk mencapai kemenangan", ini dibuat adalah kerana "UMNO tidak mahu memberi peluang kepada PAS untuk berkuasa" (Ibid.).

turut tidak berkesanggupan untuk memikulnya dan sebaliknya hanya bersetuju untuk menubuhkan sebuah jemaah penasihat yang dianggotai oleh Mohd Asri Muda, Abu Bakar Umar dan Hassan Shukri khusus untuk membantu beliau memikul tugas itu.<sup>70</sup> Di sebalik tindakan PAS mengutarakan hujjah penganiayaan UMNO ke atasnya di dalam manifestonya<sup>71</sup> serta di sebalik penapisan ketat calon-calonnya yang kebanyakannya adalah muka-muka baru yang dikatakan mencerminkan aqidah Islam dan diterima umum,<sup>72</sup> PAS telah akhirnya tersungkur di gelanggangnya sendiri apabila 34<sup>73</sup> daripada 36 calonnya telah dikalahkan oleh 22 calon UMNO, 11 calon BERJASA<sup>74</sup> dan 1 calon MCA<sup>75</sup> di dalam pilihan raya umum yang mengharamkan penganjuran rapat umum ini.<sup>76</sup>

<sup>69</sup> Perlantikan Ishak Lotfi Omar sebagai pengurus pilihan raya ini telah dibuat oleh Mesyuarat Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 9 Februari 1978 (Minit Mesyuarat Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 9 Februari 1978. Hlm. 3).

<sup>70</sup> Minit Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 20 dan 21 Februari 1978. Hlm. 2. Di dalam kehangatan krisis politik Kelantan yang dipenuhi dengan penaburan risalah-risalah ini, peribadi Ishak Lotfi Omar, juga peribadi para pemimpin utama PAS Kelantan yang lain, telah dijadikan salah satu daripada bahan-bahan serangan utama lawan, di mana di dalam salah satu risalah karikatur beliau telah ditulis berkata kepada karikatur Mohamad Nasir: "Jangan serah Fail 3P tu, tanah *ana* mesti cair cepat, taukeh *ana* duk tekan, kalu tidak *ana* tetak (*inta*)" (Risalah bertajuk "Tahukah Anda Kenapa Dato' Mohamad Nasir Nak Dipecat?" (tidak bertarikh). Hlm. 1). Di dalam satu risalah lain karikatur beliau telah ditulis berkata kepada karikatur Hussain Abdullah: "*Ana* dah beri banyak (wang) pada *inta*, *inta* buat apa, kahwin sampai empat, tengok *ana*, kahwin dua saja, bila *ana* sudah puas dengan isteri muda *ana*, *ana* suruh anak-anak *ana* pukul dia, *inta* pun buat macam *analah*, anak-anak *ana* pukul sampai mati" (Risalah bertajuk "Gambar Utusan Melayu 16 Oktober 1977" (tidak bertarikh). Hlm. 1). Satu risalah lain pula menuliskan karikatur Mohd Asri Muda berkata kepada karikatur beliau: "Kerana nafsu halobamu, Lotfi, parti dan balak kita habis" (Risalah bertajuk "Nasib 21P" (tidak bertarikh). Hlm. 1).

<sup>71</sup> Manifesto PAS di dalam Pilihan Raya Umum Dewan Undangan Negeri Kelantan 1978 bertajuk "Undilah Bulan Purnama Untuk Menjamin Kedaulatan Agama, Bangsa Dan Negara". Hlm. 1-4.

<sup>72</sup> Minit Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 20 dan 21 Februari 1978. Hlm. 2.

<sup>73</sup> Dua calon PAS yang mencapai kemenangan di dalam pilihan raya umum ini ialah Nik Abdullah Arshad yang hanya menang dengan majoriti 84 undi di Sering dan Wan Abdullah Wan Su yang hanya menang dengan majoriti 98 undi di Manek Urai (Penyata Pilihan Raya Umum Dewan Undangan Negeri Kelantan, 1978. Hlm. 26 dan 30). Mengikut Wan Hashim Wan Ahmad, sekiranya BERJASA meletakkan seorang calon yang lebih berkaliber berbanding Che Ismail Che Abdullah di Sering, Nik Abdullah Arshad pasti akan turut mengalami kekalahan di dalam pilihan raya umum ini (Wawancara dengan Wan Hashim Wan Ahmad di kediaman beliau pada 11 Mei 1999). Mengikut Che Ismail Che Abdullah pula, beliau sepatutnya memenangi kerusi ini sekiranya sebahagian daripada peti-peti undi di kawasan itu tidak disabotaj oleh Tengku Razaleigh Hamzah yang didakwa tidak mahu melihat beliau menang di situ (Wawancara dengan Che Ismail Che Abdullah di kediaman beliau pada 20 Jun 2000).

<sup>74</sup> Sementara majoriti tertinggi di dalam Pilihan Raya Umum Dewan Undangan Negeri Kelantan 1978 ini, iaitu 4,429 undi, adalah diperolehi oleh salah seorang calon BERJASA, iaitu Mohamad Nasir sendiri, di Tendong, lima orang calonnya, iaitu Ahmad Awang Besar, Abdullah Ahmad, Setapa Abdul

Akibat kekalahan teruk PAS di Kelantan ini, Ishak Lotfi Omar telah, setelah dipersetujui oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 19 Mac 1978, meletakkan jawatan beliau<sup>77</sup> bagi membolehkan badan itu, yang kini ditukar namanya menjadi Jemaah Pesuruhjaya PAS Kelantan, diberi nafas baru di bawah pimpinan Mohd Amin Yaakob.<sup>78</sup> Kekalahan teruk ini juga telah mendorong Mohd Asri Muda

---

Rahman, Abdul Razak Awang Kechik dan Che Mahmood Mohd Ali, di Lanas, Sungai Rasau, Selising, Bandar Pasir Puteh dan Jeli, pula telah kehilangan wang pertaruhan mereka (Penyata Pilihan Raya Umum Dewan Undangan Negeri Kelantan 1978. Hlm. 27-29 dan 31). Majoriti yang diperolehi oleh Mohamad Nasir ini walau bagaimanapun telah berkurangan kepada 3,580 undi di dalam satu pilihan raya kecil yang terpaksa dilangsungkan, pada 10 Jun 1978 (Warta Kerajaan Persekutuan, 8 Jun 1978, P.U. (B) 294; dan Warta Kerajaan Persekutuan, 22 Jun 1978, P.U. (B) 348), bagi merebut kerusi yang telah, pada 19 April 1978, dikosongkan oleh beliau untuk membolehkan beliau dilantik sebagai seorang Ahli Dewan Negara, sekaligus sebagai Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, kemudiannya ("Mohamad Nasir resigns from State Assembly", dlm. New Straits Times, 20 April 1978).

<sup>75</sup> Penyata Pilihan Raya Umum Dewan Undangan Negeri Kelantan 1978. Hlm. 6, 17 dan 26-30. Mengikut Mohd Asri Muda: "Kekalahan PAS di Kelantan (ini) (adalah) kerana kita tidak sempat menangkis serangan musuh, apakah lagi untuk menyerang kembali" (Minit Mesyuarat Jemaah Pesuruhjaya PAS Kelantan pada 29 April 1978. Hlm. 2).

<sup>76</sup> Penyata Pilihan Raya Umum Dewan Undangan Negeri Kelantan 1978. Hlm. 5 dan 16. Bagi menghadapi pilihan raya umum ini, Ketua Dewan Ulama' PAS Pusat, Nik Abdul Aziz Nik Mat, telah mengeluarkan satu risalah yang berbunyi: "Bahawa sesungguhnya pekerjaan menuap atau memberi wang atau benda kepada pengundi-pengundi supaya mengundi calon-calon atau parti-parti tertentu adalah (se)jenis rasuah dan tiap-tiap rasuah adalah perbuatan yang dilarang oleh agama Islam. Tiap-tiap perbuatan yang dilarang oleh agama adalah maksiat. Jika dipaksa bersumpah (walaupun dengan nama Allah atau sekalipun dengan menjunjung Qur'an) supaya mengundi calon-calon atau parti-parti tertentu tatkala menerima bayaran wang atau benda dari mana-mana pihak, maka tidaklah wajib bagi yang bersumpah menunaikannya kerana sumpah itu adalah sumpah yang dikaitkan dengan amalan yang ditegah oleh agama Islam" (Risalah bertarikh 8 Mac 1978 (tidak bertajuk). Hlm. 1).

<sup>77</sup> Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 19 Mac 1978. Hlm. 2-3; Surat Setiausaha Agung PAS, Hassan Shukri, kepada Ishak Lotfi Omar bertarikh 20 Mac 1978 bertajuk "Perletakan Jawatan Sebagai Pesuruhjaya PAS Negeri Kelantan". Hlm. 1; dan Penyata Tahunan PAS 1977/1978. Hlm. 6. Turut meletakkan jawatan bersama-sama Ishak Lotfi Omar ialah kesemua Ahli Harian PAS Kelantan yang lain, iaitu Timbalan-Timbalan Pesuruhjaya (Wan Ismail Ibrahim, Nik Abdul Rahman Nik Mohamad dan Mohd Zain Abdullah), Setiausaha (Salahuddin Abdullah) dan Bendahari (Nik Mohd Mustapha Shafie) Badan Perhubungan PAS Kelantan. Mengikut keterangan Ishak Lotfi Omar di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 19 Mac 1978, keputusan untuk meletakkan jawatan ini telah dibuat oleh Mesyuarat Dewan Harian PAS Kelantan pada 16 Mac 1978 yang dikatakan "me(ngambil) tanggungjawab moral (di atas kekalahan PAS itu)".

<sup>78</sup> Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 19 Mac 1978. Hlm. 3; Surat Setiausaha Agung PAS, Hassan Shukri, kepada Mohd Amin Yaakob bertarikh 20 Mac 1978 bertajuk "Perlantikan Sebagai (Pengerusi) Jemaah Pesuruhjaya PAS Negeri Kelantan". Hlm. 1; dan Penyata Tahunan PAS 1977/1978. Hlm. 6. Turut dilantik bersama-sama Mohd Amin Yaakob ialah Nik Abdullah Arshad, Mustapha Abu Bakar, Hassan Mohamad (sebagai Timbalan-Timbalan Pengerusi), Ismail Awang (sebagai Setiausaha) dan Wan Mahmud Wan Sulaiman (sebagai Bendahari). Mohd Amin Yaakob kekal memegang jawatan Pengerusi Jemaah Pesuruhjaya PAS Negeri Kelantan setelah dilantik semula oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 23 September 1979 (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 23 September 1979. Hlm. 3) sehinggalah perlantikan beliau dari jawatan ini untuk memberikan laluan kepada Nik Abdul Aziz Nik Mat mengambil-alihnya diterima oleh

menghantar sepucuk surat kepada Setiausaha Dewan Rakyat bagi memaklumkan hasrat beliau untuk mengemukakan satu usul persendirian untuk dibahaskan di dalam sidang Dewan Rakyat yang dijadualkan berlangsung di antara 19 Jun dan 7 Julai 1978.<sup>79</sup> Walau bagaimanapun, usul yang meminta dewan itu mengambil dua ketetapan, iaitu, pertama, supaya Malaysia melaksanakan hukum dan perundangan Islam bagi menggantikan hukum dan perundangan yang ada dan, kedua, supaya ditubuhkan segera sebuah jawatankuasa yang dianggotai oleh pakar-pakar sistem perundangan Islam dan sistem perundangan lainnya bagi mengkaji, menyusun dan mengemukakan cadangan-cadangannya kepada pihak kerajaan dan kepada dewan itu bagi mencapai tujuan yang dimaksudkan,<sup>80</sup> gagal dibahaskan akibat pembubaran dewan itu pada 13 Jun 1978.<sup>81</sup>

---

Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 1 Mac 1981 (Surat Setiausaha Agung PAS, Mohd Nakhaei Ahmad, kepada Pengerusi dan Ahli-Ahli Jemaah Pesuruhjaya PAS Kelantan bertarikh 2 Mac 1981 bertajuk "Pembubaran Jemaah Pesuruhjaya PAS Kelantan"; dan Wawancara dengan Mohd Amin Yaakob di kediaman beliau pada 24 November 2002).

<sup>79</sup> Surat Ahli Parlimen Nilam Puri, Mohd Asri Muda, kepada Setiausaha Dewan Rakyat bertarikh 30 Mei 1978 bertajuk "Usul Untuk Dibahas Dalam Sidang 19 Jun Hingga 7 Julai 1978". Hlm. 1. Di sebalik kegagalan PAS untuk mendapat *political mileage* daripada jangkaan penolakan usul ini, PAS telah menggunakan kenyataan Hussein Onn yang--sewaktu menjawab soalan Nik Abdul Aziz Nik Mat yang "(me)minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa setengah-setengah perkara dalam Perlembagaan Malaysia menyekat kerajaan-kerajaan negeri menjalankan tugas mengenai undang-undang Islam dan agama Islam, jika ya, sama ada beliau bersedia meminda artikel-artikel yang berkenaan di dalam Perlembagaan Malaysia supaya segala hal-hal undang-undang Islam dan agama Islam terserah kepada Raja-Raja atau Sultan-Sultan atau Yang Dipertua Negeri di dalam negeri masing-masing"--menyatakan bahawa "saya sedar ada sekatan-sekatan itu (di mana) kuasa negeri-negeri membuat undang-undang adalah terhad kepada perkara-perkara yang dibutirkkan dalam Senarai (II Jadual 9, Senarai Perundangan, dalam Perlembagaan Persekutuan) itu, (tetapi) oleh kerana ini adalah prinsip besar, maka kerajaan tidak bersedia untuk meminda peruntukan-peruntukan itu" (Penyata Rasmi Parlimen. Dewan Rakyat. Parliment Kelima. Penggal Pertama. Jil. I, Bil. 77, Hari Selasa, 16 Oktober 1979. Ruangan 8375-8376), juga kenyataan Timbalan Menteri Undang-Undang, Abdullah Abdul Rahman, yang--sewaktu menjawab soalan Mohd Amin Yaakob yang "(me)minta Menteri Undang-Undang menyatakan sama ada kerajaan akan meminda perlembagaan supaya hukuman hudud dapat dijalankan di Malaysia"--menyatakan bahawa "dalam konteks susunan masyarakat dan sistem perundangan dan pentadbiran yang terdapat di negara ini pada masa ini, soal mengenakan hukuman hudud menimbulkan masalah yang perlu diatasi dan kerajaan pada masa ini belum bercadang mengambil apa-apa langkah untuk membolehkan hukuman hudud dijalankan di negara ini" (Penyata Rasmi Parlimen. Dewan Negara. Parliment Kelima. Penggal Pertama. Jil. I, Bil. 28, Hari Jumaat, 13 Julai 1979. Ruangan 2774), sebagai salah satu daripada bahan-bahan kempennya.

<sup>80</sup> Surat Ahli Parlimen Nilam Puri, Mohd Asri Muda, kepada Setiausaha Dewan Rakyat bertarikh 30 Mei 1978 bertajuk "Usul Untuk Dibahas Dalam Sidang 19 Jun Hingga 7 Julai 1978". Hlm. 1.

<sup>81</sup> Penyata Pilihan Raya Umum Dewan Rakyat dan Dewan-Dewan Undangan Negeri kecuali Dewan-Dewan Undangan Negeri Kelantan, Sabah dan Sarawak 1978. Hlm. 4 dan 41. Di dalam Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-24 pada 25, 26 dan 27 November 1978 kemudiannya, Mohd Asri Muda telah

Sebagai reaksi ke atas kekalahan teruk PAS di dalam Pilihan Raya Umum Dewan Undangan Negeri Kelantan ini, Jawatankuasa Kerja Agung PAS telah, di dalam mesyuaratnya pada 7 April 1978, memutuskan bahawa PAS akan meletakkan calon seramai mungkin, khususnya di kawasan para menteri kabinet, di dalam pilihan raya umum yang akan datang bagi mengumpulkan undi popular umat Islam<sup>82</sup>--keputusan yang dipertegaskan oleh Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 14 Jun 1978 setelah tarikh pilihan raya umum itu, iaitu 8 Julai 1978, diketahui.<sup>83</sup> Namun begitu, di sebalik ketetapan awalnya untuk menandingi 100 dan 240 kerusi masing-masingnya,<sup>84</sup> PAS akhirnya hanya meletakkan calon di 88 daripada 114 kerusi Dewan Rakyat dan 204 daripada 276 kerusi Dewan Undangan Negeri di Semenanjung.<sup>85</sup> Janji PAS di dalam manifestonya untuk benar-benar mengIslamkan negara ini<sup>86</sup> juga turut gagal

---

menegaskan: "Usul PAS (mengenai perlaksanaan hukum-hukum Islam dalam pemerintahan negara yang telah dikemukakan semula oleh salah seorang wakil kita di dalam sidang Dewan Rakyat) itu sebenarnya belum dibahas lagi, mungkin pada penghujung sidang atau mungkin terpaksa ditawakkifkan oleh ketiadaan waktu. Tetapi tidaklah dapat disangkal bahawa sesungguhnya usul itu amat penting, bukan saja bagi umat Islam sendiri, bahkan bagi seluruh rakyat dan negara...Usul ini akan menggamit hati nurani setiap anggota masyarakat yang cintakan keamanan dan kebenaran, terutamanya wakil-wakil rakyat yang setia kepada amanat rakyat. Akan terujilah pendirian mereka, terutamanya yang sering bersumpah dengan kalimah 'demi Allah', akan terketuklah pintu hati mereka yang mengaku sebagai orang yang patuh kepada al-Qur'an. Kita tunggulah apa akan jadi kepada usul ini nanti" (Teks ucapan dasar Mohd Asri Muda di dalam Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-24 pada 25, 26 dan 27 November 1978 bertajuk "Ke Arah Kemenangan". Hlm 24-26). Di sebalik penegasan beliau ini, usul ini ternyata telah tidak dibahaskan di dalam mana-mana sidang Dewan Rakyat.

<sup>82</sup> Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 7 April 1978. Hlm. 2. Keputusan untuk menandingi para menteri kabinet ini dibuat khusus "untuk mengawal mereka dari membuat serangan di tempat-tempat strategik kita".

<sup>83</sup> Minit Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 14 Jun 1978. Hlm. 2.

<sup>84</sup> Ibid. Hlm. 2; dan Minit Perjumpaan Yang Dipertua Agung PAS Dengan Pesuruhjaya-Pesuruhjaya PAS Negeri pada 14 Jun 1978. Hlm. 2.

<sup>85</sup> Penyata Pilihan Raya Umum Dewan Rakyat dan Dewan-Dewan Undangan Negeri kecuali Dewan-Dewan Undangan Negeri Kelantan, Sabah dan Sarawak 1978. Hlm. 15 dan 51.

<sup>86</sup> Manifesto PAS di dalam Pilihan Raya Umum 1978 bertajuk "Untuk Agama, Bangsa Dan Tanah Air Yang Selamat Dan Sejahtera". Hlm. 37-46. Empat daripada enam butiran garis-garis perjuangan PAS di bidang "hukum dan perundang-undangan" umpamanya menyatakan bahawa "(PAS) akan mengemukakan cadangan pindaan (ke atas) Perlembagaan Malaysia supaya 'Islam agama negara' seperti tercatit di dalam Fasal 3(1) hendaklah diberi takrif yang nyata yang sesuai dengan maksud sebenar 'Islam' itu dengan tujuan mewujudkan sebuah negara yang benar-benar berpegang kepada hukum-hukum dan ajaran Islam secara praktik", bahawa "hukum-hukum Islam hendaklah menjadi dasar utama untuk semua perundangan negara", bahawa "undang-undang yang sedia ada atau mana-

meningkatkan prestasinya apabila ia hanya memenangi 5, iaitu 2 di Kelantan, 2 di Kedah dan 1 di Pulau Pinang, kerusi Dewan Rakyat dan 9, iaitu 7 di Kedah, 1 di Pulau Pinang dan 1 di Perak, kerusi Dewan Undangan Negeri<sup>87</sup> manakala 26 calon Dewan Rakyat dan 51 calon Dewan Undangan Negerinya telah turut kehilangan wang pertaruhan mereka.<sup>88</sup>

Sementara Jawatankuasa Kerja Agung PAS kelihatan tidak terlalu berminat untuk menyusun satu program pemulihan semula parti itu bagi kepentingan jangka panjangnya, tidak begitu pula halnya dengan Jemaah Pesuruhjaya PAS Kelantan, khususnya Dewan Ulama'nya yang telah, pada 2 Jun 1978, melangsungkan suatu ijtimai' di Pondok Terusan, Pasir Tumbuh, Kelantan,<sup>89</sup> di mana di dalam ijtimai' itu sebuah kertas kerja yang

---

mana akta atau undang-undang dan peraturan yang akan diadakan yang secara tulisan atau semangatnya bertentangan dengan hukum-hukum Islam (undang-undang Islam) adalah tidak sah (*shall be null and void*) dan dianggap bertentangan (*ultra vires*) dengan perlombagaan negara" dan bahawa "kuasa kerajaan hendaklah berjalan, beredar dan berlaku di dalam batas-batas yang diberi oleh hukum-hukum Islam saja". Komen Firdaus Haji Abdullah mengenai manifesto ini: "*Sprinkled with ambiguous metaphoric phrases, Prophet Muhammad's sayings and Qur'anic quotations, the manifesto appeared more like a 'political testament' than an election programme*" (Firdaus Haji Abdullah, PAS and the 1978 Election, dlm. Harold Crouch, et. al. (eds.) (1980). Malaysian Politics and the 1978 Elections. Kuala Lumpur: Oxford University Press. Hlm. 89).

<sup>87</sup> Penyata Pilihan Raya Umum Dewan Rakyat dan Dewan-Dewan Undangan Negeri kecuali Dewan-Dewan Undangan Negeri Kelantan, Sabah dan Sarawak 1978. Hlm. 20, 55 dan 126.

<sup>88</sup> Ibid. Hlm. 188. Sementara Firdaus Haji Abdullah menyatakan bahawa "*in addition to the National Front's 'over-kill' electioneering tactics, a severe shortage of money and depleted organizational resources were two important factors that contributed to PAS's poor electoral performance in the 1978 polls*" (Firdaus Haji Abdullah, PAS and the 1978 Election, dlm. Harold Crouch, et. al. (eds.) (1980). Malaysian Politics and the 1978 Elections. Kuala Lumpur: Oxford University Press. Hlm. 71), Ismail Kassim pula telah menulis mengenai kesan negatif yang terpaksa dihadapi oleh PAS di dalam Pilihan Raya Umum 1978 ini ekoran daripada penyertaannya di dalam Barisan Nasional sebelumnya melalui kenyataan berikut: "*UMNO also made much political capital out of the fact that when PAS was in the Barisan, its leaders had no complaints at all and that everything was satisfactory to them... To underline (Dato' Asri's) duplicity, UMNO even went to the extent of putting political advertisements in the press for five consecutive days prior to the polls quoting what Dato' Asri had said in favour of the Barisan during the 1974 campaigning when PAS was in the coalition. Dato' Asri had no reply*" (Ismail Kassim (1979). Race, Politics and Moderation: A Study in the Malaysian Electoral Process. Singapore: Times Books International. Hlm. 48).

<sup>89</sup> Aturcara ijtimai' ini walau bagaimanapun menunjukkan bahawa ia adalah sebenarnya suatu majlis yang dilangsungkan secara yang agak singkat dan ringkas di mana slot "ijtimai'" tertutup"nya hanyalah mengambil masa selama sejam sahaja, iaitu dari pukul 3.00 petang ke pukul 4.00 petang, diikuti oleh slot "sembahyang Asar berjemaah" di antara pukul-pukul 4.00 petang dan 5.00 petang, slot "jamuan nasi" di antara pukul-pukul 5.00 petang dan 6.30 petang, slot "sembahyang Maghrib berjemaah, kuliah Maghrib dan sembahyang Isya' berjemaah" di antara pukul-pukul 6.30 petang dan 8.30 malam serta slot "ceramah umum (oleh) Hassan Mohamad, wakil ABIM dan wakil (Dewan) Ulama' (PAS) Pusat"

menggariskan langkah-langkah pemulihan semula PAS di Kelantan telah dikemukakan oleh dewan ini, malah, setelah diterima oleh ijtim' ini, ia juga telah turut dikemuka dan diterima oleh Jemaah Pesuruhjaya PAS Kelantan di dalam mesyuaratnya pada 12 Jun 1979.<sup>90</sup> Kertas kerja bertajuk "Program Kerja Dan Usrah PAS" ini telah di antara lainnya menggariskan bahawa dakwah Islamiah yang dikatakan diwajibkan kepada semua umat Islam ini perlulah dilakukan melalui sebuah parti yang tersusun rapi dan yang bergerak mengikut segala ajaran Islam.<sup>91</sup> Untuk menguatkan PAS, anjur kertas kerja itu, hubungan langsung dan tidak langsung dengan individu-individu tertentu, khususnya dengan para imam, guru agama, belia dan pelajar, perlulah diwujudkan, sementara tumpuan khusus pula perlulah diberikan kepada usaha untuk menguasai tempat-tempat amal ibadat.<sup>92</sup>

Kertas kerja yang telah disifatkan oleh Nik Abdul Aziz Nik Mat sebagai asas kepada kebangkitan semula PAS di Kelantan ini<sup>93</sup> seterusnya menyatakan bahawa untuk

---

di antara pukul-pukul 8.30 malam dan 12.00 malam (Surat Setiausaha Dewan Ulama' PAS Kelantan, Ahmad Daud, kepada peserta Ijtim' Ulama' di Pondok Terusan, Pasir Tumbuh, Kelantan, pada 2 Jun 1978 bertarikh 17 Mei 1978 bertajuk "Ijtim' Ulama' Di Pondok Terusan". Hlm. 1).

<sup>90</sup> Laporan Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan, Nik Abdul Aziz Nik Mat, kepada Jawatankuasa Kerja Agung PAS bertarikh 24 Ogos 1982 (tidak bertajuk). Hlm. 1; Minit Mesyuarat Jemaah Pesuruhjaya PAS Kelantan pada 12 Jun 1979. Hlm. 3; dan Laporan Tahunan Dewan Ulama' PAS Kelantan 1981/1982. Hlm. 2-5. Walau bagaimanapun, kertas kerja yang telah dikemuka dan diterima oleh Mesyuarat Jemaah Pesuruhjaya PAS Kelantan pada 12 Jun 1979 ini, selain telah ditukar tajuknya menjadi "Khittah Dewan Ulama' PAS Negeri Kelantan", hanyalah merupakan ringkasan kepada kertas kerja yang telah dibentangkan di dalam ijtim' yang dilangsungkan di Pondok Terusan, Pasir Tumbuh, Kelantan, pada 2 Jun 1978. Tidaklah pula diketahui mengapakah hanya setelah setahun ia dibentangkan barulah ia dikemukakan ke dalam Mesyuarat Jemaah Pesuruhjaya PAS Kelantan.

<sup>91</sup> Kertas kerja Dewan Ulama' PAS Kelantan bertarikh 2 Jun 1978 bertajuk "Program Kerja Dan Usrah PAS". Hlm. 1.

<sup>92</sup> Ibid. Hlm. 5. Tegas kertas kerja ini: "Kita mesti berusaha untuk menguasai semua masjid-masjid, surau-surau, madrasah-madrasah dan tempat-tempat amal ibadat".

<sup>93</sup> Laporan Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan, Nik Abdul Aziz Nik Mat, kepada Jawatankuasa Kerja Agung PAS bertarikh 24 Ogos 1982 (tidak bertajuk). Hlm. 1. Di dalam satu ucapan lain, Nik Abdul Aziz Nik Mat telah menyatakan: "Langkah yang pertama sekodar hak ambo ingat untuk kembali semula, untuk gembleng, untuk kapuh semula tenaga (ahli-ahli PAS Kelantan), kita buat persidangan besar di Pondok Terosan, di Pondok Terosan Tok Guru Pasir Tumbuh, di sana menimbulkan satu kertas kerja, kertas kerja tu kertas kerja Dewan Ulama' dan ambo sebut dalam kertas ambo hak ambo buat kor Jawatankuasa (Kerja) Agung baru-baru ni, tak 'dok orang yang sanggup nak wak khijo untuk memulihkan PAS tahun tujuh puluh lapan lain pada Dewan Ulama'. Dan Dewan

membolehkan matlamat perjuangan PAS untuk melaksanakan suruhan Allah dan Rasul-Nya di dalam semua urusan hidup manusia--khususnya untuk menegakkan negara Islam-dapat dicapai,<sup>94</sup> PAS dikatakan perlu mengambil langkah pengawalan untuk menghadapi tentangan "pihak Kerajaan Jahiliah"--satu *euphemism* kepada Kerajaan Barisan Nasional--dan tentangan dari BERJASA,<sup>95</sup> selain dikatakan perlu mengambil langkah meningkatkan keimanan ahli-ahlinya untuk menghadapi rintangan dalaman yang khususnya diakibatkan oleh ketiadaan perbezaan yang jelas di antara PAS sebagai sebuah parti yang berdasarkan kepada Islam dan parti-parti lain yang tidak berdasarkan kepada Islam, baik dari segi keperibadian ahli-ahlinya maupun dari segi taktik perjuangannya.<sup>96</sup> Untuk menghadapi rintangan dalaman ini, ia juga menyarankan supaya ulama'-ulama' PAS mengadakan "usrah dan kelas agama dan politik" kepada setiap ahli PAS di semua peringkat dengan penekanan khusus kepada pengerjaan amal ibadat, pembacaan buku-buku agama dan pengendalian aktiviti-aktiviti di bidang kecergasan.<sup>97</sup>

---

Ulama' telah berjaya buat satu kertas kerja dengan lengkapnya, hasil daripada kertas kerja 'tulah, hak maka kata kita duk, hak orang panggil usrah, aqidah dan sebagainya. Kita membanyakkan usrah, kita membanyakkan aqidah, ah, kita membanyakkan ceramah-ceramah aqidah, dengan tujuan memperkenal semula kepada masyarakat bahawa perjuangan kita ni adalah sambungan daripada perjuangan Nabi Muhammad s.a.w.. Hasil daripada kertas kerja 'tulah maka PAS ni bergerak bergerak sampai ke peringkat yang ada hari ini" (Rakaman ucapan tidak berteks Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan, Nik Abdul Aziz Nik Mat, di dalam majlis taklimat kepartian kepada pemimpin-pemimpin PAS Kelantan di Kota Bharu, Kelantan, pada 4 Disember 1982 (tidak bertajuk)).

<sup>94</sup> Kertas kerja Dewan Ulama' PAS Kelantan bertarikh 2 Jun 1978 bertajuk "Program Kerja Dan Usrah PAS". Hlm. 5.

<sup>95</sup> Ibid. Hlm. 6.

<sup>96</sup> Ibid. Hlm. 7-9. Keperluan untuk membezakan PAS daripada "parti-parti lain yang tidak berdasarkan kepada Islam" ini juga turut ditegaskan oleh Nik Abdul Aziz Nik Mat yang telah, di dalam Mesyuarat Jemaah Pesuruhjaya PAS Kelantan pada 23 Mei 1980, mencadangkan supaya "tenaga penerangan PAS di semua peringkat hendaklah selalu menjelaskan perbezaan (di antara) UMNO sebagai sebuah parti kebangsaan (dan) PAS (sebagai) sebuah parti Islam" (Minit Mesyuarat Jemaah Pesuruhjaya PAS Kelantan pada 23 Mei 1980. Hlm. 3).

<sup>97</sup> Kertas kerja Dewan Ulama' PAS Kelantan bertarikh 2 Jun 1978 bertajuk "Program Kerja Dan Usrah PAS". Hlm. 9-11.

Bersetujuan dengan segala anjuran yang termuat di dalam kertas kerja ini, Dewan Harian PAS Kelantan telah, di dalam mesyuaratnya pada 5 Disember 1978, menugaskan gerakan memulihkan pengaruh parti di semua peringkat kepada Dewan Ulama' PAS Kelantan dan Jawatankuasa Dakwah Jemaah Pesuruhjaya PAS Kelantan yang telah, pada 11 Disember 1978, diarah untuk melaksanakan tiga keputusan Dewan Harian PAS Kelantan itu, iaitu, pertama, untuk melaksanakan gerakan dakwah di kampung-kampung dengan memusatkan gerakan itu di masjid-masjid, surau-surau dan madrasah-madrasah, kedua, untuk menganjurkan kursus perkaderan dan membentuk keperibadian Islam yang menyeluruh di kalangan pemimpin dan penyokong PAS di semua peringkat, dan, ketiga, untuk mendekati badan-badan dakwah, tokoh-tokoh agama, mualigh-mualigh, guru-guru agama, ulama'-ulama' serta orang-orang yang berpengaruh di kalangan umat Islam.<sup>98</sup> Mesyuarat Jemaah Pesuruhjaya PAS Kelantan pada 28 Januari 1979 pula telah, selain meluluskan ketetapan yang sama, turut meluluskan ketetapan, yang termuat di dalam satu lagi kertas kerja yang telah dibentangkan oleh Mohd Amin Yaakob, supaya dikerapkan perjumpaan di antara pimpinan-pimpinan PAS di semua peringkat parti.<sup>99</sup>

#### Mohd Asri Muda Dan Usaha Pemulihan Semula PAS

Tidak dinafikan bahawa Mohd Asri Muda telah, setelah kekalahan teruk PAS di dalam Pilihan Raya Umum Dewan Undangan Negeri Kelantan dan Pilihan Raya Umum 1978, turut berusaha untuk menyertai gelombang pemulihan semula PAS yang bergerak seiring dengan gelombang kebangkitan semula Islam di seluruh dunia dengan melantik

---

<sup>98</sup> Surat Mohd Ariffin Yahya, bagi pihak Setiausaha Jemaah Pesuruhjaya PAS Kelantan, kepada Ketua Dewan Ulama' PAS Kelantan dan Pengurus Jawatankuasa Dakwah Jemaah Pesuruhjaya PAS Kelantan bertarikh 11 Disember 1978 bertajuk "Gerakan Pemulihan Pengaruh Parti Seluruh Negeri Kelantan". Hlm. 1.

beberapa tokoh dakwah dari ABIM, iaitu Mohd Nakhaei Ahmad dan Yahya Othman<sup>100</sup>-- tetapi juga Yusoff Rawa<sup>101</sup>--serta Fadzil Mohd Noor,<sup>102</sup> sebagai Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS. Walaupun ucapan dasar beliau di dalam Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-24 di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, pada 25, 26 dan 27 November 1978 agak bernada optimistik, khususnya kenyataan beliau bahawa kekalahan teruk PAS itu adalah satu fenomena sementara<sup>103</sup> yang diakibatkan oleh pengharaman rapat-rapat umum<sup>104</sup> yang dikatakan telah menghalang rakyat dari menghayati kandungan manifesto PAS,<sup>105</sup> ia juga masih menyenaraikan dua langkah yang dikatakan perlu dibuat oleh ahli-ahli PAS untuk menyertai kebangkitan umat Islam di seluruh dunia bagi mencapai kemenangan, iaitu untuk meningkatkan nilai organisasi dengan menerus dan mengisikan program perjuangan<sup>106</sup> serta untuk meningkatkan nilai diri peribadi mereka sendiri.<sup>107</sup>

Usaha-usaha Mohd Asri Muda ini walau bagaimanapun kelihatan masih belum mencukupi kepada sebahagian daripada perwakilan yang menghadiri Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-24 ini yang telah di antara lainnya mengkritik ucapan dasar beliau yang

<sup>99</sup> Minit Mesyuarat Jemaah Pesuruhjaya PAS Kelantan pada 28 Januari 1979. Hlm. 2; dan Kertas kerja Pengurus Jemaah Pesuruhjaya PAS Kelantan, Mohd Amin Yaakob, bertarikh 28 Januari 1979 bertajuk "Kertas Kerja 1/79: Gerakan Pemulihan Tenaga Parti Di Semua Peringkat". Hlm. 1.

<sup>100</sup> Penyata Tahunan PAS 1977/1978. Hlm. 4. Perlantikan ini telah dibuat oleh Mohd Asri Muda di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 19 September 1978.

<sup>101</sup> Ibid. Hlm. 4. Perlantikan ini telah dibuat oleh Mohd Asri Muda di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 19 September 1978.

<sup>102</sup> Ibid. Hlm. 6; dan Peringatan Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-24 pada 25, 26 dan 27 November 1978. Perlantikan ini telah dibuat oleh Mohd Asri Muda di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 22 November 1978.

<sup>103</sup> Teks ucapan dasar Mohd Asri Muda di dalam Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-24 pada 25, 26 dan 27 November 1978 bertajuk "Ke Arah Kemenangan". Hlm. 10.

<sup>104</sup> Ibid. Hlm. 10-11.

<sup>105</sup> Ibid. Hlm. 16.

<sup>106</sup> Ibid. Hlm. 43.

dikatakan gagal menggariskan sebarang rancangan yang konkret bagi memenangkan PAS<sup>108</sup> selain telah turut meminta agar PAS, disebabkan ia kini dikatakan tidak mempunyai strategi perjuangan tertentu, menyusun satu strategi perjuangan yang dapat diikuti oleh ahli-ahlinya bagi menghadapi cabaran semasa;<sup>109</sup> menyusun satu garis politik yang terang dan nyata yang boleh dijadikan panduan oleh para pemimpin di peringkat negeri dan kawasan;<sup>110</sup> menyusun sebuah buku yang akan menggariskan tatacara perjalanan sebuah kerajaan Islam;<sup>111</sup> menggariskan dengan jelas dan nyata rancangan lima tahunnya<sup>112</sup> dan meningkatkan program tamrin dan latihan di semua peringkat.<sup>113</sup>

---

<sup>107</sup> Ibid. Hlm. 44.

<sup>108</sup> Peringatan Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-24 pada 25, 26 dan 27 November 1978. Hlm. 32. Kritikan ke atas perkara ini telah dibuat oleh wakil Setapak.

<sup>109</sup> Ibid. Hlm. 10. Permintaan ini telah dibuat oleh wakil Damansara. Sewaktu mengulas permintaan wakil Damansara ini, Mohd Asri Muda telah menyatakan bahawa strategi perjuangan parti tidak dapat diumumkan kepada ahli-ahlinya kerana ia adalah "rahsia gerakan bagi sesebuah parti yang tidak perlu diketahui oleh semua ahlinya" (Ibid. Hlm. 16).

<sup>110</sup> Ibid. Hlm. 10. Permintaan ini telah dibuat oleh wakil Jerlun. Sewaktu mengulas permintaan wakil Jerlun ini, Mohd Asri Muda telah menyatakan bahawa penyusunan garis politik parti di dalam bentuk bertulis tidak dapat dibuat kerana ia "akan memudahkan lawan kita menyediakan serangan-serangan (mereka) terhadap kita" (Ibid. Hlm. 17).

<sup>111</sup> Ibid. Hlm. 12-13. Permintaan ini telah dibuat oleh wakil Nilam Puri.

<sup>112</sup> Ibid. Hlm. 23 dan 32. Permintaan ini telah dibuat oleh wakil-wakil Arau dan Setapak.

<sup>113</sup> Ibid. Hlm. 29. Permintaan ini telah dibuat oleh wakil Dewan Ulama' PAS Pusat. Selaras dengan permintaan ini, Jawatankuasa Latihan dan Dakwah PAS yang dipengerusikan oleh Nik Abdul Aziz Nik Mat telah menganjurkan satu siri usrah yang dinamakan "Usrah Kepimpinan PAS" untuk "meningkatkan lagi kefahaman dan fikrah Islamiah", untuk "meningkatkan kefahaman dan pengertian hidup berorganisasi dan berparti dalam melaksanakan amal Islami", untuk "memupuk roh dan semangat jihad yang terus-menerus" dan untuk "memupuk serta menyuburkan rasa ukhuwwah Islamiah" di kalangan pemimpin-pemimpin PAS Negeri, Kawasan dan Cawangan. Siri usrah ini telah dilangsungkan pada 23 dan 24 Disember 1978 bagi Zon Selatan (Johor, Melaka dan Negeri Sembilan), pada 7 dan 8 Februari 1979 bagi Zon Tengah (Selangor, Wilayah Persekutuan dan Perak) dan 12 dan 13 April 1979 bagi Zon Pantai Timur (Pahang, Terengganu dan Kelantan) (Penyata Tahunan PAS 1978/1979. Hlm. 8-9). Program usrah bagi Zon Selatan, yang telah dirasmikan sendiri oleh Mohd Asri Muda, menyaksikan Hassan Shukri, Azizan Abdul Razak dan Dr Harun Din membentangkan kertas-kertas kerja mereka yang masing-masingnya bertajuk "Ke Arah Peningkatan Kefahaman Berparti", "Syari'ah Islamiah: Pokok Dan Perlaksanaan" dan "Kewajipan Menegakkan Negara Islam" (Cenderamata Program Usrah Kepimpinan PAS di Pejabat Agung PAS, Kuala Lumpur, pada 23 dan 24 Disember 1978. Hlm. 1-3). Cukup signifikan di dalam pengendalian program ini adalah kemasukan frasa-frasa "Allah matlamat kami", "Rasulullah pemimpin kami", "al-Qur'an perlembagaan kami", "berjihad jalan perjuangan kami" dan "mati kerana menegakkan agama Allah setinggi-tinggi cita-cita kami" sebagai "slogan kita" (Ibid. Hlm. 4). Setakat 18 April 1979, perlaksanaan usrah di peringkat negeri pula d berjalan dengan baik atau agak baik di Kedah, Kelantan, Terengganu,

Kemuncak kepada segala permintaan ini ialah usul--yang boleh dianggap sebagai satu sindiran ke atas kepimpinan Mohd Asri Muda--wakil Dewan Pemuda PAS Pusat, yang telah diluluskan oleh Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-24 ini, yang meminta agar sistem pemilihan parti itu dijadikan lebih kolektif dan lebih mendekati kehendak syura.<sup>114</sup>

Berhadapan dengan tuntutan-tuntutan yang menyukarkan ini, Mohd Asri Muda telah, di dalam ucapan dasar beliau pada Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-25 di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, pada 7, 8 dan 9 September 1979,<sup>115</sup> mengalihkan perhatian para perwakilan ke arah ancaman<sup>116</sup> yang dikatakan sedang dihadapkan kepada mereka oleh UMNO.<sup>117</sup> Menyifatkan UMNO sebagai penipu agama,<sup>118</sup> penyeru kepada

---

Pahang, Johor dan Selangor (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 18 April 1979. Hlm. 3).

<sup>114</sup> Peringatan Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-24 pada 25, 26 dan 27 November 1978. Hlm. 39-40. Di sebalik bangkangan daripada wakil Nilam Puri yang menyatakan bahawa "sistem pemilihan yang ada sekarang sebenarnya sudah baik dan tidak pula bercanggah dengan prinsip-prinsip syura dalam Islam", usul wakil Dewan Pemuda PAS Pusat ini tetap diluluskan apabila ia telah memperolehi 125 undi menyokong berbanding 28 undi membangkang. Walau bagaimanapun, jawatankuasa kecil--yang dipengerusikan oleh Dr Daeng Sanusi Mariok--yang ditubuhkan oleh Jawatankuasa Kerja Agung PAS untuk melaksanakan kehendak dari usul ini telah kemudiannya berpendapat bahawa "cara yang ada sekarang pun tidaklah bercanggah dengan prinsip-prinsip pemilihan mengikut syura dalam Islam, cuma apa yang penting mesti dijalankan ialah supaya pertandingan yang tidak sihat dielakkan dan sistem lobi(-melobi) dan kempen-mengempen terhadap orang-orang yang dicalonkan mestilah dihapuskan" (Penyata Tahunan PAS 1978/1979. Hlm. 12).

<sup>115</sup> Menjelang berlangsungnya Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-25 ini, PAS telah menandungi pilihan raya kecil bagi merebut kerusi Dewan Undangan Negeri Kuala Besut, Terengganu, pada 30 Julai 1979, tetapi calonnya, Husin Jusoh, telah dikalahkan dengan majoriti sebanyak 726 undi oleh calon Barisan Nasional, Wan Zakaria Abdul Rahman (Warta Kerajaan Persekutuan, 26 Julai 1979, P.U. (B) 366; dan Warta Kerajaan Persekutuan, 16 Ogos 1979, P.U. (B) 402). Sementara pihak PAS telah mendakwa bahawa pilihan raya kecil ini dicemari oleh "(peng)guna(an) dengan sewenang-wenangnya" jentera kerajaan di samping oleh "pembelian undi" (Laporan Tahunan Badan Perhubungan PAS Terengganu 1978/1979. Hlm. 5), pihak kerajaan pula telah kemudiannya mendakwa bahawa pilihan raya kecil ini telah dijadikan medan oleh ahli-ahli PAS untuk "(men)imbulkan semula" fatwa kafir-mengkafir di Terengganu (Kertas Putih Kerajaan Malaysia bertarikh 8 November 1984 bertajuk "Ancaman Kepada Perpaduan Umat Islam Dan Keselamatan Negara". Hlm. 8).

<sup>116</sup> Menjadikan persoalan ancaman yang dikatakan sedang dihadapkan oleh UMNO kepada PAS ini lebih relevan adalah kenyataan Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Syed Ahmad Syed Mahmud Shahabudin, untuk "mengharamkan perkataan 'Islam' dari digunakan oleh mana-mana pertubuhan politik di negara ini" di atas alasan bahawa "(penggunaan) perkataan 'Islam' itu boleh membawa perpecahan di kalangan rakyat, khasnya umat Islam" (Kenyataan akhbar Setiausaha Agung PAS, Hassan Shukri, bertarikh 3 Januari 1979 (tidak bertajuk). Hlm. 1).

*asabiyah*<sup>119</sup> dan penganut faham sekularisme,<sup>120</sup> beliau telah mengingatkan mereka tentang tiga bentuk cabaran yang dikatakan perlu dihadapi oleh mereka sehubungan dengan usaha UMNO untuk menggugat dan memudarkan keyakinan perjuangan umat Islam,<sup>121</sup> iaitu cubaan untuk memalingkan perhatian ummah daripada persoalan pokok tentang Islam kepada persoalan ranting bagi membolehkan ia memperalatkan Islam untuk cita-cita yang bukan Islam (sekularisme),<sup>122</sup> cubaan untuk memutarbelitkan isu-isu Islam, khususnya untuk menimbulkan keraguan ke atas keupayaan Islam menghadapi cabaran hidup bernegara di dalam sebuah masyarakat majmuk yang moden, untuk mencetuskan anggapan yang tidak benar terhadap gerakan Islam dan Islam;<sup>123</sup> dan cubaan untuk mengikis keimanan ummah dengan menyemaikan faham kebendaan.<sup>124</sup>

Sementara kedudukan Mohd Asri Muda sendiri dilihat tidak begitu tergugat di dalam Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-25 ini apabila beliau telah memenangi jawatan Yang Dipertua Agung PAS tanpa bertanding manakala Abu Bakar Umar, tokoh yang

<sup>117</sup> Mohd Asri Muda walau bagaimanapun telah turut mempertatkan tentang keperluan untuk ahli-ahli PAS mempertingkatkan daya juang peribadi mereka, khususnya dengan mempertingkatkan semangat jihad mereka, bagi membolehkan mereka mempertingkatkan daya juang organisasi PAS itu sendiri (Teks ucapan dasar Mohd Asri Muda di dalam Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-25 pada 7, 8 dan 9 September 1979 bertajuk "Tiga Wajah Cabaran". Hlm. 32-37)--kenyataan yang telah kemudiannya digunakan oleh Mohd Nakhaei Ahmad untuk dengan secara tidak langsung menyerang Mohd Asri Muda sendiri melalui kenyataan beliau yang berbunyi: "25 tahun bukanlah satu masa yang pendek, tapi kita dapati perjuangan kita masih lagi dalam peringkat permulaan (kerana) pada waktu-waktu yang lalu kita kurang memperhitungkan betapa pentingnya daya juang peribadi ini dan daya ketahanan orang-orang kita dan pemahaman orang-orang kita tentang perjuangan Islam itu sendiri" (Mohd Nakhaei Ahmad (1979). Suatu Pembicaraan Mengenai Membangun Kekuatan Ummah. Raub: Biro Penerangan dan Dakwah Dewan Pemuda PAS Pahang dan PAS Raub. Hlm. 4).

<sup>118</sup> Teks ucapan dasar Mohd Asri Muda di dalam Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-25 pada 7, 8 dan 9 September 1979 bertajuk "Tiga Wajah Cabaran". Hlm. 6.

<sup>119</sup> Ibid. Hlm. 6.

<sup>120</sup> Ibid. Hlm. 3, 7 dan 30.

<sup>121</sup> Ibid. Hlm. 3.

<sup>122</sup> Ibid. Hlm. 3-4.

<sup>123</sup> Ibid. Hlm. 5-8.

dianggap proksi beliau, turut memenangi jawatan Timbalan Yang Dipertua Agung PAS dengan mengalahkan Yusoff Rawa,<sup>125</sup> kemaraan tokoh-tokoh dakwah yang pada asalnya diperkenalkan oleh beliau sendiri, khususnya kejayaan Fadzil Mohd Noor (tetapi juga Yusoff Rawa) memenangi jawatan Naib Yang Dipertua Agung PAS tanpa bertanding,<sup>126</sup> juga kejayaan Mohd Nakhaei Ahmad dan Abdul Hadi Awang memperolehi undi-undi tertinggi dan keempat tertinggi di dalam pemilihan bagi jawatan Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS,<sup>127</sup> menjadi satu petunjuk bahawa satu perubahan telah mula berakar-umbi di dalam parti itu.<sup>128</sup> Turut menggambarkan perubahan ini ialah ketetapan<sup>129</sup> yang telah diluluskan oleh Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-25 ini yang menegaskan semula keazaman PAS untuk "meningkatkan kekuahan jemaah dan keteguhan organisasi serta

---

<sup>124</sup> Ibid. Hlm. 8-10.

<sup>125</sup> Peringatan Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-25 pada 7, 8 dan 9 September 1979. Hlm. 13. Majoriti yang diperolehi oleh Abu Bakar Umar walau bagaimanapun adalah agak tipis, iaitu 60 undi sahaja, tatkala beliau dan Yusoff Rawa memperolehi 179 dan 119 undi masing-masingnya.

<sup>126</sup> Ibid. Hlm. 13. Kemenangan tanpa bertanding Yusoff Rawa dan Fadzil Mohd Noor ini diperolehi setelah tiga calon lain--iaitu Baharuddin Abdul Latif, Dr Daeng Sanusi Mariok dan Mohd Nakhaei Ahmad--menarik diri dari turut menandingi jawatan Naib Yang Dipertua Agung PAS ini.

<sup>127</sup> Ibid. Hlm. 13 dan 14. Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-25 ini juga telah turut memilih Abdul Wahab Yunus, Baharuddin Abdul Latif, Mohd Zahari Awang, Hassan Shukri, Syed Ibrahim Syed Abdul Rahman, Zabidi Ali, Salmah Shaikh Hussain, Wan Abdul Muttalib Embong, Abdul Halim Arshad dan Ismail Kassim sebagai Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS bagi sesi 1979/1981 (Ibid. Hlm. 13-14).

<sup>128</sup> Turut menggambarkan perubahan ini ialah tindakan Muktamar Tahunan Dewan Ulama' PAS Pusat Kali Ke-18 pada 7 September 1979 meluluskan, walaupun hanya "untuk perbahasan dan penelitian Jawatankuasa Kerja Agung PAS", usul yang dikemukakan oleh wakil Dewan Ulama' PAS Kelantan yang meminta supaya ia "bersetuju mendesak Pejabat Agung (PAS) menjadikan Dewan Ulama' PAS sebagai sebuah badan induk bagi PAS (dan) bukan lagi sebagai sayap kanannya, dengan meminda Fasal 37 Perlembagaan PAS (1977)" (Peringatan Muktamar Tahunan Dewan Ulama' PAS Pusat Kali Ke-18 pada 7 September 1979. Hlm. 13-14).

<sup>129</sup> Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-25 ini telah menyaksikan kesemua usul yang dikemukakan dirumuskan menjadi satu deklarasi, yang dikenali dengan nama "Deklarasi 17 Syawal 1399H", yang--selain menegaskan semula bentuk perjuangan PAS ini--menyatakan bantahan keras PAS ke atas "segala bentuk kezaliman, penyalahgunaan kuasa dan diskriminasi terhadap rakyat yang dilakukan oleh pemerintah dalam mengendalikan urusan negara" dan menyatakan sikap PAS terhadap lima isu dunia Islam (Peringatan Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-25 pada 7, 8 dan 9 September 1979. Hlm. 15; dan Penyata Tahunan PAS 1979/1980. Hlm. 9-10). Mohd Asri Muda sendiri telah memberikan komitmen beliau kepada kandungan deklarasi yang dibentangkan oleh Fadzil Mohd Noor ini dengan menegaskan: "Adalah menjadi tanggungjawab tiap-tiap seorang daripada kita untuk melaksanakan deklarasi ini dengan meningkatkan niat, aqidah dan akhlak, seterusnya menyusun gerakan fungsi masing-masing" (Peringatan Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-25 pada 7, 8 dan 9 September 1979. Hlm. 18).

kekuatan daya jihad peribadi... untuk meneruskan perjuangan mewujudkan sebuah masyarakat dan negara berperlembagaan yang berjalan di dalamnya sistem Islam".<sup>130</sup>

Di sebalik perubahan dalaman PAS ini, Mohd Asri Muda terus berusaha memastikan kerelevanan diri beliau dengan menonjolkan kemampuan beliau untuk memimpin PAS mengharungi Kurun Ke-15 Hijrah--yang beliau sifatkan sebagai kurun kebangkitan Islam<sup>131</sup>--di samping dengan mengingatkan ahli-ahli PAS bahawa sementara taktik, teknik dan pendekatan yang digunakan oleh PAS sebelum menjelangnya kurun ini adalah berbeza, matlamatnya, iaitu mewujudkan keadilan, keamanan dan kesejahteraan bagi masyarakat dan negara ini sesuai dengan perintah Allah dan Rasul-Nya, tidaklah berbeza dari matlamatnya sekarang.<sup>132</sup> Serangan-serangan ke atas Kerajaan Barisan Nasional--khususnya melalui ketetapan Muktamar Khas PAS pada 2 Mac 1980<sup>133</sup> yang menyifatkan kezaliman dan penyalahgunaan kuasanya menahan 13 pemimpin PAS Kedah<sup>134</sup> di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri ekoran daripada penglibatan mereka

<sup>130</sup> Penyata Tahunan PAS 1979/1980. Hlm. 9-10. Perubahan ini juga telah diperkuatkan lagi oleh keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 14 Oktober 1979 menubuhkan Lajnah Nuzumul Islamiah (Institusi Islamiah) yang dipengerusikan oleh Yusoff Rawa, juga oleh keputusannya untuk "menetapkan supaya program usrah dijadikan program yang diwajibkan bagi setiap negeri, kawasan dan cawangan untuk meningkatkan lagi kefahaman Islam dan kematangan berfikir bagi setiap ahli PAS di semua peringkat" (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 14 Oktober 1979. Hlm. 3 dan 5). Sementara itu, keputusannya untuk menandingi Pilihan Raya Kecil Dewan Rakyat Pelabuhan Kelang, Selangor, (Ibid. Hlm. 5) pada 1 Disember 1979 pula ternyata telah tidak terlalu memberikan keuntungan politik kepada calonnya, Ahmad Subky Abdul Latif, hanya memperolehi undi ketiga tertinggi selepas calon Barisan Nasional, V Govindaraj, dan calon DAP, K Ramasen (Warta Kerajaan Persekutuan, 29 November 1979, P.U. (B) 584; dan Warta Kerajaan Persekutuan, 13 Disember 1979, P.U. (B) 612).

<sup>131</sup> Teks ucapan dasar Mohd Asri Muda di dalam Muktamar Khas PAS Kali Ke-5 pada 2 Mac 1980 (tidak bertajuk). Hlm. 7.

<sup>132</sup> Ibid. Hlm. 10.

<sup>133</sup> Tujuan utama Muktamar Khas PAS ini dilangsungkan adalah untuk "memperluas penyebaran dan memperkuat tekanan kepada pihak kerajaan (sehubungan dengan penahanan 13 pemimpin PAS Kedah di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri)" (Minit Mesyuarat Dewan Harian PAS Pusat pada 10 Februari 1980. Hlm. 1).

<sup>134</sup> Teks ucapan dasar Mohd Asri Muda di dalam Muktamar Khas PAS Kali Ke-5 pada 2 Mac 1980 (tidak bertajuk). Hlm. 10. Di antara 13 pemimpin PAS Kedah yang telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri ini adalah Abdul Halim Arshad, yang pada waktu itu merupakan Ahli

di dalam peristiwa tunjuk perasaan kaum tani yang menuntut kenaikan harga padi di Alor Setar, Kedah, pada 23 Januari 1980 sebagai satu usaha untuk menumpaskan kebangkitan Islam yang sama-sama didokong oleh PAS sebagai wadah perjuangannya<sup>135</sup>--turut menyebabkan ahli-ahli PAS tidak begitu menimbulkan isu kerelevan diri beliau ini.

Sementara Mohd Asri Muda telah, melalui ucapan dasar beliau di dalam Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-26 di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, pada 26, 27 dan 28 September 1980, terus mengakomodasikan tuntutan-tuntutan golongan muda di dalam PAS dengan--selain menyelar fahaman sekularisme yang dikatakan jahat dan sesat kerana menyebabkan umat Islam tidak mempedulikan langsung urusan politik dan negara<sup>136</sup>--melahirkan kekaguman beliau terhadap kejayaan revolusi Islam pimpinan Ayatollah Ruhollah Khomeini menamatkan kekuasaan golongan sekular pimpinan Shah Iran di Iran pada 11 Februari 1979<sup>137</sup>--revolusi yang telah beliau ucapkan tahniah di

---

Jawatankuasa Kerja Agung PAS merangkap Setiausaha Badan Perhubungan PAS Kedah, Salahuddin Mansur, yang pada waktu itu merupakan Setiausaha Kerja Badan Perhubungan PAS Kedah, dan Osman Marzuki, yang pada waktu itu merupakan Setiausaha PAS Padang Terap. Ekoran penahanan mereka ini, Jawatankuasa Kerja Agung PAS, yang telah sebelumnya "mendapat kesan bahawa penahanan terhadap pemimpin-pemimpin PAS Kedah adalah lebih berbentuk politik dan dendam Dr Mahathir Mohamad terhadap Saudara Abdul Halim Arshad sendiri" (Minit Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 8 Februari 1980. Hlm. 2), mengarahkan Badan-Badan Perhubungan PAS Negeri dan PAS-PAS Kawasan supaya mengirimkan telegram kepada Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri bagi mendesak pembebasan mereka (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 1 Mac 1980. Hlm. 2).

<sup>135</sup> Peringatan Muktamar Khas PAS Kali Ke-5 pada 2 Mac 1980. Hlm. 14. Sama ada dipengaruhi oleh penahanan 13 pemimpin PAS Kedah ini ataupun tidak, PAS telah kemudiannya menunjukkan prestasi yang begitu memberangsangkan di dalam Pilihan Raya Kecil Dewan Undangan Negeri Bukit Raya, Kedah, pada 5 April 1980 apabila calonnya, Fadzil Mohd Noor, yang memperolehi sebanyak 6,732 undi, hanya dikalahkan dengan majoriti sebanyak 70 undi sahaja oleh calon Barisan Nasional, Safirol Hashim, yang memperolehi sebanyak 6,802 undi (Warta Kerajaan Persekutuan, 3 April 1980, P.U. (B) 178; dan Warta Kerajaan Persekutuan, 17 April 1980, P.U. (B) 222).

<sup>136</sup> Teks ucapan dasar Mohd Asri Muda di dalam Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-26 pada 26, 27 dan 28 September 1980 bertajuk "Kurun Hijrah Ke-15: Antara Harapan Dan Cabaran". Hlm. 15. Sehubungan dengan isu sekularisme ini, Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-26 ini juga telah, dengan tertakluk kepada penyusunan semula oleh Jawatankuasa Kerja Agung PAS, meluluskan usul wakil Dewan Muslimat PAS Pusat yang mendesak supaya mahkamah syari'ah di negara ini sama ada benar-benar menjalankan hukum syara' yang berdasarkan al-Qur'an, al-Hadith, al-Qias dan al-Ijma' atau ditukarkan namanya kepada mahkamah pentadbiran orang-orang Islam sahaja (Peringatan Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-26 pada 26, 27 dan 28 September 1980. Hlm. 20-21).

dalam Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-25 sebelumnya.<sup>138</sup> Beliau walau bagaimanapun ternyata tidak mampu untuk pergi lebih jauh dari itu dan terpaksa mengingatkan sesetengah golongan<sup>139</sup> yang--terpengaruh dengan kejayaannya--berhajat untuk melakukan perkara yang sama di negara ini supaya tidak bersikap dogmatis melulu dan mempertimbangkan realiti masyarakat negara ini di dalam memperjuangkan cita-cita ideal mereka itu.<sup>140</sup> Menyifatkan PAS bukan sebuah pertubuhan *non-politics*,<sup>141</sup> beliau telah mengulangi komitmen PAS untuk terus bergerak di dalam batas demokrasi.<sup>142</sup>

<sup>137</sup> Teks ucapan dasar Mohd Asri Muda di dalam Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-26 pada 26, 27 dan 28 September 1980 bertajuk "Kurun Hijrah Ke-15: Antara Harapan Dan Cabaran". Hlm. 23. Tambah Mohd Asri Muda: "Maka kini revolusi yang menggemparkan dunia itu sedang memikul banyak beban dan tanggungjawab. Walaupun dalam perjuangannya ia terpaksa menempuh banyak rintangan dari luar dan dalam, namun, selagi ianya teguh berpegang kepada prinsip jihad dalam Islam, *insya'Allah*, perjuangan dan revolusinya akhirnya akan berjaya".

<sup>138</sup> Teks ucapan dasar Mohd Asri Muda di dalam Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-25 pada 7, 8 dan 9 September 1979 bertajuk "Tiga Wajah Cabaran". Hlm. 20-21. Tambah Mohd Asri Muda: "Sesungguhnya Allah s.w.t. telah memberikan kemenangan kepada perjuangan (umat Islam Iran), kita tumpang bergembira sambil bersyukur kepada Allah atas kemenangan mereka itu...Kita berdoa ke hadrat Allah semoga kemenangan umat Islam Iran itu tetap terpelihara dan seterusnya dapat mencapai matlamat perjuangan (mereka) yang murni".

<sup>139</sup> Walaupun Mohd Asri Muda sendiri tidak pernah mendedahkan identiti sebenar golongan ini, seorang pengkaji politik Malaysia telah pernah melaporkan pengakuan Abdul Hadi Awang kepada beliau pada 10 Ogos 1985 dengan menulis di dalam tesis doktor falsafah beliau: "*After the success of Khomeini's revolution against the Shah of Iran, PAS leaders believed that they could achieve their goal. After the Islamic Republic of Iran was installed in 1979, PAS leaders were invited there, where, during a month long visit, they learnt about the methods used to topple the government. Haji Hadi Awang, Haji Mustafa Ali, Ustaz Nakhaei and Ustaz Khadir were among the guests of Khomeini-led government*" (Abdu Malek Mohd Hanafiah (1989). Communalism and Electoral Politics in Peninsular Malaysia: The 1982 General Election in Historical Perspective. University of Oxford. Hlm. 332).

<sup>140</sup> Teks ucapan dasar Mohd Asri Muda di dalam Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-26 pada 26, 27 dan 28 September 1980 bertajuk "Kurun Hijrah Ke-15: Antara Harapan Dan Cabaran". Hlm. 32-33. Tambah Mohd Asri Muda: "Realiti masyarakat di mana kita berkecimpung menggambarkan suatu corak, pola, norma, tabiat, cita-cita serta ciri-ciri tertentu yang memaksa kita sebagai sebuah pertubuhan sentiasa berhati-hati dan cermat dalam mengatur langkah dan tindakan dengan segala kebijaksanaan dan positif agar cita-cita yang ideal tidak berkecaci dalam pertembungan yang tidak berupaya kita mengelakkannya".

<sup>141</sup> Ibid. Hlm. 23. Jelas Mohd Asri Muda: "Maka menyalah-tafsir serta menyalahgunakan ukuran akan membebankan kita dengan kesulitan yang merugikan, ertiinya akan menggencatkan langkah dan rentak perjuangan kita, malah boleh menggagalkan langsung gerakan perjuangan kita".

<sup>142</sup> Ibid. Hlm. 23. Jelas Mohd Asri Muda: "Pilihan raya dengan kaedah dan cara-caranya sendiri yang telah kita tempuh sejak awalnya lagi sejak belum merdeka lagi adalah merupakan suatu jalan yang terbuka kepada semua parti yang dinisbahkan sebagai parti politik mengikut istilah yang dipakai dan

Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-27 di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, pada 17, 18 dan 19 April 1981, yang didahului oleh laporan-laporan akhbar mengenai penentangan ahli-ahli PAS di Kelantan dan Terengganu terhadap cadangan beliau untuk membawa PAS bekerjasama dengan DAP di dalam pilihan raya umum yang akan datang,<sup>143</sup> menyaksikan kepimpinan Mohd Asri Muda mula dipertikaikan apabila

---

diakui sekarang untuk menyertai sama dalam musabaqahnya untuk pencapaian kemenangan dan kekuasaan, sama ada sifatnya mutlak atau *muqayyad, absolute* atau terbatas".

<sup>143</sup> "Keretakan dalam PAS: Jawapan Setiausaha (Mesyuarat tergempar di Kelantan)", dlm. Berita Harian, 5 Februari 1981; dan "53 ranting PAS dua negeri bubar: Bantah cadangan Dato' Asri", dlm. Berita Harian, 11 Februari 1981. Selain ahli-ahli PAS di Kelantan dan Terengganu ini, bantahan yang paling kuat ke atas kenyataan, pada 29 Januari 1981, Mohd Asri Muda bahawa "*if in the past PAS could associate itself with the National Front which has MCA and MIC among its company, I don't see any logic in the party not being able to co-operate with the DAP*" ("Lebih 7,000 di Pengkalan Chepa berdiri teguh di belakang Asri", dlm. Utusan Melayu, 13 Februari 1981; dan "Kelantan--the battle within", dlm. New Straits Times, 1 April 1982) ini adalah datang daripada Dewan Ulama' PAS Pusat yang ketuanya, Nik Abdul Aziz Nik Mat, dilapor berura-ura untuk meletakkan jawatan beliau bagi memastikan "pengikut-pengikut PAS tidak terpesong dari aqidah Islam" sekiranya cadangan ini terlaksana nantinya ("Ketua Ulama' PAS mungkin letak jawatan", dlm. Utusan Melayu, 15 Februari 1981; dan "Terserah kepada ahli-ahli PAS tentukan kedudukan saya", dlm. Berita Harian, 19 Februari 1981), juga daripada Dewan Pemuda PAS Pusat yang seminar kepimpinan yang dianjurkan olehnya di Kota Bharu, Kelantan, pada 5, 6 dan 7 Februari 1981 dikatakan memutuskan untuk "menentang (cadangan) kerjasama dengan DAP (ini)"--keputusan yang dikatakan telah kemudiannya mendorong Badan Perhubungan PAS Pahang, yang pesuruhjayaanya, Mohd Rushdie Ariff, turut merupakan Ahli Jawatankuasa Dewan Pemuda PAS Pusat pada masa itu, memutuskan untuk meminta Mohd Asri Muda mengundurkan diri dari jawatan Yang Dipertua Agung PAS (Rakaman ucapan tidak berteks Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan, Nik Abdul Aziz Nik Mat, di dalam majlis taklimat kepartian kepada pemimpin-pemimpin PAS Kelantan di Kota Bharu, Kelantan, pada 4 Disember 1982 (tidak bertajuk)). Cerita Nik Abdul Aziz Nik Mat mengenai penentangan Dewan Pemuda PAS Pusat ke atas cadangan ini: "Keputusan yang dibuat dalam seminar ini ialah menentang kerjasama dengan DAP. Penentangan ini bermula daripada sini, merebak ke seluruh negeri, dibawak balik oleh Pemuda, wakil Pemuda, masing-masing. Bila sampai di Pahang, PAS Pahang mengadakan Mesyuarat Perhubungan, dan dalam Perhubungan Negeri Pahang dibuat keputusan supaya menentang kerjasama dengan DAP, dan mereka mintak Dato' Asri undur diri. Keputusan ini rupanya dibawak ke suratkhabar, bila keluar suratkhabar bahawa PAS Pahang mintak Dato' Asri undur diri, disoal balik cerita ini dalam Mesyuarat Jawatankuasa Agung. Bila sampai ke peringkat Jawatankuasa Agung bermesyuarat, maka disoal: "Betulkah, wahai (Mohd) Rushdie Ariff, kamu sebagai Pesuruhjaya PAS Pahang, bahawa kamu mintak Dato' Asri keluar, undur diri?". Jawab (beliau): "Betul, dan ini bukan keputusan saya, (tetapi) keputusan Negeri". Punya marahnya Dato' Asri, Yang Dipertua Agung, kepada (Mohd) Rushdie Ariff dalam Mesyuarat Jawatankuasa Agung itu menyebabkan Dato' Asri kata "kamu sebagai anak kurang ajar" (kepada Mohd Rushdie Ariff) di depan depan anggota mesyuarat... Bila perkataan "kurang ajar" ni dikata kepada beliau, keluar pulak cerita ni dalam suratkhabar, makin lagi mendidih hati orang membaca, lebih-lebih lagi orang yang bersimpati dengan beliau" (*Ibid.*). Mohd Asri Muda walau bagaimanapun telah kemudiannya dilapor menyatakan bahawa "sehingga ini tiada sebarang rundingan dibuat antara PAS dan DAP untuk bekerjasama dalam menghadapi pilihan raya akan datang", bahawa "(cadangan kerjasama di antara PAS dan DAP ini) tiada apa-apa, cuma sengaja diheboh dan dipanjangkan untuk kepentingan politik", bahawa "kenyataan yang dikeluarkan (oleh beliau) pada mulanya tidak lebih daripada kenyataan politik biasa yang telah kemudiannya disalahertikan sehingga menjadi satu isu yang berlarutan" dan bahawa "(beliau) menyerahkan perkara (kedudukan beliau sebagai Yang Dipertua Agung PAS yang dikatakan terjejas ekoran daripada kekecohan yang berlaku sehubungan dengan isu ini) kepada Muktamar (Tahunan) PAS yang akan berlangsung pertengahan

Yusoff Rawa telah dicalonkan untuk merebut jawatan Yang Dipertua Agung PAS. Berhadapan dengan kemungkinan ini, beliau telah, selain mengharapkan semoga kerjasama di antara PAS dan DAP tidak akan berlaku,<sup>144</sup> mengingatkan para perwakilan akan keperluan untuk memilih satu *team* pimpinan parti yang padu, kuat dan berwibawa<sup>145</sup> untuk menghadapi ranjau politik yang lebih mencabar di masa hadapan.<sup>146</sup> Sementara penarikan diri Yusoff Rawa membolehkan beliau memenangi semula jawatan itu,<sup>147</sup> pegangan beliau ke atas PAS ternyata telah goyah apabila proksi-proksi beliau, iaitu Abu Bakar Umar dan Wan Ismail Ibrahim, dikalahkan di dalam perebutan jawatan

---

bulan April ini" ("Asri: PAS tidak berniat kerjasama dengan DAP (Perkara letak jawatan terserah kepada muktamar)", dlm. Utusan Melayu, 11 Februari 1981).

<sup>144</sup> Teks ucapan dasar Mohd Asri Muda di dalam Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-27 pada 17, 18 dan 19 April 1981 bertajuk "PAS Dari Dekad Ke Dekad". Hlm. 13. Jelas Mohd Asri Muda: "(Kerjasama dengan DAP) tidak pernah berlaku dan mudah-mudahan tidak akan berlaku. Tetapi oleh orang-orang tertentu dalam parti pemerintah menjadikan ini sebagai suatu isu yang agak lumayan, apa lagi ditambah pula dengan peranan akhbar-akhbar tertentu yang bukan lagi berperanan sebagai media massa, tetapi seolah-olah sebagai media parti. Hal ini bertambah meriah jadinya bila ada pula di kalangan kita sendiri yang ikut mengambil bahagian sama, sama ada secara sedar atau tidak, tapi yang jelasnya ada sebahagian bukan saja menari mengikut rentak, malah ada ikut memalu gendang sama. *Alhamdulillah*, isu itu telah sejuk kembali sekalipun motif yang bertenggek di bibir jelingan isu itu masih hidup terus".

<sup>145</sup> Ibid. Hlm. 20 dan 47. Jelas Mohd Asri Muda lagi: "Jangan sama sekali kita membentuk atau mewujudkan suatu *trend* yang menghambat dan mengikat kita dalam suatu kelompok yang terbatas untuk melahirkan pimpinan yang berkesan sekalipun ianya diberi pakaian intelektualisme atau diambil dari menara gading. Kepimpinan Islam mestilah lahir dari kalangan kita yang mengetahui dan berpegang kepada aqidah dan nilai Islam, yang arif dan mampu berhadapan dengan realiti politik dan masyarakat serta suasana semasa, di samping mempunyai tenaga kebijaksanaan serta kegigihan dan segala ciri-ciri kepimpinan yang berwibawa dan munasabah" (Ibid. Hlm. 15).

<sup>146</sup> Keperluan untuk memilih satu *team* pimpinan parti yang padu, kuat dan berwibawa ini dikatakan amat penting sekali memandangkan, mengikut ramalan Mohd Asri Muda, Pilihan Raya Umum Kali Ke-6 akan dilangsungkan pada bulan April, Mei atau Jun 1982 kerana "ada kemungkinan Pilihan Raya Dewan Undangan Negeri Kelantan akan di(langsung)kan sebelum musim hujan di Pantai Timur dalam tahun 1982 dan tentunya sebelum (bulan) puasa, yakni bulan April, Mei atau Jun 1982" dan kerana "pilihan raya berasingan antara Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri bagi Semenanjung Malaysia ini (tidak) akan berlaku terus-menerus" (Ibid. Hlm. 18-20)—satu ramalan yang agak tepat kerana ia telah kemudiannya ditetap untuk dilangsungkan pada 22 April 1982 (Laporan Pilihan Raya Umum Malaysia 1982. Hlm. 1, 13, 35 dan 45).

<sup>147</sup> Peringatan Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-27 pada 17, 18 dan 19 April 1981. Hlm. 16. Jelas Yusoff Rawa sebaik sahaja pengundian hendak dijalankan: "Oleh sebab jawatan (Yang Dipertua Agung) tersebut penting dan bertanggungjawab, maka saya telah beristikharah dan mendapat petunjuk bahawa saya jangan bertanding. Dengan ini saya dengan sukacitanya menarik diri. Saya memohon ampun dan maaf kepada saudara-saudara yang mencadangkan kepada saya sebagai calon itu".

Timbalan<sup>148</sup> dan Naib-Naib<sup>149</sup> Yang Dipertua Agung PAS, apatah lagi apabila Yusoff

Rawa telah mendedahkan kewujudan golongan yang hendak menggulingkan beliau.<sup>150</sup>

### PAS Dan Isu Kafir-Mengkafir

Kerancakan usaha golongan ulama', dengan dokongan golongan muda, di dalam PAS, memulihkan semula PAS tanpa disedari--atau mungkin dengan secara terancang--telah melahirkan bersamanya satu isu baru yang serius, iaitu isu kafir-mengkafir. Walaupun Ijtim'a Dewan Ulama' PAS Kelantan di Pondok Terusan, Pasir Tumbuh,

<sup>148</sup> Ibid. Hlm. 16 dan 17. Di dalam perebutan jawatan Timbalan Yang Dipertua Agung PAS, Abu Bakar Umar, yang memperolehi 158 undi, telah dikalahkan oleh Yusoff Rawa yang memperolehi 170 undi. Kekalahan Abu Bakar Umar ini sebenarnya tidaklah terlalu mengejutkan sekiranya diambil kira tindakan Dewan Ulama' PAS Kedah, negeri yang beliau sendiri merupakan pesuruhjayanya, mengemukakan, di dalam Muktamar Tahunan Dewan Ulama' PAS Pusat Kali Ke-20 pada 17 April 1981, satu usul yang mendesak agar "Perlombagaan PAS yang ada sekarang ini dipinda pada fasal-fasal yang berhubung dengan pemilihan Timbalan Yang Dipertua Agung PAS supaya memberi erti bahawa mana-mana ahli PAS yang dipilih menjadi Ketua Dewan Ulama' PAS Pusat hendaklah dengan sendirinya menjadi Timbalan Yang Dipertua Agung PAS". Di sebalik persetujuan para perwakilan ke atasnya, ketidaktentuan mengenai cara untuk melaksanakannya walaupun bagaimanapun telah menyebabkan usul ini dipersejui untuk "ditunda kepada suatu masa yang lain" (Peringatan Muktamar Tahunan Dewan Ulama' PAS Pusat Kali Ke-20 pada 17 April 1981. Hlm. 8-9).

<sup>149</sup> Peringatan Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-27 pada 17, 18 dan 19 April 1981. Hlm. 16 dan 17. Di dalam perebutan jawatan Naib-Naib Yang Dipertua Agung PAS, Wan Ismail Ibrahim--yang tidak memegang apa-apa jawatan di dalam barisan kepimpinan PAS Pusat ataupun di dalam barisan kepimpinan Dewan-Dewan PAS Pusat bagi sesi 1979/1981--yang sekadar memperolehi 61 undi, telah dikalahkan oleh Fadzil Mohd Noor--yang, selain merupakan penyandang bagi jawatan Naib Yang Dipertua Agung PAS, turut merupakan Ahli Jawatankuasa Kerja Dewan Ulama' PAS Pusat yang dipilih bagi sesi 1979/1981 (Peringatan Muktamar Tahunan Dewan Ulama' PAS Pusat Kali Ke-18 pada 7 September 1979. Hlm. 11) dan bagi sesi 1981/1983 (Peringatan Muktamar Tahunan Dewan Ulama' PAS Pusat Kali Ke-20 pada 17 April 1981. Hlm. 7)--dan Abdul Hadi Awang--yang, selain merupakan penyandang bagi jawatan Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS, turut merupakan Ahli Jawatankuasa Kerja Dewan Ulama' PAS Pusat yang dipilih bagi sesi 1979/1981 (Peringatan Muktamar Tahunan Dewan Ulama' PAS Pusat Kali Ke-18 pada 7 September 1979. Hlm. 12) dan bagi sesi 1981/1983 (Peringatan Muktamar Tahunan Dewan Ulama' PAS Pusat Kali Ke-20 pada 17 April 1981. Hlm. 7) di samping turut merupakan Ahli Jawatankuasa Kerja Dewan Pemuda PAS Pusat yang dipilih bagi sesi 1979/1981 (Laporan Tahunan Dewan Pemuda PAS Pusat 1979/1980. Hlm. 2) dan bagi sesi 1981/1983 (Laporan Tahunan Dewan Pemuda PAS Pusat 1981/1982. Hlm. 3)--yang memperolehi 305 dan 280 undi masing-masingnya. Selain itu, Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-27 ini juga telah turut memilih Hassan Shukri, Mohd Nakhaei Ahmad, Wan Abdul Mutalib Embong, Syed Ibrahim Syed Abdul Rahman, Baharuddin Abdul Latif, Abdul Wahab Yunus, Zabidi Ali, Hassan Ishak, Mohd Zahari Awang, Sudin Wahab, Dr Abbas Alias dan Yahya Othman sebagai Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS bagi sesi 1981/1983 (Peringatan Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-27 pada 17, 18 dan 19 April 1981. Hlm. 17-18).

Kelantan, pada 2 Jun 1978 merujukkan Kerajaan Barisan Nasional sebagai "Kerajaan Jahiliah",<sup>151</sup> pengkafiran awal ahli-ahli UMNO dalam era 1970-an adalah dibuat oleh Mustapha Abu Bakar--mudir pondok itu merangkap Timbalan Pengerusi Jemaah Pesuruhjaya PAS Kelantan bagi sesi 1978-1981<sup>152</sup>--di dalam ceramah beliau di Surau Salleh Mat Ali, Kampung Seberang Sungai, Keruak, Ulu Besut, Terengganu, pada 4 November 1979 tatkala beliau memfatwakan bahawa ahli-ahli UMNO adalah orang-orang murtad yang tidak boleh dijadikan imam sembahyang, yang sembelihan mereka tidak boleh dimakan, yang sekiranya menjadi juru nikah akan menyebabkan akad nikah menjadi tidak sah dan yang sekiranya mengahwini ahli-ahli PAS akan menyebabkan terjatuh talak di antara pasangan suami isteri itu--dan, jika mereka terus juga bersetubuh, persetubuhan itu adalah zina yang, jika menghasilkan anak, akan menjadi anak zina.<sup>153</sup>

Akibat daripada pengeluaran fatwa ini, Mustapha Abu Bakar telah dihadapkan ke Mahkamah Syariah Kampung Raja, Besut, Terengganu, pada 9 Februari 1980, oleh Penasihat Undang-Undang Kerajaan Terengganu, Abdul Kadir Sulaiman, di atas tiga kesalahan yang didakwa dilakukan oleh beliau, iaitu memberikan syarahan agama tanpa tauliah, mengeluarkan fatwa tanpa tauliah dan mengeluarkan fatwa yang bertentangan

<sup>150</sup> Ibid. Hlm. 28. Mengikut Yusoff Rawa, maklumat ini beliau perolehi hasil daripada kajian sebuah jawatankuasa yang telah ditubuhkan untuk meninjau kedudukan PAS di Terengganu dan Kelantan di mana golongan ini dikatakan telah cuba melibatkan nama beliau sendiri di dalam usaha mereka itu.

<sup>151</sup> Kertas kerja Dewan Ulama' PAS Kelantan bertarikh 2 Jun 1978 bertajuk "Program Kerja Dan Usrah PAS". Hlm. 6.

<sup>152</sup> Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 19 Mac 1978. Hlm. 3; Surat Setiausaha Agung PAS, Hassan Shukri, kepada Mohd Amin Yaakob bertarikh 20 Mac 1978 bertajuk "Perlantikan Sebagai (Pengerusi) Jemaah Pesuruhjaya PAS Negeri Kelantan". Hlm. 1; dan Surat Setiausaha Agung PAS, Mohd Nakhaei Ahmad, kepada Mohd Amin Yaakob bertarikh 15 Oktober 1979 bertajuk "Perlantikan Sebagai Ahli Jemaah Pesuruhjaya PAS Negeri Kelantan". Hlm. 1.

<sup>153</sup> "5,000 dengar perbicaraan guru agama di Besut", dlm. Utusan Melayu, 10 Februari 1980; dan Kertas Putih Kerajaan Malaysia bertarikh 8 November 1984 bertajuk "Ancaman Kepada Perpaduan Umat Islam Dan Keselamatan Negara". Hlm. 9.

dengan hukum syara'<sup>154</sup>. Di dalam perbicaraan yang mendapat liputan meluas media massa ini, peguam bela beliau, iaitu Wan Abdul Muttalib Embong--yang merupakan Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS yang dipilih oleh Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-25<sup>155</sup>--telah menghujahkan di hadapan hakim perbicaraan, iaitu Abdul Rahman Muhammad--yang merupakan Kadi Besar Terengganu--, bahawa, berdasarkan kepada Ayat 72 Surah Al-Ma'idah, sesiapa yang mengadakan hukum yang baru selain daripada hukum syara', termasuk pemerintah yang mengetepikan hukum syara' di dalam urusan pemerintahan negara, adalah termasuk di dalam golongan orang-orang syirik.<sup>156</sup> Di sebalik hujjah yang seolah-olah membenarkan kemurtadan ahli-ahli UMNO ini,<sup>157</sup> Mustapha Abu Bakar telah kemudiannya dijatuhkan hukuman penjara empat bulan.<sup>158</sup>

Di sekitar tempoh ini, isu kafir-mengkafir ini ternyata telah merebak ke kebanyakan masyarakat Islam, khususnya di Kelantan,<sup>159</sup> menyebabkan Yang Dipertua

<sup>154</sup> "5,000 dengar perbicaraan guru agama di Besut", dlm. Utusan Melayu, 10 Februari 1980.

<sup>155</sup> Peringatan Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-25 pada 7, 8 dan 9 September 1979. Hlm. 13-14.

<sup>156</sup> "Perbicaraan tok guru dari Kelantan: Mahkamah Syariah Besut gegar", dlm. Watan, 4 April 1980. Mengikut laporan akhbar ini, hujjah yang dikemukakan oleh Wan Abdul Muttalib Embong ini telah disambut dengan gema tepukan daripada orang ramai yang dikatakan membanjiri ruangan di bahagian luar Mahkamah Syariah Kampung Raja untuk mengikuti perbicaraan kes ini.

<sup>157</sup> Wan Abdul Muttalib Embong juga telah, sewaktu menggulung pembelaan beliau, menghujahkan bahawa pihak pendakwa telah gagal membuktikan bahawa Mustapha Abu Bakar ini "memang bercanggah dan akan bercanggah dengan undang-undang Islam" kerana ia dikatakan gagal membuktikan *beyond reasonable doubt* bahawa "orang-orang UMNO di dalam Barisan Nasional itu tidak murtad" ("Laporan lanjut bicara guru agama dari Kelantan", dlm. Watan, 20 Februari 1981). Nik Abdul Aziz Nik Mat sendiri telah, sewaktu berucap bagi melancarkan kempen Pilihan Raya-Pilihan Raya Kecil Kemumin dan Selising di Kota Bharu, Kelantan, pada 17 Ogos 1983, kemudiannya dilapor turut mempertahankan Mustapha Abu Bakar dengan menyatakan: "Kalaular ajaran Tuan Guru Haji Mustapha salah dan sesat, maka tentulah banyak imam-imam masjid, terutamanya di negeri Terengganu, yang salah dan sesat kerana kebanyakan imam dan kadi adalah bekas murid (beliau)" ("Hakikat pertandingan di Kemumin dan Selising bukan antara PAS, BN atau HAMIM, tetapi antara hak dan batil", dlm. Siaran Penerangan PAS Negeri Kelantan, Bil. 10 Thn. 1, 24 Ogos 1983. Hlm. 5).

<sup>158</sup> "Guru agama dijel 4 bulan", dlm. Berita Harian, 16 Februari 1981. Mustapha Abu Bakar walau bagaimanapun telah ditakdirkan tidak perlu menjalani hukuman penjara ini kerana beliau telah kemudiannya meninggal dunia sebelum proses rayuan ke atas hukuman berkenaan sempat dilangsungkan (Wawancara dengan Salahuddin Abdullah di kediaman beliau pada 30 September 2000).

MAIK, Nor Zainal, telah, pada 20 April 1980, mengeluarkan satu siaran yang memetik kandungan dua buah Hadith Nabi Muhammad s.a.w. untuk membuktikan bahawa seseorang Muslim tidak dibolehkan mengkafir seorang Muslim yang lain selagi orang Muslim itu tidak mengingkari mana-mana perkara yang diwajibkan oleh agama Islam atau menghalalkan mana-mana perkara yang diharamkan oleh agama Islam, dan bahawa jika tuduhan itu tidak benar, maka orang Muslim yang membuat tuduhan itu pula yang akan berbalik menjadi kafir.<sup>160</sup> Pengeluaran siaran ini diikuti oleh penerbitan, pada bulan September 1980, sebuah buku,<sup>161</sup> bertajuk "Islam Dan Politik: Hasil Kajian Ilmiah Ulama' PAS", oleh Dewan Ulama' PAS Pusat yang menghukumkan sebagai kufur murtad tiga golongan manusia, iaitu orang-orang yang menghalalkan pemisahan agama dari politik,<sup>162</sup> orang-orang yang menolak undang-undang Allah dan menggantikannya dengan undang-undang buatan manusia<sup>163</sup> dan orang-orang yang berpendapat bahawa maslahat manusia adalah berlainan daripada apa yang telah disyari'atkan oleh Allah.<sup>164</sup>

---

<sup>159</sup> Siaran MAIK bertarikh 20 April 1980 bertajuk "Darihal Kafir-Mengkafir Antara Sesama Islam". Hlm. 1. Mengikut siaran ini: "Dengan tersebarnya fatwa itu, maka kejernihan bermasyarakat dalam beberapa buah mukim telah menjadi keruh atas sebab berlakunya tuduh-menuduh, pulau-memulau, cerca-mencerca dan lain-lain lagi sehingga mana sampai ada pula yang tidak hadir menuaikan fardhu Jumaat di masjid mukim sendiri kerana imam mukimnya menganut fahaman parti tertentu dan dikatakan sampai ada juga yang jadi berporak-peranda di antara pasangan suami isteri kerana kononnya nikah mereka terfasakh sebab salah seorang daripada pasangan itu atau kedua-duanya dari kalangan parti tertentu itu".

<sup>160</sup> Ibid. Hlm. 1. Sementara menyatakan bahawa "majlis agama ini tidaklah sama sekali berniat hendak melibatkan diri dengan soal politik kepartian dan jauh sekali dari hendak menyebelahi mana-mana parti politik", siaran ini turut menegaskan bahawa "diharapkan dengan penjelasan ini dapatlah kaum Muslimin sekalian menyelami motif fatwa kafir-mengkafir yang sebenarnya itu serta memberi nilai bahawa fatwa itu bukanlah satu fatwa yang berasaskan kebenaran, tetapi ialah satu tuduhan melulu yang tidak layak sama sekali ditimbulkan oleh mana-mana orang yang beriman!!".

<sup>161</sup> Buku ini asalnya adalah merupakan sebuah kertas kerja yang telah disediakan oleh "Dewan Harian Ulama' PAS Kelantan"--yang dianggotai oleh Zakaria Ismail, Mustapha Abu Bakar, Abdul Aziz Abu Bakar dan Ahmad Daud--"dengan kerjasama Dewan Harian Ulama' PAS Terengganu". Kandungannya telah dibentang, dibahas dan diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan Ulama' PAS Pusat pada 22 Mac 1980 (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan Ulama' PAS Pusat pada 22 Mac 1980. Hlm. 2; dan Laporan Tahunan Dewan Ulama' PAS Kelantan 1979/1980. Hlm. 2).

<sup>162</sup> Dewan Ulama' PAS Pusat (1980). Islam Dan Politik: Hasil Kajian Ilmiah Ulama' PAS. Kuala Lumpur: Dewan Ulama' PAS Pusat. Hlm. 18.

<sup>163</sup> Ibid. Hlm. 18.

Isu kafir-mengkafir ini telah dihangatkan lagi oleh pengeluaran sebuah ucapan oleh Abdul Hadi Awang--Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS, merangkap Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Terengganu, yang baru sahaja dipilih oleh Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-25<sup>165</sup>--di Banggol Peradong, Kuala Terengganu, Terengganu, pada 7 April 1981,<sup>166</sup> yang dikatakan telah mengkafirkhan ahli-ahli UMNO.<sup>167</sup> Secara khususnya,

<sup>164</sup> Ibid. Hlm. 18. Penerbitan buku ini walau bagaimanapun mungkin dirasakan masih belum memadai oleh Dewan Pemuda PAS Pusat yang telah, melalui satu seminar kepimpinan yang dianjurkan olehnya di Kota Bharu, Kelantan, pada 5, 6 dan 7 Februari 1981, memutuskan supaya "...hukum-hukum mengenai iman dan kufur mestilah diterangkan sejelas-jelasnya bagi menyelamatkan umat dari terkeluar dari batas-batas iman", supaya "apabila seseorang (individu) atau (sesuatu) golongan berterang-terangan mengingkari Islam dan membuat sesuatu yang tidak boleh ditakwil selain daripada kufur maka perkara ini mestilah diterangkan..." dan supaya "Dewan Ulama' PAS menyusun garis-garis panduan mengenai penjelasan *haithiat* dan adat penggunaan hukuman ke atas seseorang (individu) atau (sesuatu) golongan..." ("Rumusan seminar Dewan Pemuda", dlm. *Suara Islam*, Bil. 7, April 1981).

<sup>165</sup> Peringatan Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-25 pada 7, 8 dan 9 September 1979. Hlm. 13.

<sup>166</sup> Abdul Hadi Awang telah kemudiannya dilapor menyatakan: "Saya bertanggungjawab dengan kata-kata dalam amanat itu. Bagi saya, tidak ada apa yang perlu dinafikan kerana saya memang menyebutnya sewaktu berceramah di Banggol Peradong, Kuala Terengganu, empat tahun lalu... (Saya) pernah membuat pengakuan mengenai amanat itu dalam persidangan Dewan Undangan Negeri Terengganu. Menteri Besar, Dato' Wan Mokhtar Ahmad, sendiri membacanya di dewan itu, mungkin pada anggapan Menteri Besar saya akan menolak dakwaannya itu, tetapi sebaliknya saya mengakui kenyataan itu" ("Hadi Awang tak nafi amanat", dlm. *Berita Harian*, 13 Januari 1986). Di dalam sebuah lagi ucapan yang beliau sampaikan di Banggol Peradong, Kuala Terengganu, Terengganu, pada 8 Disember 1984, beliau juga telah menyatakan: "Saya tidak menduga ucapan yang pernah saya berikan di Banggol Peradong ini beberapa tahun yang lalu menempa sejarah, di mana sebahagian daripada ucapan yang saya sampaikan di Banggol Peradong ini telah diucapkan oleh Menteri Besar Terengganu dalam Dewan Undangan Negeri Terengganu dan disiarkan oleh akhbar di seluruh negara dan akhirnya dijadikan kesimpulan untuk dijadikan tajuk kepada debat UMNO dan PAS yang dibatalkan itu" (Rakaman ucapan tidak berteks Naib Yang Dipertua Agung PAS, Abdul Hadi Awang, di dalam majlis ceramah politik di Banggol Peradong, Kuala Terengganu, Terengganu, pada 8 Disember 1984 (tidak bertajuk)). Komen seorang pengkaji komunikasi massa terhadap motif pengeluaran "Amanat Haji Hadi" ini: "*The statement indicates two motives that Haji Hadi wanted to get across to his audience and followers. First, that PAS's enemy is UMNO, because it perpetuates western-style constitution and western laws. These are laws of the infidels and the laws of the savages of the dark ages. Therefore PAS members should oppose UMNO even to the extent of sacrificing their lives. Those who die are martyrs. Second, the statement amounts to a declaration of a holy war against UMNO*" (Mohd Dahari Othman (1990). Communication and Charisma: A Case Study of Religious, Political and Social Forces in a Malay Village. University of Iowa. Hlm. 135).

<sup>167</sup> "MB: Pidato Hadi punca perpecahan (Wan Mokhtar titiskan air mata)", dlm. *Berita Harian*, 12 Ogos 1983; dan Kertas Putih Kerajaan Malaysia bertarikh 25 Februari 1986 bertajuk "Peristiwa Memali". Hlm. 5-6 dan Lampiran B. Sementara laporan akhbar Berita Harian ini menyebutkan bahawa punca Menteri Besar Terengganu, Wan Mokhtar Wan Ahmad, menitiskan air mata adalah kerana "beliau begitu sedih mengenangkan beberapa tuduhan pembangkang"--yang dikatakan "sepatutnya tidak terkeluar dari orang-orang yang mengaku memperjuangkan Islam kerana ia bertentangan dengan ajaran Islam"--"terhadap kerajaan pimpinannya", Nik Abdul Aziz Nik Mat pula telah, sewaktu berucap bagi melancarkan kempen Pilihan Raya-Pilihan Raya Kecil Kemumin dan Selising di Kota Bharu, Kelantan, pada 17 Ogos 1983, kemudiannya dilapor menyatakan: "Saya percaya Dato' Wan Mokhtar membangkitkan ucapan (Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang di Banggol Peradong, Kuala Terengganu, Terengganu, pada 7 April 1981) itu dengan harapan supaya Tuan Guru Haji Abdul Hadi bangun

petikan ucapan yang lebih terkenal dengan nama "Amanat Haji Hadi" yang telah disebarluaskan oleh ahli-ahli PAS ini dikatakan mengandungi tiga bahagian, di mana bahagian pertamanya menyebutkan bahawa PAS menentang UMNO dan Barisan Nasional bukanlah kerana namanya UMNO dan Barisan Nasional, tetapi adalah kerana tindakannya mengekalkan perlombagaan penjajah/kafir/jahiliyyah, bahagian keduanya menyebutkan bahawa perjuangan, ucapan dan derma ahli-ahli PAS adalah jihad, dan sekiranya mereka mati kerana melawan ahli-ahli UMNO, maka mati mereka itu adalah "mati syahid" dan "mati Islam", manakala bahagian ketiganya menyebutkan bahawa, tanpa perlu menganuti agama Yahudi, Kristian, Hindu atau Buddha, orang-orang Islam boleh menjadi kafir "dengan mengatakan politik suku agama suku".<sup>168</sup>

---

menafikan bahawa itu adalah ucapan (beliau), tetapi apa yang berlaku (adalah) sebaliknya, di sinilah timbul tikaman jiwa yang menyebabkan Menteri Besar itu menangis...Dato' Wan Mokhtar tak berupaya melawan hujah Tuan Guru Haji Abdul Hadi kerana apa yang dikatakan oleh Tuan Guru Haji Abdul Hadi itu adalah betul dan benar...Oleh kerana dia yakin kebenaran ucapan Tuan Guru Haji Abdul Hadi itu menyebabkan dia tak dapat menghujahnya, maka timbulah perasaan sebak dalam dada, iaitu nak lawan, ucapan Tuan Guru Haji Abdul Hadi itu betul; tidak melawan, dia sendiri ketua kerajaan. Mahu tak mahu terpaksa lah menangis dengan menitiskan air mata di dewan yang mulia itu" ("Hakikat pertandingan di Kemumin dan Selising bukan antara PAS, BN atau HAMIM, tetapi antara hak dan batil", dlm. Siaran Penerangan PAS Negeri Kelantan, Bil. 10 Thn. 1, 24 Ogos 1983. Hlm. 5). Nik Abdul Aziz Nik Mat juga telah kemudiannya turut dilapor menyatakan bahawa "Amanat Haji Hadi itu adalah mengikut lunas-lunas perjuangan Islam yang sebenarnya dan secara kebetulan menjadi dasar perjuangan PAS" dan bahawa "PAS bersedia menghadapi tindakan pihak berkenaan sekiranya amanat itu bercanggah dengan hukum-hukum Islam dan boleh memesangkan aqidah umat Islam" ("PAS nafi tragedi berpunca dari Amanat Haji Hadi", dlm. Berita Harian, 5 Januari 1986)--kenyataan yang masih dipegangi oleh beliau selewat tahun 2002 melalui cabaran beliau, sewaktu menjawab teguran seorang wakil JAKIM mengenai kebermasalahkan kandungan Amanat Haji Hadi yang menyebut bahawa "kalau kita mati berjuang dengan puak-puak 'ni, mati kita mati syahid", yang berbunyi: "Dah bakpor yang tak lawan? Yang Haji Hadi nak muzakarah bakpor yang tak sanggup?" (Rakaman kenyataan Mursyidul Am PAS, Nik Abdul Aziz Nik Mat, di dalam majlis soal jawab di antara beliau dan wakil-wakil JAKIM di Kota Bharu, Kelantan, pada 10 Mei 2002 (tidak bertajuk)).

<sup>168</sup> "MB: Pidato Hadi punca perpecahan (Wan Mokhtar titiskan air mata)", dlm. Berita Harian, 12 Ogos 1983; dan Kertas Putih Kerajaan Malaysia bertarikh 25 Februari 1986 bertajuk "Peristiwa Memali". Hlm. 5-6 dan Lampiran B. Di dalam sebuah lagi ucapan yang beliau sampaikan di Banggol Peradong, Kuala Terengganu, Terengganu, pada 8 Disember 1984, Abdul Hadi Awang telah menegaskan pula bahawa "kita telah bernaung di bawah kerajaan yang menganut dasar yang dinamakan sekularisme, yang disebut di dalam bahasa Arab dengan *al-ilmaniyyah*, iaitulah memisahkan agama dan negara, ataupun agama suku politik suku...(di mana) sekularisme ini adalah ajaran sesat, (dan) apabila sekularisme ini ajaran sesat dan Kerajaan (Malaysia) menganut sekularisme, bermakna Kerajaan Malaysia menganut ajaran sesat" dan bahawa "kerajaan yang dipimpin oleh UMNO pada hari ini telah melakukan kerja syirik kerana kerajaan ini telah menjadikan Qur'an dan Hadith Nabi s.a.w. lebih rendah kedudukannya daripada Perlembagaan Malaysia, lebih rendah kedudukannya daripada keputusan Dewan Rakyat dan keputusan Dewan Negeri...dengan itu maka sesiapa yang memberi sokongan kepada kerajaan yang seperti ini, yang menyatakan persetujuannya kepada kerajaan yang seperti ini, bermakna ia telah redha dengan kerja-kerja syirik yang telah dilakukan" (Rakaman ucapan

Pengeluaran "Amanat Haji Hadi" ini diikuti oleh pengeluaran satu siaran lain bertarikh 19 April 1981 oleh Yang Dipertua MAIK yang baru, Wan Mohamed Yusoff, yang menyebut bahawa Mesyuarat Khas Jemaah Ulama' MAIK telah--dengan berdasarkan kepada kitab-kitab tafsir dan kitab-kitab tauhid karangan ulama' yang muktabar--dengan sebulat suara memutuskan bahawa fatwa-fatwa<sup>169</sup> yang mengkafirkan orang-orang Barisan (Nasional) di Kelantan "adalah tidak benar dan bertentangan dengan ajaran Islam serta sangat mendatangkan bahaya terhadap aqidah Islamiah dan perpaduan orang-orang Islam".<sup>170</sup> Ia diikuti oleh penerbitan sebuah buku bertajuk "Fitnah Kafir-

---

tidak berteks Naib Yang Dipertua Agung PAS, Abdul Hadi Awang, di dalam majlis ceramah politik di Banggol Peradong, Kuala Terengganu, Terengganu, pada 8 Disember 1984 (tidak bertajuk)). Walau bagaimanapun, tidaklah dapat dipastikan apakah penegasan bahawa "kita telah bernaung di bawah kerajaan yang menganut dasar... agama suku politik suku" yang terkandung di dalam ucapan yang beliau sampaikan pada 8 Disember 1984 ini adalah dimaksudkan untuk memperjelaskan lagi penegasan bahawa "kita menjadi kafir dengan mengatakan politik suku agama suku" yang terkandung di dalam ucapan yang beliau sampaikan pada 7 April 1981. Seorang pengkaji politik Malaysia walau bagaimanapun telah pernah melaporkan pengakuan Abdul Hadi Awang kepada beliau pada 10 Ogos 1985 dengan menulis di dalam tesis doktor falsafah beliau: "*Asked about his branding of UMNO members as 'infidels', (Abdul Hadi Awang) said that that was what the Qur'an says*" (Abdul Malek Mohd Hanafiah (1989). Communalism and Electoral Politics in Peninsular Malaysia: The 1982 General Election in Historical Perspective. University of Oxford. Hlm. 339).

<sup>169</sup> Butiran-butiran fatwa yang dikatakan mengkafirkan orang-orang Barisan (Nasional) di Kelantan ini adalah "tidak sah sembahyang di belakang orang Barisan (Nasional)", "haram dimakan daging binatang sembelihan orang Barisan (Nasional) kerana tidak sah sembelihannya", "terfasakh nikah di antara suami isteri orang Barisan (Nasional) dengan orang bukan Barisan (Nasional)", "tidak sah akad nikah oleh imam dari golongan Barisan (Nasional)", "kena diperbarui nikah yang diakadkan oleh imam dari Barisan (Nasional)", "tidak boleh ditanam mayat orang Barisan (Nasional) di perkuburan Islam", "orang Barisan (Nasional) mati tidak boleh disembahyangkan ke atasnya kerana murtad dan mereka juga tidak boleh sembahyangkan ke atas mayat orang PAS" dan "orang Barisan (Nasional) tak payah sembahyang, puasa, naik haji kerana tidak diterima oleh Tuhan amalan itu daripada mereka" (Siaran MAIK bertarikh 19 April 1981 bertajuk "Siaran MAIK Mengenai Kafir-Mengkafir". Hlm. 1).

<sup>170</sup> Ibid. Hlm. 1. Mengikut siaran ini, Mesyuarat Khas Jemaah Ulama' MAIK ini telah dipengerusikan oleh Mufti Kerajaan Kelantan, iaitu Mohd Nor Ibrahim, dan telah dihadiri oleh kesemua Ahli Jemaah Ulama' MAIK, iaitu Ismail Yusoff (Timbalan Mufti Kerajaan Kelantan), Abdul Ghani Awang Kechik (Pondok Kubang Bemban, Pasir Mas), Abdul Aziz Abu Bakar (Pondok Terusan, Pasir Tumbuh), Muhammad Yusoff (Jalan Atas Banggol, Kota Bharu), Hassan Ismail (Ma'ahad Muhammadi, Kota Bharu), Abdullah Abdul Rahman (Pondok Lubuk Tapah, Pasir Mas), Hasbullah Mohd Hassan (Imam Besar Masjid Muhammadi, Kota Bharu) dan Hassan Idris (Penolong Pengarah JASA). Pada 11 April 1981 sebelumnya pula, MAIK, melalui Timbalan Mufti Kerajaan Kelantan, Ismail Yusoff, telah berjaya meyakinkan Hassan Mat Saman, yang lebih dikenali dengan nama "Pak Chu Hassan", untuk membuat satu kenyataan akhbar yang di antara lainnya berbunyi bahawa "saya mahu menarik balik setiap fatwa karut yang pernah saya terangkan kepada orang ramai dulu dan mahu menyatakan kepada mereka bahawa fatwa-fatwa yang pernah saya terangkan tentang murtadnya orang-orang Barisan Nasional, haram sembelihan mereka, tidak sah nikah mereka, adalah tidak betul dan karut semata-mata" ("Tok wali' mengaku dipesongkan buat fatwa", dlm. Mingguan Malaysia, 12 April 1981). Ketika mengulas gesaan Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Kassim Ahmad, supaya "ulama' PAS memainkan peranan membaiki iktiqad orang-orang yang menganggap Pak Chu Hassan sebagai

"Mengkafir Sesama Islam" oleh PKNK yang mengemukakan huraian beberapa ulama' tafsir yang dikatakan muktabar ke atas dua ayat al-Qur'an, iaitu Ayat 44 Surah al-Ma'idah dan Ayat 28 Surah ali-Imran, yang dikatakan digunakan oleh ahli-ahli PAS untuk mengkafirkan ahli-ahli UMNO bagi menolak pengkafiran itu<sup>171</sup> selain menolak pengkafiran yang dihujahkan di atas dasar pemisahan agama dan politik dengan menjelaskan bahawa politik yang tidak boleh dipisahkan dari agama itu adalah politik Islam, bukannya politik kepartian ala barat yang terdapat di negara ini pada hari ini.<sup>172</sup>

Sebagai reaksi kepada pengeluaran siaran dan buku itu, Jemaah Pesuruhjaya PAS Kelantan, yang, mulai dari tarikh 1 Mac 1981, ditukarkan kembali namanya kepada Badan Perhubungan PAS Kelantan<sup>173</sup> dengan diketuai oleh Ketua Dewan Ulama' PAS

---

tok wali", Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan, Nik Abdul Aziz Nik Mat, telah kemudiannya membela Pak Chu Hassan--yang merupakan calon PAS yang telah dikalahkan dengan majoriti sebanyak 5,763 undi oleh Tengku Razaleigh Hamzah di kawasan Dewan Rakyat Ulu Kelantan di dalam Pilihan Raya Umum 1982 (Laporan Pilihan Raya Umum Malaysia 1982. Hlm. 69)--dengan menyatakan bahawa apa yang perlu dibimbangkan oleh beliau ialah "iktiqad bahawa Islam tidak layak memerintah negara kerana berbilang bangsa dan Islam boleh menimbulkan huru-hara dan kalau dilaksanakan hukuman rejam zina maka batu-batu bukit akan kehabisan tak dapat buat jalan raya lagi" yang dikatakan "tetap membawa manusia kepada musyrik dan murtad dengan tidak ragu-ragu lagi", juga anggapan bahawa Islam merupakan "punca huru-hara" dan amalan "menerima sebahagian dan menolak sebahagian lain (daripada ajaran Islam)" yang dikatakan turut membawa manusia kepada "musyrik" (Siaran Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan, Nik Abdul Aziz Nik Mat, bertarikh 24 Jun 1982 bertajuk "Renungan Ramadhan". Hlm. 1).

<sup>171</sup> PKNK (1981). Fitnah Kafir-Mengkafir Sesama Islam. Kota Bharu: PKNK. Hlm. 8-25. Buku ini telah menggunakan kitab-kitab tafsir yang bertajuk "Tafsir Ruh al-Ma'ani", "Tafsir al-Fakhru-Razi" dan "Tafsir al-Thabari dan Ibnu'l-Jauzi" bagi menghuraikan pengertian "sebenar" Ayat 44 Surah al-Ma'idah di samping telah turut menggunakan kitab-kitab tafsir yang bertajuk "Tafsir al-Qurthubi" dan "Tafsir Ruh al-Ma'ani" bagi menghuraikan pengertian "sebenar" Ayat 28 Surah ali-Imran.

<sup>172</sup> Ibid. Hlm. 25-26. Komen Dewan Ulama' PAS Kelantan ke atas penerbitan buku ini: "Buku ini bila dibaca ianya menimbulkan kesan yang tidak baik kepada masyarakat Islam, khususnya kepada mereka yang berkecimpung dalam harakah Islamiah. Justeru itu dewan ini bersetuju membuat satu buku untuk menjawab beberapa kekeliruan yang terdapat di dalam buku ini, tetapi oleh kerana suasana pilihan raya begitu mendesak maka ianya ditangguhkan buat sementara waktu" (Laporan Tahunan Dewan Ulama' PAS Kelantan 1981/1982. Hlm. 2). Di sebalik persetujuan ini, Dewan Ulama' PAS Kelantan ternyata telah kemudiannya gagal untuk menerbitkan buku yang dimaksudkannya itu.

<sup>173</sup> Surat Setiausaha Agung PAS, Mohd Nakhaei Ahmad, kepada Pengurus dan Ahli-Ahli Jemaah Pesuruhjaya PAS Kelantan bertarikh 2 Mac 1981 bertajuk "Pembubaran Jemaah Pesuruhjaya PAS Kelantan". Hlm. 1.

Pusat, Nik Abdul Aziz Nik Mat,<sup>174</sup> telah, di dalam mesyuarat khasnya pada 21 Mei 1981,<sup>175</sup> memutuskan supaya Dewan Ulama' PAS Kelantan dan jawatankuasa penerangan badan itu sendiri membuat satu kajian yang mendalam mengenai kandungannya.<sup>176</sup> Nik Abdul Aziz Nik Mat secara peribadi telah kemudiannya mempersoalkan kandungan siaran MAIK itu dengan menghujahkan bahawa keputusan Jemaah Ulama' MAIK itu adalah mengelirukan kerana ia dikatakan membawa maksud bahawa sembelihan orang-orang kafir akan menjadi halal apabila mereka menyertai Barisan Nasional,<sup>177</sup> bahawa ia tidak dibuat secara sebulat suara<sup>178</sup> dan bahawa ia bukan

<sup>174</sup> Surat Setiausaha Agung PAS, Mohd Nakhaei Ahmad, kepada Nik Abdul Aziz Nik Mat bertarikh 2 Mac 1981 bertajuk "Perlantikan Sebagai Pesuruhjaya (Badan Perhubungan) PAS Kelantan". Hlm. 1. Anjuran perlantikan Nik Abdul Aziz Nik Mat ini adalah dibuat oleh Mohd Amin Yaakob di dalam surat beliau yang bertarikh 1 November 1980, tetapi setelah ia dibincangkan oleh Mesyuarat Dewan Harian PAS Pusat pada 10 Januari 1981, mesyuarat itu "bersetuju supaya perletakan jawatan (Saudara Haji Mohd Amin Yaakob) itu ditangguhkan dan meminta supaya (beliau) meneruskan khidmat sehingga kepada muktamar tahunan yang akan diadakan jika tiada halangan apa-apa pada 17, 18 dan 19 April 1981, dengan suatu ingatan bahawa untuk menyelesaikan persoalan di Kelantan sekarang Saudara Ustaz Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat adalah tokoh yang paling sesuai untuk menjadi Pesuruhjaya PAS Kelantan selepas Muktamar PAS akan datang" (Minit Mesyuarat Dewan Harian PAS Pusat pada 10 Januari 1981. Hlm. 3). Tidak berpuas hati dengan keputusan ini, Mohd Amin Yaakob telah menulis sepucuk lagi surat untuk menggesa supaya soal perletakan jawatan beliau dan soal perlantikan Nik Abdul Aziz Nik Mat ini dibincangkan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS sendiri sekaligus menyebabkan kedua-dua perkara ini dibincang dan diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 1 Mac 1981 (Wawancara dengan Mohd Amin Yaakob di kediaman beliau pada 24 November 2002).

<sup>175</sup> Sewaktu mempengerusikan buat kali pertama Mesyuarat Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 13 Mac 1981, Nik Abdul Aziz Nik Mat telah menyatakan: "Saya ini perangai tok lebai. Fesyen (yang) saya mahu pun fesyen tok lebai. Punca yang naik PAS pun atas dasar dan fesyen tok lebai... (Jadi) saya minta Anggota-Anggota (Badan) Perhubungan (PAS Kelantan) seboleh-bolehnya (hendaklah) menjadi tok lebai (juga)" (Minit Mesyuarat Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 13 Mac 1981. Hlm. 3). Nik Abdul Aziz Nik Mat walau bagaimanapun telah, di dalam satu lagi mesyuarat badan itu, kemudiannya menjelaskan: "Kita perlu kepada sifat lebai, (tetapi) yang dimaksudkan dengan lebai itu bukan dengan memakai serban, tetapi sifat-sifat baik yang membezakan (orang-orang PAS) dengan orang-orang UMNO" (Minit Mesyuarat Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 13 Jun 1981. Hlm. 1).

<sup>176</sup> Minit Mesyuarat Khas Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 21 Mei 1981. Hlm. 3. Selain memutuskan untuk membuat kajian mengenai isu kafir-mengkafir ini, mesyuarat khas ini juga telah memutuskan supaya "usrah ahli-ahli PAS hendaklah diadakan di semua peringkat".

<sup>177</sup> Siaran Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan, Nik Abdul Aziz Nik Mat, bertajuk "Siaran Majlis Agama Islam Mengenai Kafir-Mengkafir" (tidak bertarikh). Hlm. 1. Mengikut Nik Abdul Aziz Nik Mat: "Maknanya dengan siaran itu sembelihan orang Barisan (Nasional) boleh dimakan, tetapi bila kita kaji bahawa orang-orang Barisan itu ada Islam dan bukan Islam, ada Melayu, Cina dan India, Dayak dan sebagainya, dengan siaran itu menunjukkan bahawa kenyataan ini aneh kerana bila masuk Barisan (Nasional) sembelihan mereka boleh dimakan".

suatu fatwa kerana tidak ditandatangani oleh Mufti Kerajaan Kelantan.<sup>179</sup> Tanya Nik Abdul Aziz Nik Mat: "Apakah siaran baru ini telah membatalkan fatwa Haji Ahmad Maher yang mengharamkan orang-orang yang berikat dengan orang-orang kafir dalam pemerintahan jika tidak rela (redha) dengan kekafirannya, jika redha maka jadi kafir?".<sup>180</sup>

Mesyuarat Dewan Ulama' PAS Kelantan pada 31 Ogos 1981<sup>181</sup> pula telah-- setelah menyatakan bahawa "oleh kerana pada masa-masa yang akhir ini telah timbul kemusykilan di kalangan orang ramai mengenai masalah (orang-orang Islam yang menganggotai, menyertai dan menyokong parti-parti yang bukan berdasarkan kepada Islam)"--memutuskan bahawa orang-orang Islam yang berbuat demikian boleh dimasukkan ke dalam tiga kategori,<sup>182</sup> iaitu mereka yang berbuat demikian "dengan

---

<sup>178</sup> Ibid. Hlm. 1. Mengikut Nik Abdul Aziz Nik Mat: "Dari sumber-sumber yang boleh dipercayai, (daripada) lapan orang itu hanya dua orang sahaja yang bersetuju dengan kenyataan ini manakala yang lain-lain tidak (bersetuju)".

<sup>179</sup> Ibid. Hlm. 1. Tanya Nik Abdul Aziz Nik Mat: "Kalau siaran itu merupakan fatwa, kenapa (ia) tidak ditandatangani oleh Sahibul Fadhilah Dato' Mufti sendiri, sedangkan beliau mempengerusi(kan) mesyuarat itu? Apakah beliau juga tidak bersetuju dengan kenyataan (fatwa) yang keliru itu?".

<sup>180</sup> Ibid. Hlm. 1. Jelas Nik Abdul Aziz Nik Mat: "Adapun redha itu boleh difahami bahawa jika mengundi mereka tanpa paksaan supaya mereka jadi Wakil (Rakyat) kemudian jadi Menteri, maka ini termasuk dalam redha dan boleh menjatuhkan ke dalam kekufturan".

<sup>181</sup> Siaran Dewan Ulama' PAS Kelantan bertajuk "Pandangan Dewan Ulama' PAS Mengenai Orang-Orang Islam Yang Menganggotai, Menyertai Dan Menyokong Parti-Parti Yang Bukan Berdasarkan Kepada Islam" (tidak bertarikh). Hlm. 1. Siaran ini hanya menyatakan bahawa "Dewan Ulama' PAS Kelantan dalam mesyuaratnya yang berlangsung pada Hari Ahad 30 Syawal 1401 Hijrah". Penukaran tarikh berlangsungnya mesyuarat ini dari bentuk Hijrah (30 Syawal 1401) ke bentuk Masihi (31 Ogos 1981) ini adalah dibuat berdasarkan kepada semakan ke atas kalender Masihi.

<sup>182</sup> Menariknya, keputusan Mesyuarat Dewan Ulama' PAS Kelantan pada 31 Ogos 1981 untuk membahagikan orang-orang Islam yang menganggotai, menyertai dan menyokong parti-parti yang bukan berdasarkan kepada Islam ke dalam tiga kategori ini telah kemudiannya digunakan oleh Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan, Nik Abdul Aziz Nik Mat, untuk "menegur sikap keras (Mohd Noor Idris dan Mustapha Taib--yang pada masa itu merupakan Ahli-Ahli Jawatankuasa Dewan Ulama' PAS Kelantan--serta Ismail Noh--yang pada masa itu merupakan Ahli Badan Perhubungan PAS Kelantan) kerana tidak boleh menerima (kerjasama di antara PAS dan S46) oleh kerana selama ini meletakkan (ahli-ahli) UMNO semuanya kafir, sedangkan, (mengikut) keputusan (Mesyuarat) Dewan Ulama' (PAS Kelantan pada 31 Ogos 1981), (ahli-ahli) UMNO ada tiga kategori" (Minit Mesyuarat Khas Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 9 Jun 1989. Hlm. 4; dan Laporan Setiausaha Badan Perhubungan PAS Kelantan, Wan Abdul Rahim Abdullah, kepada Setiausaha Agung PAS, Abdul Halim Arshad, bertarikh 12 November 1989 bertajuk "Laporan Politik PAS Kelantan 1/1989. Hlm. 4-5).

penuh kesedaran dan tanpa paksaan" yang dihukumkan sebagai murtad,<sup>183</sup> mereka yang berbuat demikian "kerana menjaga kepentingan diri, keluarga, kaum kerabat dan sebagainya" yang dihukumkan sebagai *fasiq* (tetapi sesetengah ahli dewan itu tetap menghukumkan mereka sebagai murtad)<sup>184</sup> dan mereka yang berbuat demikian "(kerana) kejahilan (mereka)" yang dihukumkan sebagai tidak boleh dimaafkan.<sup>185</sup> Di dalam satu keputusan yang lebih menyeluruh, ia telah menegaskan bahawa "mana-mana orang yang menganggotai parti politik yang bukan berdasarkan kepada Islam (adalah) tidak syak lagi pada kufurnya" kerana mereka "dengan sendirinya telah menganggap bahawa Islam itu tidak layak dan tidak berupaya (untuk) menyelesaikan masalah-masalah politik...".<sup>186</sup>

#### Pertembungan Di Antara Mohd Asri Muda Dan Golongan Ulama'

Benih kepada pertembungan di antara Mohd Asri Muda dan golongan ulama' di dalam PAS mula tergambar di dalam satu laporan<sup>187</sup> yang telah dikemukakan oleh Mohd

<sup>183</sup> Siaran Dewan Ulama' PAS Kelantan bertajuk "Pandangan Dewan Ulama' PAS Mengenai Orang-Orang Islam Yang Menganggotai, Menyertai Dan Menyokong Parti-Parti Yang Bukan Berdasarkan Kepada Islam" (tidak bertarikh). Hlm. 1.

<sup>184</sup> Ibid. Hlm. 1.

<sup>185</sup> Ibid. Hlm. 1. Mengikut siaran ini, tindakan ini dikatakan tidak boleh dimaafkan kerana "masalah politik seperti ini adalah menjadi masalah umum bagi masyarakat kita sekarang ini dan tidak ada orang yang boleh mengelakkan dan menguzurkan dirinya daripada terlibat dengan masalah ini".

<sup>186</sup> Ibid. Hlm. 2. Mengikut siaran ini, tindakan ini dikatakan menjatuhkan orang itu kepada kekufuran kerana "orang seperti itu secara langsung telah mencabar kelayakan Allah Yang Maha Berkua".

<sup>187</sup> Di antara kandungan laporan ini yang mungkin telah menikam perasaan Mohd Asri Muda ialah kenyataan Mohd Nakhaei Ahmad bahawa "tidak dapat dinafikan ada ahli-ahli PAS yang kaya, pintar dan berkemampuan, tetapi keupayaan mereka hanya untuk diri mereka sendiri sahaja dan satu institusi PAS yang pintar, kaya dan berkemampuan tidak wujud selepas lebih suku abad umurnya" (Laporan Setiausaha Agung PAS, Mohd Nakhaei Ahmad, kepada Jawatankuasa Kerja Agung PAS bertarikh 17 Disember 1979 bertajuk "Laporan Kegiatan-Kegiatan PAS Malaysia". Hlm. 2). Di dalam satu langkah luar biasa yang dibuat oleh Mohd Asri Muda kemudiannya, beliau telah, di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 17 Ogos 1981, menangguhkan kesemua perlantikan ke atas keanggotaan Jawatankuasa Pernegang Amanah PAS "sehingga PAS mempunyai harta kelak" (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 17 Ogos 1981. Hlm. 3).

Nakhaei Ahmad pada 17 Disember 1979<sup>188</sup> dalam mana beliau telah--selaku Setiausaha Agung PAS yang dilantik oleh Mohd Asri Muda di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 23 September 1979<sup>189</sup>--memperkatakan tentang betapa perlunya PAS mengambil kesempatan di atas peningkatan kesedaran Islam di kalangan masyarakat dengan menyusun semula jentera-jentera pentadbirannya bagi membolehkan ia berubah menjadi institusi-institusi yang menggambarkan *nizam* Islam, sesuatu yang dikatakan belum wujud di dalam PAS pada masa itu.<sup>190</sup> Selaras dengan tumpuan awal laporan ini untuk menginstitusikan jentera penerbitan parti,<sup>191</sup> Mohd Nakhaei Ahmad telah memberikan nafas baru kepada penerbitan majalah PAS dengan memuatkan

<sup>188</sup> Setelah laporan ini "dibincangkan dengan panjang lebar, penuh cermat dan amat hati-hati" olehnya, Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 25 Disember 1979 walau bagaimanapun sekadar memutuskan bahawa "sebuah kajian yang lebih mendalam hendaklah dibuat (ke atas laporan ini) bagi mencapai objektif dan tujuannya yang sebenar daripada hasrat yang dikemukakan" (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 25 Disember 1979. Hlm. 3).

<sup>189</sup> Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 23 September 1979. Hlm. 1-2. Perlantikan Mohd Nakhaei Ahmad sebagai Setiausaha Agung PAS--juga perlantikan Syed Ibrahim Syed Abdul Rahman sebagai Bendahari Agung PAS dan perlantikan Yahya Othman, Mohd Zain Abdullah, Ahmad Long, Abdul Jalil Safuan Abdul Rahman dan Mohd Rushdie Arif sebagai Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS--ini telah dibuat dengan sebulat suara setelah mesyuarat ini "menimbang, meneliti dan menghalusi dengan penuh cermat dan hati-hati dari semua aspek menurut lunas-lunas akhlak Islam yang dikehendaki" dan setelah "Yang Dipertua Agung berpuas hati dengan pandangan, fikiran dan pendapat yang diberikan (oleh Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS)".

<sup>190</sup> Laporan Setiausaha Agung PAS, Mohd Nakhaei Ahmad, kepada Jawatankuasa Kerja Agung PAS bertarikh 17 Disember 1979 bertajuk "Laporan Kegiatan-Kegiatan PAS Malaysia". Hlm. 1-2. Di dalam satu laporan lain, PAS Pengkalan Chepa, yang diketuai oleh Nik Abdullah Arshad--yang tidak menandingi Pilihan Raya Umum 1982 (Laporan Pilihan Raya Umum Malaysia 1982. Hlm. 68-69 dan 93-97) kerana "tidak setuju dengan (tindakan Dato' Asri memindahkan beliau dari kerusi Dewan Undangan Negeri Sering yang dianggap kawasan selamat bagi PAS ke kawasan Dewan Undangan Negeri Sungai Pinang)" ("Orang-orang Asri" jadi calon di Kelantan?", dlm. Berita Harian, 9 April 1982)--dan yang diwakili di Dewan Rakyat oleh Nik Abdul Aziz Nik Mat, telah kemudiannya turut menyatakan: "PAS belum ada pengkalan-pengkalan rasmi yang dibina untuk menyemaikan benih-benih Islam dan aqidah-aqidah perjuangan bagi mengukuh dan memperkuatkan kedudukan parti walaupun PAS telah mengharungi masa lebih sesuku abad di dalam perjuangannya" (Laporan Setiausaha PAS Pengkalan Chepa, Mohd Yusof Ludin, kepada Jawatankuasa Kerja Agung PAS bertajuk "Laporan Pilihan Raya Umum 22 April 1982 Bagi Kawasan Pengkalan Chepa, Kelantan" (tidak bertarikh). Hlm. 3).

<sup>191</sup> Laporan Setiausaha Agung PAS, Mohd Nakhaei Ahmad, kepada Jawatankuasa Kerja Agung PAS bertarikh 17 Disember 1979 bertajuk "Laporan Kegiatan-Kegiatan PAS Malaysia". Hlm. 2. Ujar Mohd Nakhaei Ahmad: "Sebagai langkah permulaan, usaha sedang dirancang untuk meningkatkan Lajnah Penerangan dan Dakwah menjadi satu institusi penyelidikan, penerangan dan dakwah yang akan mengendalikan semua penerbitan PAS dalam bentuk perniagaan. Dengan berjalan lancarnya bahagian ini, semua penerbitan PAS tidak lagi dikendalikan oleh sesiapa sahaja tanpa membuat semakan ke atas isi-isinya, sama ada selari dengan dasar dan pandangan parti atau tidak, dan tanpa menentukan siapa yang berhak ke atas kerugian dan keuntungannya".

rencana-rencana yang menekankan persoalan keimanan dan kekufuran di dalamnya,<sup>192</sup> di mana aktiviti yang mencapai kemuncaknya menjelang berlangsungnya Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-27 ini<sup>193</sup> dirancakkan lagi oleh kemasukan satu aktiviti yang lain pula, iaitu untuk memberikan nafas baru kepada pemimpin dan kepimpinan parti itu.<sup>194</sup>

Pertembungan di antara Mohd Asri Muda dan golongan ulama' di dalam PAS<sup>195</sup> walau bagaimanapun hanya mula berlaku di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 13 Mei 1981 tatkala beliau telah--dengan menggunakan Fasal 22(4) dan Fasal 22(5) Perlembagaan PAS 1977--mengumumkan perlantikan Abu Bakar Umar sebagai Setiausaha Agung, Hassan Mohamad sebagai Bendahari Agung, juga Ahmad Long, Mohd Zain Abdullah, Salmah Shaikh Hussain, Mohd Fakhruddin Abdullah, Mohd

<sup>192</sup> Lihat umpamanya "Pemisahan agama dari negara suatu kebatilan--Al-Sheikh Abdul Aziz Baz", dlm. Suara Islam, Bil. 3, 21 November 1979. Hlm. 20-24; dan "Ajaran sesat bukan di Batu Pahat saja", dlm. Suara Islam, Bil. 6, Disember 1980. Hlm. 10-11.

<sup>193</sup> Lihat umpamanya "Batas-batas iman dan kufur", dlm. Suara Islam, Bil. 7, April 1981. Hlm. 3 dan 19; dan "Rumusan seminar Dewan Pemuda", dlm. Suara Islam, Bil. 7, April 1981. Hlm. 4 dan 19.

<sup>194</sup> "Muktamar tahunan dan pemilihan pemimpin", dlm. Suara Islam, Bil. 7, April 1981. Hlm. 2. Sementara rencana pengarang yang telah dengan secara terbukanya menggalakkan ahli-ahli PAS membicarakan tentang persoalan pemimpin dan kepimpinan di dalam parti bersempena dengan pemilihan pemimpin PAS di dalam Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-27 pada 17, 18 dan 19 April 1981 ini menyebutkan bahawa "halangan terbesar untuk mencapai cita-cita perjuangan sebenarnya berada di dalam kalangan ahli-ahli dan pemimpin jemaah Islamiah itu sendiri", bahawa "perjuangan PAS kian meningkat dan perkembangan di sekitar yang kian mencabar menghendaki adanya sentiasa peningkatan Islamiah di kalangan pemimpin dan ahli-ahli PAS" dan bahawa "seseorang pemimpin telah ditentukan oleh tabiat kejadian yang dikehendaki Allah akan datang dan akan pergi", Penyata Tahunan PAS 1980/1981 yang disediakan oleh Mohd Nakhaei Ahmad pula telah menyatakan bahawa "pada tahun ini kita mengadakan muktamar di dalam suasana yang biasa tetapi mengandungi pergelakan dan perkembangan yang penting yang menuju kepada arah yang sukar diramalkan, namun, sebagai Muslim, kita tetap yakin dan percaya bahawa masa hadapan untuk Islam dan kemenangan Islam tetap akan menjadi kenyataan" (Penyata Tahunan PAS 1980/1981. Hlm. 1).

<sup>195</sup> Walaupun Ketua Dewan Ulama' PAS Pusat, Nik Abdul Aziz Nik Mat, telah tidak menyatakan ketidaksetujuan beliau ke atas perlantikan ini di dalam mesyuarat ini, beliau telah kemudiannya turut menyatakan ketidaksetujuan beliau itu di tempat lain di atas dasar bahawa "(tokoh-tokoh yang dilantik itu merupakan tokoh-tokoh yang) tidak mewakili Group Islam kerana (mereka) tidak bersama dalam usrah, (mereka) dalam ucapan-ucapan (mereka) tidak selalu membawa ayat (Qur'an)kah sepatah, Hadithkah sepatah, sejarah Sahabatkah sepatah, siratun-Nabikah sepatah, selingkar, tak menjadi kebiasaan mereka dalam ucapan-ucapan mereka menyebut benda-benda ini" dan di atas dasar bahawa "perlantikan ini dibuat melalui kira bicara dengan orang luar dari parti (di mana) walaupun orang, orang tu orang PAS, tapi tidak, tidak dalam periuk yang rasmi, tidak, periuk lain-tanak periuk lain, hidang 'lain'" (Rakaman ucapan tidak berteks Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan, Nik

Ramli Abdullah dan Wan Ismail Ibrahim sebagai Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS.<sup>196</sup> Berhadapan dengan ketidaksetujuan Fadzil Mohd Noor dan Abdul Hadi Awang ke atas penukaran Mohd Nakhaei Ahmad dari jawatan Setiausaha Agung PAS dan ke atas perlantikan Hassan Mohamad sebagai Bendahari Agung PAS,<sup>197</sup> juga kritikan keras Mustafa Ali, Wan Abdul Muttalib Embong dan Mohd Nakhaei Ahmad yang mempersoalkan kesahihan perlantikan itu kerana ia dikatakan tidak dibuat secara syura,<sup>198</sup> beliau telah menegaskan bahawa perlantikan itu adalah satu keputusan yang muktamad dan bahawa sebarang ketidakpuasan hati ke atas tafsiran yang telah beliau gunakan ke atas fasal-fasal yang berkenaan hendaklah dikemukakan ke mahkamah.<sup>199</sup>

---

Abdul Aziz Nik Mat, di dalam majlis taklimat kepartian kepada pemimpin-pemimpin PAS Kelantan di Kota Bharu, Kelantan, pada 6 Februari 1983 (tidak bertajuk).

<sup>196</sup> Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 13 Mei 1981. Hlm. 2. Tindakan Mohd Asri Muda melantik hanya seorang ulama', iaitu Mohd Ramli Abdullah, untuk menganggotai Jawatankuasa Kerja Agung PAS ini telah secara khususnya menghamparkan hasrat Dewan Ulama' PAS Pusat--yang tergambar di dalam ketetapan Muktamar Tahunan Dewan Ulama' PAS Pusat Kali Ke-19 pada 26 September 1980--yang telah sebelumnya meminta beliau melantik golongan alim ulama' untuk mengisi "sebahagian" daripada lapan jawatan berkenaan bagi sesi 1981/1983 (Peringatan Muktamar Tahunan Dewan Ulama' PAS Pusat Kali Ke-20 pada 17 April 1981. Hlm. 5; dan Laporan Tahunan Dewan Ulama' PAS Pusat 1981/1982. Hlm. 2-3).

<sup>197</sup> Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 13 Mei 1981. Hlm. 2 dan 3.

<sup>198</sup> Ibid. Hlm. 2 dan 3. Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS yang paling lantang mempersoalkan kesahihan perlantikan ini ialah Mohd Nakhaei Ahmad yang turut menyatakan bahawa tindakan Mohd Asri Muda mengabaikan pandangan Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS akan "membawa parti kepada suatu keadaan yang boleh merosakkan perpaduan dan keutuhan parti". Seorang lagi Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS, Hassan Ishak, yang turut merupakan seorang peguam, walau bagaimanapun menyatakan bahawa sungguhpun segala pandangan Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS wajar diambil kira, pengabaianya tidaklah pula menjadikan perlantikan itu sebagai tidak sah dari sudut perundangan.

<sup>199</sup> Ibid. Hlm. 2. Pertikaian yang berlaku di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 13 Mei 1981 ini telah menyebabkan Mesyuarat Dewan Harian PAS Pusat pada 1 Jun 1981 tidak dapat dilangsungkan kerana, selain "(ketidakhadiran) Ketua Dewan Ulama' PAS Pusat (yang) uzur", ketidakhadiran Yusoff Rawa, Fadzil Mohd Noor, Abdul Hadi Awang dan Mustafa Ali (Minit Mesyuarat Dewan Harian PAS Pusat pada 16 Ogos 1981. Hlm. 1) selain telah turut menyebabkan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 13 Jun 1981 tidak dapat diteruskan kerana kegagalannya mengesahkan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 13 Mei 1981 (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 13 Jun 1981. Hlm. 2). Sementara Yusoff Rawa, Fadzil Mohd Noor, Abdul Hadi Awang dan Mustafa Ali terus tidak menghadiri Mesyuarat Dewan Harian PAS Pusat pada 16 Ogos 1981, kehadiran Nik Abdul Aziz Nik Mat, selain kehadiran Mohd Asri Muda, Sakinah Junid, Abu Bakar Umar dan Hassan Mohamad sendiri, telah membolehkan mesyuarat ini dilangsungkan dengan jayanya (Minit Mesyuarat Dewan Harian PAS Pusat pada 16 Ogos 1981. Hlm. 1). Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 17 Ogos 1981 walau bagaimanapun telah berlangsung dengan agak lancar, dengan Nik Abdul Aziz Nik Mat turut memainkan peranan di dalam mengesahkan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 13

Pertembungan kedua di antara Mohd Asri Muda dan golongan ulama' di dalam PAS berlaku di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 26 November 1981 tatkala mesyuarat itu telah mengetepikan pandangan beliau berhubung dengan isu memorandum Dewan Ulama' PAS Pusat mengenai soal pemilihan calon-calon PAS di dalam pilihan raya umum yang akan datang dan isu keputusan Dewan Pemuda PAS Pusat untuk melangsungkan muktamar tahunannya lebih awal daripada tarikh Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-27.<sup>200</sup> Sementara Mohd Asri Muda menghendaki soal penyediaan kertas panduan pilihan raya ini diserahkan kepada Mohd Fakhruddin Abdullah<sup>201</sup> di samping turut membayangkan ketidaksetujuan beliau ke atas keputusan Dewan Pemuda PAS Pusat itu,<sup>202</sup> Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS yang dipengerusikan oleh Yusoff Rawa sejurus sebelum perbincangan tentang kedua-dua isu itu dibuat akibat pengunduran diri Mohd Asri Muda dari mesyuarat itu<sup>203</sup> telah bersetuju untuk

---

Mei 1981, dan telah turut dihadiri oleh Fadzil Mohd Noor, Abdul Hadi Awang dan Mustafa Ali (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 17 Ogos 1981. Hlm. 1-5).

<sup>200</sup> Muktamar Tahunan Dewan Pemuda PAS Pusat ini mulanya dicadang untuk dilangsungkan di Terengganu pada 4, 5 dan 6 Mac 1982, di mana "(upacara) pembukaan(nya) telah ditetap (untuk dilangsungkan) di Rusila" (Surat Setiausaha Dewan Pemuda PAS Pusat, Ahmad Subky Abdul Latif, kepada Setiausaha Dewan Pemuda Terengganu, Abdul Latif Muhammad, bertarikh 18 November 1981 bertajuk "Muktamar Dewan Pemuda". Hlm. 1), tetapi tarikh (dan lokasi) ini telah kemudiannya dibatalkan "memandangkan pilihan raya umum begitu dekat-Mac atau April 1982" menyebabkan "setiap tenaga dalam Dewan Pemuda PAS mahupun dalam PAS sendiri terlibat dalam persiapan pilihan raya ini dan terpaksa berada di tempat masing-masing" (Surat Setiausaha Dewan Pemuda PAS Pusat, Ahmad Subky Abdul Latif, kepada Ahli-Ahli Jawatankuasa Dewan Pemuda PAS Pusat dan Ketua-Ketua Dewan Pemuda PAS Negeri bertarikh 10 Februari 1982 bertajuk "Tunda Muktamar (Tahunan) Dewan Pemuda PAS (Pusat Kali) Ke-23". Hlm. 1).

<sup>201</sup> Minit Mesyuarat Dewan Harian PAS Pusat pada 1 September 1981. Hlm. 2. Faktor yang menyebabkan Mohd Asri Muda menghendaki soal ini diserahkan kepada Mohd Fakhruddin Abdullah adalah kerana "kerja-kerja yang berhubung dengan pilihan raya telah pun ditugaskan kepada (beliau di atas kapasiti beliau sebagai Penggerusi Jawatankuasa Kecil Pilihan Raya PAS Pusat)".

<sup>202</sup> Minit Mesyuarat Dewan Harian PAS Pusat pada 25 November 1981. Hlm. 2, Mengikut Mohd Asri Muda: "Dari segi Perlembagaan PAS, tidak terdapat sebarang halangan bagi Dewan Pemuda (PAS Pusat) untuk mengadakan muktamar tahunannya lebih awal daripada Muktamar Tahunan PAS, akan tetapi ia akan menimbulkan berbagai tafsiran kerana ia belum pernah berlaku".

<sup>203</sup> Tulis Ahmad Subky Abdul Latif: "Dato' Asri tidak begitu berkenan muktamar berasingan dan lebih awal (dilangsungkan oleh Dewan Pemuda PAS Pusat). Beliau memang tidak dapat mengawal sayap pemuda partinya ketika itu yang dipimpin oleh Mustafa Ali. Entah gerangan apa, Dato' Asri meninggalkan Mesyuarat Jawatankuasa (Kerja Agung) semasa agenda permohonan Dewan Pemuda (PAS Pusat) itu dibincangkan. Haji Yusoff (Rawa) yang memangku (jawatan) penggerusi mesyuarat

menubuhkan sebuah jawatankuasa kecil bagi meneliti teknik penyusunan memorandum Dewan Ulama' PAS Pusat itu supaya dapat dijadikan satu aturan dan peraturan pemilihan calon-calon<sup>204</sup> di samping turut menyetujui keputusan Dewan Pemuda PAS Pusat itu.<sup>205</sup>

Turut menyumbang kepada pertembungan di antara Mohd Asri Muda dan golongan ulama' di dalam PAS ini ialah kenyataan yang dikatakan memperkecil-kecilkan sumbangan golongan veteran oleh golongan muda di dalam PAS sepetimana yang dilaporkan oleh Dr Mohd Nor Nordin, bekas Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Melaka, di dalam surat beliau kepada Setiausaha Agung PAS, Abu Bakar Umar, pada 2 Februari 1982. Mengikut Dr Mohd Nor Nordin, Fadzil Mohd Noor, Naib Yang Dipertua Agung PAS yang turut merupakan bekas Timbalan Presiden ABIM, telah--sewaktu berucap di Umbai, Melaka, pada 30 Januari 1982--menyatakan bahawa selama 30 tahun PAS berjuang, para pemimpinnya tidak menanamkan aqidah Islamiah tetapi hanya melaung-laungkan nada kebangsaan seperti yang dilaung-laungkan oleh UMNO.<sup>206</sup>

---

tidak menghalang hasrat Dewan Pemuda (PAS Pusat) itu. Jika Dato' Asri mempengaruhi mesyuarat, besar kemungkinan (hasrat ini) tidak diluluskan" (Ahmad Subky Abdul Latif (2003). Fadzil Noor: Dia Guru... Dia Kawan. Kuala Lumpur: Penerbitan al-Azim Sdn. Bhd. Hlm. 86-87).

<sup>204</sup> Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 26 November 1981. Hlm. 3. Mesyuarat ini turut memutuskan bahawa jawatankuasa kecil itu hendaklah dianggotai oleh Yusoff Rawa (Pengerusi), Fadzil Mohd Noor (Timbalan Pengerusi), Nik Abdul Aziz Nik Mat, Syed Ibrahim Syed Abdul Rahman, Wan Ismail Ibrahim dan Abu Bakar Umar (Ahli-Ahli). Memorandum yang merupakan gabungan daripada kertas kerja Dewan Ulama' PAS Kelantan (Laporan Tahunan Dewan Ulama' PAS Kelantan 1981/1982. Hlm. 1-2) dan kertas kerja Dewan Ulama' PAS Kedah (Laporan Tahunan Dewan Ulama' PAS Kedah 1981/1982. Hlm. 2) ini telah turut disokong oleh Dewan Pemuda PAS Pusat (Laporan Tahunan Dewan Pemuda PAS Pusat 1981/1982. Hlm. 5). Walaupun ia diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 3 Februari 1982 (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 3 Februari 1982. Hlm. 3), ia dikatakan telah "tidak dihormati oleh pihak-pihak yang tertentu dan tidak diamalkan" (Laporan Tahunan Dewan Ulama' PAS Pusat 1981/1982. Hlm. 3) di mana "pemilihan calon (dibuat) tidak berdasarkan (kepadanya)" (Laporan Tahunan Dewan Ulama' PAS Kelantan 1981/1982. Hlm. 2).

<sup>205</sup> Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 26 November 1981. Hlm. 3. Mengikut Mustafa Ali: "Keputusan (Dewan Pemuda PAS Pusat untuk mengadakan muktamar tahunannya lebih awal daripada Muktamar Tahunan PAS) ini dibuat supaya ahli-ahli (dewan itu) mempunyai masa yang lebih banyak (untuk) membahaskan sesuatu perkara".

<sup>206</sup> Surat Dr Mohd Nor Nordin kepada Setiausaha Agung PAS, Abu Bakar Umar, bertarikh 2 Februari 1982 bertajuk "Analisa Dan Kajian Semula Ucapan Pemimpin Besar PAS Kini Dan Diperbaiki Segera Demi Kepentingan Harakah Islamiah". Hlm. 1. Mengikut Dr Mohd Nor Nordin, Pejabat Agung PAS

Lanjutan daripada kenyataan Fadzil Mohd Noor yang dikatakan turut dilaporkan di dalam akhbar-akhbar tempatan ini, Dr Mohd Nor Nordin telah mencadangkan supaya pemimpin tinggi ABIM tidak dibenarkan memegang jawatan tinggi di dalam PAS Negeri dan PAS Kawasan<sup>207</sup> dan supaya PAS tidak mengikuti cara dakwah ABIM, khususnya dengan tidak mengaitkan perjuangan PAS dengan perjuangan Revolusi Islam Iran.<sup>208</sup>

---

perlu menyediakan satu garis panduan (ucapan)--yang di antara lainnya menggariskan bahawa "dengan tekanan dan kesan 30 tahun penanaman aqidah Islamiah dalam harakah inilah (maka) timbul(nya) generasi baru dalam pimpinan kini"--kepada generasi pemimpin baru PAS di seluruh negara.

<sup>207</sup> Mengikut Mohammad Nor Monutty, di peringkat pusat, Mohd Asri Muda sendiri pernah menawarkan Anwar Ibrahim, Presiden ABIM ketika itu, jawatan Setiausaha Agung dan seterusnya jawatan Yang Dipertua Agung PAS tetapi bahawa penawaran jawatan ini telah ditolak oleh Anwar Ibrahim tetapi, mengikut Abdul Ghani Ismail, Anwar Ibrahimlah yang sebenarnya menawarkan diri untuk menjadi Yang Dipertua Agung PAS tetapi bahawa penawaran diri ini telah tidak mendapat sambutan yang baik daripada Mohd Asri Muda. Tulis Mohammad Nor Monutty: "*The then PAS President, Dato' Mohd Asri Muda, personally asked Anwar (Ibrahim, the then ABIM President) to be active in PAS. Dato' Asri promised Anwar that he would appoint Anwar (as PAS's) secretary general and soon after would resign from his post and make Anwar president of the party. Anwar refused Asri's offer because he was convinced that his contribution to Islam would be more effective through ABIM*" (Mohammad Nor Monutty (1990). Perception of Social Change in Contemporary Malaysia: A Critical Analysis of ABIM's Role and Its Impact among Muslim Youth. Temple University. Hlm. 101). Tulis Abdul Ghani Ismail pula: "Pada suatu perbincangan di rumah Prof. Dr Haji Mukhtaruddin Dain menjelang Pilihan Raya (Umum) 1978, Anwar...mahu tahu apakah dia akan diterima oleh ahli-ahli PAS sebagai Presiden...Beliau percaya Asri sanggup membukakan jalan baginya. Ekoran dari perbincangan itu, tiga orang sahabat (Prof. Dr Haji Mukhtaruddin Dain, Ahmad Kamar Abdul Rahman dan saya sendiri) telah mengunjungi kediaman Dato' Asri di Kuala Lumpur bagi memastikan sikap (Yang Dipertua Agung) PAS itu terhadap Anwar...Kata (Asri), tak mungkin akan dapat dia memberikan jaminan bahawa Anwar akan dapat menjadi (Yang Dipertua Agung) PAS sebab belum tahu berapa ramai ahli parti itu yang sanggup menerima sebagai (Yang Dipertua Agung)...Dan lagi, kiranya dia sendiri hendak meletakkan jawatan, mahukah pemimpin-pemimpin parti itu membenarkan beliau berbuat demikian...Asri juga berkata beliau sendiri tidak keberatan jika Anwar meneroka perjuangannya melalui parti-parti lain, termasuklah UMNO" (Abdul Ghani Ismail (1983). Razaleigh Lawan Musa: Pusingan Kedua 1984 (Latar Belakang). Taiping: IJS Communications Sdn Bhd. Hlm. 62-63). Menariknya, sementara Mohd Asri Muda sendiri pernah dilaporkan "mengakui (bahawa) beliau pernah memujuk Encik Anwar Ibrahim supaya menyertai PAS, tetapi Encik Anwar menolak" ("Asri mengaku gagal pujuk Anwar", dlm. Utusan Melayu, 31 Mac 1982) dan sementara Sidek Haji Fadzil juga pernah menyatakan bahawa "Dato' Asri Haji Muda, (Yang Dipertua Agung) PAS ketika itu, telah cuba membawa Anwar ke dalam PAS hingga ke saat-saat akhir menjelang kemasukan Anwar ke dalam UMNO, tetapi Anwar tidak dapat menyertai PAS kerana dalam bacaan politiknya peranan PAS untuk beberapa waktu mendatang tetap terbatas sebagai parti pembangkang, kerana itu beliau tidak mungkin dapat berbuat banyak untuk Islam menerusi PAS" (Sidek Haji Fadzil (1989). Pemikiran Barat moden-Sikap Para Cendekiawan Muslim Dengan Tumpuan Di Alam Melayu. Universiti Kebangsaan Malaysia. Hlm. 622), Ahmad Fawzi Mohd Basri pula, sambil menyatakan bahawa "a copy of Anwar Ibrahim's PAS membership certificate when he was accepted as a 'direct member of PAS' (can be seen) in Appendix 12 of an unpublished graduation exercise (Rosli Isa (1989). UMNO Sehingga 24 April 1987: Satu Kajian Krisis Kepimpinan Melayu. Universiti Kebangsaan Malaysia)", pernah mendedahkan bahawa "(Anwar Ibrahim) had been a registered PAS member in 1978" (Ahmad Fawzi Mohd Basri (1992). The United Malays National Organization (UMNO) 1981-1991: A Study of the Mechanics of a Changing Political Culture. University of Hull. Hlm. 218-219).

<sup>208</sup> Surat Dr Mohd Nor Nordin kepada Setiausaha Agung PAS, Abu Bakar Umar, bertarikh 2 Februari 1982 bertajuk "Analisa Dan Kajian Semula Ucapan Pemimpin Besar PAS Kini Dan Diperbaiki Segera

Di dalam kehangatan pertembungan di antara Mohd Asri Muda dan golongan ulama' di dalam PAS inilah maka Pilihan Raya Umum Kali Ke-7 pun dilangsungkan pada 22 April 1982.<sup>209</sup> Berbanding dengan Pilihan Raya Umum 1978 di mana PAS telah meletakkan calon di 88 dan 240 kerusi, ia, dengan berdasarkan kepada konsep "mencapai seberapa banyak kemenangan lebih daripada mendapat seberapa banyak undi",<sup>210</sup> kali ini hanya meletakkan calon di 82 daripada 114 kerusi Dewan Rakyat dan 223 daripada 276 kerusi Dewan Undangan Negeri di Semenanjung.<sup>211</sup> Di sebalik matlamat sederhana-- iaitu untuk mencapai kemenangan sebanyak mungkin agar dapat ditarikhkan satu tenaga pembangkang Islam yang beramanah, kuat dan bertanggungjawab dalam Parlimen<sup>212</sup>-- yang terkandung di dalam manifestonya<sup>213</sup> yang sekadar menegaskan semula manifesto

---

Demi Kepentingan Harakah Islamiah". Hlm. 2. Fadzil Mohd Noor juga dilaporkan turut menyebut kata-kata yang telah diungkapkan oleh Sayyid Qutb menjelang saat beliau akan dikenakan hukuman gantung sampai mati yang dikatakan berbunyi "kita patut jangan memikirkan bahawa kita yang memulakan perjuangan dan kita juga jangan berpendapat kitalah yang mengakhirkhan perjuangan" di dalam ucapan beliau itu sedangkan, mengikut Dr Mohd Nor Nordin, kata-kata Sayyid Qutb ini adalah sebenarnya bercanggah dengan kandungan Ayat-Ayat 10 dan 11 Surah al-Waqi'ah yang dikatakan mengakui faktor senioriti di dalam perjuangan.

<sup>209</sup> Laporan Pilihan Raya Umum Malaysia 1982. Hlm. 1, 13, 35 dan 45.

<sup>210</sup> Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 3 Februari 1982. Hlm. 3. Mengikut Mohd Asri Muda, ekoran penggunaan konsep ini, "maka dalam Pilihan Raya Umum 1982 ini PAS akan cuba menumpukan pada tempat-tempat yang berpotensi (sahaja) supaya segala tenaga dan keupayaan yang ada dapat dikumpulkan". Selain menetapkan konsep PAS ini, mesyuarat ini juga turut menetapkan bahawa "slogan yang akan digunakan dalam mana-mana juga poster yang digunakan dalam pilihan raya umum kali ini ialah 'undilah PAS untuk kedaulatan Islam'", dengan ingatan bahawa "slogan ini bolehlah ditambah asal saja janya tidak terkeluar daripada dasar yang tersebut".

<sup>211</sup> Laporan Pilihan Raya Umum Malaysia 1982. Hlm. 14-15 dan 46-47.

<sup>212</sup> Manifesto PAS di dalam Pilihan Raya Umum 1982 bertajuk "Undilah PAS Untuk Kedaulatan Islam". Hlm. 1, 3, 5 dan 6. Jelas manifesto ini: "Parti PAS tetap tegas dengan pendiriannya untuk (melaksanakan) cita-cita perjuangannya yang suci, sekurang-kurangnya untuk menyampaikan seruan kebaikan, untuk menyuarakan dakwah Islam, di dalam forum yang tertinggi dan dianggap berwibawa, iaitu Parlimen. Ini tentunya masih merupakan tahap permulaan, dan tahap sempurna tentunya masih jauh, iaitu melaksanakan *amar ma'aruf* dan *nahi munkar*, namun demikian Islam tidak pernah menganggap kecil terhadap tugas bersuara sebagai penegur, pengkritik atau dalam istilah politik sekarang ialah pembangkang, malah tugas seumpama itu digolongkan juga kepada kehendak dan nilai *amar ma'aruf* dan *nahi munkar*".

<sup>213</sup> Satu perkara yang sedikit mengganjikan mengenai manifesto ini adalah bahawa "(ia) telah selamat disampaikan ke semua negeri kecuali negeri Terengganu (yang telah gagal disampaikan) kerana pihak pencetaknya tidak dapat menyiapkan sebagaimana yang diminta pada peringkat akhir sedangkan yang telah dicetak telah dikirim kesemuanya ke negeri-negeri lain" (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 20 Mei 1982. Hlm. 2).

yang dikeluarkan olehnya di dalam Pilihan Raya Umum 1978,<sup>214</sup> PAS ternyata masih ditolak oleh rakyat<sup>215</sup> apabila ia hanya memenangi 5, iaitu 4 di Kelantan dan 1 di Kedah, kerusi Dewan Rakyat dan 15, iaitu 8 di Kelantan, 5 di Terengganu dan 2 di Kedah, kerusi Dewan Undangan Negeri (secara bertanding)<sup>216</sup> dengan 22 calon Dewan Rakyat dan 40 calon Dewan Undangan Negerinya telah turut kehilangan wang pertaruhan mereka.<sup>217</sup>

Pilihan Raya Umum 1982 yang menyaksikan kegagalan PAS merebut kembali Kelantan dari Barisan Nasional ini telah sekaligus menukar persembungan di antara Mohd Asri Muda dan golongan ulama' di dalam PAS menjadi satu krisis terbuka<sup>218</sup>

<sup>214</sup> Manifesto PAS di dalam Pilihan Raya Umum 1982 bertajuk "Undilah PAS Untuk Kedaulatan Islam". Hlm. 3-7. Jelas manifesto ini: "Dalam Pilihan Raya Umum 1978, PAS telah mengeluarkan sebuah manifesto...di mana garis-garis dasar dan program parti sekurang-kurangnya untuk suatu tempoh yang tertentu telah dibentang yang dengan jelas menggambarkan arah dan haluan yang dituju oleh PAS dalam perjuangan suciinya menegakkan Islam sebagai *ad-din* dan *daulah*...(Dalam Pilihan Raya Umum 1982 ini), Manifesto PAS 1978 itu tetap menjadi panduan".

<sup>215</sup> Salah satu faktor penolakan rakyat ke atas PAS di dalam Pilihan Raya Umum Kali Ke-7 ini ialah tindakan Dr Mahathir Mohamad--yang telah, sejak 29 Jun 1981, dilantik sebagai Presiden UMNO dan, sejak 16 Julai 1981, dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia yang baru bagi menggantikan Hussein Onn (Khoo Boo Teik (1995). Paradoxes of Mahathirism: An Intellectual Biography of Mahathir Mohamad. Kuala Lumpur: Oxford University Press. Hlm. xv)--memasukkan Presiden ABIM, Anwar Ibrahim, ke dalam UMNO menjelang berlangsungnya pilihan raya umum ini, iaitu pada 29 Mac 1982 ("Anwar masuk BN tamparan pada PAS", dlm. Watan, 6 April 1982)--tindakan yang disifatkan oleh Syed Ahmad Hussein sebagai "*Mahathir's biggest political coup*" dan sebagai "*an endorsement of the dual Islamic-nationalist approach that the dominant tradition had stood for*". Tulis Syed Ahmad Hussein: "*PAS not only lost Anwar but ABIM generally too. One result of Anwar's entry into UMNO was the 'effective separation of ABIM from PAS'. The co-optation of Anwar was in fact a co-optation of the ABIM itself. In the 1982 General Elections, Anwar brought with him a substantial number of ABIM leaders and members to his—and UMNO's—side*" (Syed Ahmad Hussein (1988). Islam and Politics in Malaysia, 1969-1982: The Dynamics of Competing Traditions. Yale University. Hlm. 599).

<sup>216</sup> Laporan Pilihan Raya Umum Malaysia 1982. Hlm. 19, 50, 51 dan 132. PAS turut memenangi 3 kerusi Dewan Undangan Negeri tanpa bertanding, dua daripadanya adalah di Kelantan--iaitu melalui Hassan Ishak di Kemumin dan Drs Abdul Rahman Ahmad di Selising--manakala satu lagi adalah di Perlis--melalui Shuib Ahmad di Bintong (Ibid. Hlm. 15, 47, 88, 93 dan 96).

<sup>217</sup> Ibid. Hlm. 186, 193 dan 194.

<sup>218</sup> Secara tertutupnya pula, kegagalan PAS merebut kembali Kelantan dari Barisan Nasional ini juga telah menyebabkan PAS Pengkalan Chepa, yang diketuai oleh Nik Abdullah Arshad--yang tidak menandingi Pilihan Raya Umum 1982 (Laporan Pilihan Raya Umum Malaysia 1982. Hlm. 68-69 dan 93-97) kerana "tidak setuju dengan (tindakan Dato' Asri memindahkan beliau dari kerusi Dewan Undangan Negeri Sering yang dianggap selamat bagi PAS ke kawasan Dewan Undangan Negeri Sungai Pinang)" ("Orang-orang Asri' jadi calon di Kelantan?", dlm. Berita Harian, 9 April 1982)--dan yang diwakili di Dewan Rakyat oleh Nik Abdul Aziz Nik Mat, turut menggesa "Yang Dipertua Agung PAS sendiri bertindak membersihkan serta mengelakkan diri dari diperkudakan oleh petualang-petualang politik yang boleh melemah dan merosakkan perjuangan parti, kalau tidak, lebih

apabila akhbar Berita Harian bertarikh 6 Julai 1982<sup>219</sup> telah melaporkan pengesahan Nik Abdul Aziz Nik Mat terhadap laporan akhbar itu pada 25 Jun 1982<sup>220</sup> mengenai krisis yang dikatakan sedang berlaku di antara beliau dan Mohd Asri Muda. Mengikut laporan itu, Nik Abdul Aziz Nik Mat dikatakan telah--di dalam satu perjumpaan tertutup dengan sebahagian pemimpin PAS Kelantan<sup>221</sup> di Kota Bharu, Kelantan, pada 5 Jun 1982-- mengkritik tindakan pengambil-alihan jawatan Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan Calon PAS Kelantan dari beliau oleh Mohd Asri Muda<sup>222</sup> di samping turut memberikan kata

---

baik beliau mengundur diri dan meletakkan jawatan (beliau) secara terhormat" (Laporan Setiausaha PAS Pengkalan Chepa, Mohd Yusof Ludin, kepada Jawatankuasa Kerja Agung PAS bertajuk "Laporan Pilihan Raya Umum 22 April 1982 Bagi Kawasan Pengkalan Chepa, Kelantan" (tidak bertarikh). Hlm. 3-4).

<sup>219</sup> "Nik Aziz akui krisis dengan Asri: Masalah dalam pilihan raya umum lalu", dlm. Berita Harian, 6 Julai 1982.

<sup>220</sup> "Krisis pucuk pimpinan PAS Kelantan", dlm. Berita Harian, 25 Jun 1982. Laporan akhbar ini adalah terhasil daripada inisiatif Hashim Omar, Ahli Dewan Undangan Negeri Bandar Pasir Mas di antara tahun-tahun 1974 dan 1978, yang merasakan bahawa kandungan ucapan Nik Abdul Aziz Nik Mat di dalam perjumpaan tertutup dengan sebahagian pemimpin PAS Kelantan di Kota Bharu, Kelantan, pada 5 Jun 1982 ini perlu dihebahkan bagi menimbulkan "gegaran" kepada ahli-ahli PAS di Kelantan (Wawancara dengan Hashim Omar di kediaman beliau pada 23 Mac 2004). Tindakan Hashim Omar menyerahkan rakaman ucapan Nik Abdul Aziz Nik Mat kepada wartawan akhbar Berita Harian, iaitu Nordin Mohamad, ini--tindakan yang menyumbang kepada kelahiran laporan akhbar ini--, juga tindakan beliau menasihatkan wartawan berkenaan mendapatkan keterangan lanjut mengenai ucapan ini daripada Nik Abdul Aziz Nik Mat sendiri--tindakan yang menyumbang kepada kelahiran laporan akhbar Berita Harian keluaran 6 Julai 1982--, telah kemudiannya beliau maklumkan kepada Nik Abdul Aziz Nik Mat yang dikatakan telah, sambil memberitahu beliau bahawa "kalau tidak dipecahkan ruyng manakan dapat sagunya", menerimanya dengan amat baik sekali (*Ibid.*).

<sup>221</sup> Mengikut Laporan Tahunan Dewan Pemuda PAS Kota Bharu 1982/1983, pemimpin-pemimpin PAS Kelantan yang menghadiri perjumpaan tertutup dengan Nik Abdul Aziz Nik Mat ini ialah "tenaga penerangan PAS Kelantan dan anggota Dewan Ulama' PAS Negeri (Kelantan)" (Laporan Tahunan Dewan Pemuda PAS Kota Bharu 1982/1983. Hlm. 3).

<sup>222</sup> Pada penghujung Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 31 Mac 1982, Mohd Asri Muda telah menyatakan: "Panduan Pemilihan Calon yang diluluskan oleh Jawatankuasa Kerja Agung baru-baru ini memerlukan kepada ditubuhkan Jawatankuasa Pemilihan, dibahagikan kepada lima zon, (iaitu) Zon Kedah dan Perlis (yang diketuai oleh Fadzil Mohd Noor), Zon Pulau Pinang dan Perak (yang diketuai oleh Yusoff Rawa), Zon Selangor, Wilayah Persekutuan, Melaka, Negeri Sembilan, Johor dan Pahang (yang diketuai oleh Syed Ibrahim Syed Abdul Rahman), Zon Terengganu (yang diketuai oleh Abdul Hadi Awang) dan Zon Kelantan (yang diketuai oleh Mohd Asri Muda). Dengan cara yang demikian, maka Jawatankuasa Pemilihan ini dapat membuat penilaian mengenai calon-calon serta kawasan-kawasan yang akan dipertandingkan itu dengan lebih teliti dan saksama. Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Agung serta Pesuruhjaya yang berada di negeri-negeri berkenaan dengan sendirinya menjadi ahli kepada Jawatankuasa Pemilihan ini... Jawatankuasa ini berkuasa sepenuhnya bagi memilih dan melantik calon-calon serta menentukan kawasan yang akan ditandingi... berpandukan kepada senarai calon yang dikemukakan oleh Kawasan..." (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 31 Mac 1982. Hlm. 3). Minit mesyuarat ini tidak mencatatkan cara keputusan ini diambil, tetapi Mohd Asri Muda kemudiannya menyatakan bahawa ia telah "(di)luluskan dengan

dua kepada ahli-ahli PAS di Kelantan untuk sama ada memilih beliau atau Mohd Asri Muda.<sup>223</sup> Dakwaan Nik Abdul Aziz Nik Mat bahawa tawaran beliau untuk meletakkan jawatan sebagai Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan telah ditolak<sup>224</sup> secara tidak langsung turut memberikan mesej kepada Mohd Asri Muda supaya beliau segera mengundurkan diri dari terus memimpin PAS kerana kepimpinan beliau telah ditolak.<sup>225</sup>

Krisis terbuka di antara Mohd Asri Muda dan Nik Abdul Aziz Nik Mat, yang didahului oleh pertentangan pendapat mereka mengenai isu penyertaan semula PAS di dalam Barisan Nasional,<sup>226</sup> ini dihangatkan lagi oleh penganjuran Muktamar Tahunan

---

sebutal suara...berdasar kepada persefahaman dan syura serta dengan penuh tawakkal kepada Allah" (Teks ucapan dasar Mohd Asri Muda di dalam Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-28 pada 23 dan 24 Oktober 1982 (tidak bertajuk). Hlm. 7) manakala Nik Abdul Aziz Nik Mat pula menyatakan bahawa ia dilakukan melalui perisytiharan Mohd Asri Muda tanpa "dimaklumkan (kepada saya) lebih dulu" (Laporan Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan, Nik Abdul Aziz Nik Mat, kepada Jawatankuasa Kerja Agung PAS bertarikh 24 Ogos 1982 (tidak bertajuk). Hlm. 2).

<sup>223</sup> "Krisis pucuk pimpinan PAS Kelantan", dlm. Berita Harian, 25 Jun 1982; dan "Nik Aziz akui krisis dengan Asri: Masalah dalam pilihan raya umum lalu", dlm. Berita Harian, 6 Julai 1982. Tulis Wan Abdul Rahim Wan Abdullah mengenai kata dua Nik Abdul Aziz Nik Mat kepada ahli-ahli PAS di Kelantan ini kemudiannya: "Selepas Pilihan Raya Umum 1982, ekoran daripada masalah pemilihan calon-calon PAS, Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz telah berucap di hadapan pimpinan PAS semua peringkat di Kelantan, bertempat di Dewan Zulkiflee Muhammad, Kota Bharu. Ungkapannya yang bersejarah itu, berbunyi "pilih dia atau saya", (adalah) dimaksudkan kepada Dato' Mohd Asri Muda (dan) telah menjadi pukulan maut kepada karier politik Yang Dipertua Agung PAS itu. Kata-kata inilah membuatkan ahli-ahli dan penyokong-penyokong PAS terpaksa menentukan sikap dan membuat pilihan memihak sama ada kepada beliau atau (kepada) Dato' Mohd Asri. Rakyat PAS tetap bersama-sama Tuan Guru" (Wan Abdul Rahim Wan Abdullah, Kata Pengantar, dlm. Hussain Yaakub (1992). Peribadi Tuan Guru. Kuala Lumpur: Printerus).

<sup>224</sup> "Nik Aziz akui krisis dengan Asri: Masalah dalam pilihan raya umum lalu", dlm. Berita Harian, 6 Julai 1982. Nik Abdul Aziz Nik Mat walau bagaimanapun sekadar menyatakan bahawa tawaran perletakan jawatan beliau itu telah ditolak oleh Dewan Harian PAS Kelantan--bagi tujuan rekod, Nik Abdul Aziz Nik Mat sememangnya "membayangkan hasrat untuk melepaskan jawatan Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan kerana terdapat kawan-kawan (yang) memerlukan beliau berbuat demikian" di dalam Mesyuarat Dewan Harian PAS Kelantan pada 13 Mei 1982, tetapi "(mesyuarat ini) meminta (beliau) menangguhkan hasrat (beliau) itu buat sementara" (Minit Mesyuarat Dewan Harian PAS Kelantan pada 13 Mei 1982. Hlm. 1))--, Dewan Ulama' PAS Kelantan dan Dewan Ulama' PAS Pusat, tetapi bukannya oleh Badan Perhubungan PAS Kelantan.

<sup>225</sup> Logik yang digunakan di sini adalah penerimaan ahli-ahli PAS di Kelantan, yang telah sebelumnya diberikan kata dua untuk sama ada memilih beliau atau Mohd Asri Muda, ke atas Nik Abdul Aziz Nik Mat adalah sama dengan penolakan ke atas Mohd Asri Muda.

<sup>226</sup> Isu penyertaan semula PAS di dalam Barisan Nasional ini telah ditimbulkan oleh Perdana Menteri Malaysia, Dr Mahathir Mohamad, yang telah dilaporkan mengundang PAS supaya "kembali ke pangkuhan Barisan Nasional" ("Mahathir buka rahsia kejayaan Barisan Nasional: Undangan kepada PAS masih terbuka", dlm. Utusan Melayu, 24 April 1982). Sementara Mohd Asri Muda, yang

Dewan Pemuda PAS Pusat Kali Ke-23 di Madrasah al-Masriyyah, Tanah Liat, Bukit Mertajam, Seberang Perai, pada 31 Julai, 1 dan 2 Ogos 1982.<sup>227</sup> Cukup signifikan adalah kandungan laporan tahunannya yang--selain melaporkan dua kunjungan para pemimpinnya, iaitu kunjungan Ahmad Subky Abdul Latif, Suhaimi Ahmad dan Abu Bakar Chik serta kunjungan Mustafa Ali, Mohd Rushdie Ariff dan "beberapa orang lagi", ke Iran<sup>228</sup>--menyatakan sikapnya yang menyokong langkah parti itu memberi peranan yang lebih ketara kepada tokoh-tokoh ulama<sup>229</sup> kerana ia dikatakan boleh

---

dikatakan "begitu berhasrat untuk membawa PAS menyertai BN" ("PAS kaji tujuh ke BN?", dlm. Berita Harian, 28 April 1982), dilapor menyatakan bahawa "PAS sedia berunding jika tawaran itu dibuat dengan cara lebih formal dari pihak Barisan Nasional" ("Asri minta tangguh isu masuk Barisan", dlm. Utusan Melayu, 27 April 1982), Nik Abdul Aziz Nik Mat pula telah kemudianya terus sahaja mengeluarkan sebuah siaran dalam mana beliau telah menegaskan penolakan beliau ke atas undangan ini di atas alasan bahawa "perjuangan kebangsaan pragmatis yang mereka anuti dan diyakini sesat itu kita tak dapat ubah juga, bahkan besar kemungkinan mereka semakin lena dengan kesesatan (mereka), bila kita berada bersama mereka" (Siaran Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan, Nik Abdul Aziz Nik Mat, bertarikh 28 April 1982 bertajuk "Syukur Dan Terima Kasih". Hlm. 1). Terang Nik Abdul Aziz Nik Mat kemudiannya: "Benda ni keluar dari mulut, dalam suratkhabar, bahawa Dato' Asri ada sebut nak bekerjasama dengan Barisan (Nasional) semula. Bertambah meluat, bertambah meluat, bertambah meluat" (Rakaman ucapan tidak berteks Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan, Nik Abdul Aziz Nik Mat, di dalam majlis taklimat kepartian kepada pemimpin-pemimpin PAS Kelantan di Kota Bharu, Kelantan, pada 6 Februari 1983 (tidak bertajuk)).

<sup>227</sup> Laporan Tahunan Dewan Pemuda PAS Pusat 1981/1982. Hlm. 1; dan Penyata Tahunan PAS 1981/1982. Hlm. 9. Muktamar Tahunan Dewan Pemuda PAS Pusat Kali Ke-23 pada 31 Julai, 1 dan 2 Ogos 1982, yang turut dihadiri oleh "Prof. Fakhruddin Hijazi dan rombongan-rombongannya dari negara sahabat Republik Islam Iran" yang merupakan tetamu undangannya, ini telah diserikan oleh satu majlis ceramah politik--yang turut dihadiri oleh Timbalan Yang Dipertua Agung dan salah seorang daripada Naib-Naib Yang Dipertua Agung PAS pada masa itu, iaitu Yusoff Rawa dan Fadzil Mohd Noor--dalam mana Abdul Hadi Awang, seorang lagi Naib Yang Dipertua Agung PAS pada masa itu, telah menyertu golongan muda di dalam PAS--yang dikatakan "akan menjadi pelapis kepada pimpinan-pimpinan yang ada"--"untuk meneruskan kepimpinan perjuangan Islam yang akan datang yang akan menghadapi cabaran yang lebih hebat sehingga kita dapat menyempurnakan ciri-ciri kemenangan Islam, ciri-ciri *hizbulah* yang dijanjikan oleh Allah s.w.t.", termasuklah dengan menanamkan di dalam dada mereka kata-kata "seorang pemimpin Islam" yang berbunyi: "Kalau kita dipenjara kita beriadah di dalam penjara untuk mendekatkan diri dengan Allah, kalau kita dibuang negeri kita melancang percuma dan kalau kita dibunuhi kita mati syahid" (Rakaman ucapan tidak berteks Naib Yang Dipertua Agung PAS, Abdul Hadi Awang, di dalam majlis ceramah politik bersempena dengan Muktamar Tahunan Dewan Pemuda PAS Pusat Kali Ke-23 di Madrasah al-Masriyyah, Tanah Liat, Bukit Mertajam, Seberang Perai, Pulau Pinang, pada 31 Julai, 1 dan 2 Ogos 1982 (tidak bertajuk)).

<sup>228</sup> Laporan Tahunan Dewan Pemuda PAS Pusat 1981/1982. Hlm. 6. Sementara kunjungan Ahmad Subky Abdul Latif, Suhaimi Ahmad dan Abu Bakar Chik ke Iran ini dikatakan telah dibuat pada bulan November 1981, kunjungan Mustafa Ali, Mohd Rushdie Ariff dan "beberapa orang lagi" ini pula dikatakan telah dibuat pada bulan Jun 1982.

<sup>229</sup> Dua orang tokoh ulama' yang disebutkan di dalam Laporan Tahunan Dewan Pemuda PAS Pusat 1981/1982 ini ialah Abdul Hadi Awang dan Nik Abdul Aziz Nik Mat yang telah dilantik sebagai Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Terengganu dan sebagai Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan mulai dari 23 September 1979 (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 23

mengembalikan ummah kepada pimpinan ulama' seperti yang disyari'atkan oleh Islam,<sup>230</sup> juga dua ketetapan yang telah diluluskan olehnya<sup>231</sup> yang mendesak PAS mempelopori dan mengamalkan konsep kepimpinan ulama'<sup>232</sup> dan yang mendesak Dewan Ulama' PAS Pusat digantikan dengan sebuah badan lain, iaitu Majlis Ulama' PAS Pusat, yang akan dijadikan sebagai tempat rujukan dan pemutus kata di dalam segala urusan kepartian.<sup>233</sup>

---

September 1979. Hlm. 2-3) dan mulai dari 1 Mac 1981 (Surat Setiausaha Agung PAS, Mohd Nakhaei Ahmad, kepada Nik Abdul Aziz Nik Mat bertarikh 2 Mac 1981 bertajuk "Perlantikan Sebagai Pesuruhjaya (Badan Perhubungan) PAS Kelantan". Hlm. 1) masing-masingnya.

<sup>230</sup> Laporan Tahunan Dewan Pemuda PAS Pusat 1981/1982. Hlm. 5. Tulis lidah rasmi PAS mengenai tindakan Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-28 pada 23 dan 24 Oktober 1982 meluluskan usul, yang dikemukakan oleh Dewan Pemuda PAS Pusat, supaya "PAS sebagai harakah Islamiah mempelopori dan mengamalkan konsep kepimpinan ulama'" (Peringatan Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-28 pada 23 dan 24 Oktober 1982. Hlm. 20) kemudiannya: "Langkah yang diambil oleh Parti Islam (Se-Malaysia) bagi mendaulatkan kepimpinan ulama' akan meningkatkan lagi harakah Islamiah di Malaysia dan membentulkan perjalannya supaya benar-benar berpegang kepada al-Qur'an dan al-Sunnah di dalam menghuraikan dasar-dasarnya dan di dalam melaksanakan kegiatan-kegiatannya" ("Era baru harakah", dlm. Berita PAS, Bil. 1 Thn. 1, Muharram 1403. Hlm. 4).

<sup>231</sup> Walaupun maklumat mengenai ketetapan-ketetapan yang telah diluluskan oleh Muktamar Tahunan Dewan Pemuda PAS Pusat Kali Ke-23 pada 31 Julai, 1 dan 2 Ogos 1982 ini hanyalah didasarkan kepada Peringatan Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-28 pada 23 dan 24 Oktober 1982--Peringatan Muktamar Tahunan Dewan Pemuda PAS Pusat Kali Ke-23 pada 31 Julai, 1 dan 2 Ogos 1982 masih lagi belum berjaya dikesani, walaupun oleh pengkaji sejarah Dewan Pemuda PAS Pusat sendiri (Mohd Fadli Ghani (2003). Dewan Pemuda PAS: Suatu Kajian Terhadap Tahap-Tahap Perkembangan Organisasi Dalam Era Bertindak, 1975-2003. Universiti Kebangsaan Malaysia. Hlm. 86)--, ia dirasakan tetap boleh dipertanggungjawabkan memandangkan adalah menjadi satu tradisi turun-temurun di dalam PAS bahawa usul-usul, melainkan usul-usul khas, yang dikemukakan oleh Dewan-Dewan PAS di dalam Mesyuarat-Mesyuarat Agung atau Muktamar-Muktamar Tahunan PAS pada asalnya adalah merupakan ketetapan-ketetapan yang telah diluluskan oleh Mesyuarat-Mesyuarat Agung atau Muktamar-Muktamar Tahunan Dewan-Dewan PAS sebelumnya.

<sup>232</sup> Peringatan Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-28 pada 23 dan 24 Oktober 1982. Hlm. 20. Tulis Ahmad Subky Abdul Latif: "Dato' Asri menerima (ketetapan yang meminta PAS mempelopori dan mengamalkan konsep kepimpinan ulama' yang diluluskan oleh Muktamar Tahunan Dewan Pemuda PAS Pusat Kali Ke-23) sebagai satu peluru yang ditujukan kepada pimpinan (beliau) kerana beliau bukan dari kumpulan itu. Kejadian itu melebarkan lagi perbezaan" (Ahmad Subky Abdul Latif (2003). Fadzil Noor: Dia Guru... Dia Kawan. Kuala Lumpur: Penerbitan al-Azim Sdn. Bhd. Hlm. 87).

<sup>233</sup> Peringatan Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-28 pada 23 dan 24 Oktober 1982. Hlm. 20. Usul wakil Dewan Pemuda PAS Pusat ini walau bagaimanapun telah kemudiannya "dirangkumkan dengan usul beberapa PAS Kawasan" menjadi: "Bahawa Muktamar Tahunan PAS yang bersidang pada hari ini bersetuju mengambil ketetapan supaya Jawatankuasa Kerja Agung menubuhkan sebuah jawatankuasa khas untuk mengkaji semula Perlembagaan PAS 1977 bagi membuat beberapa cadangan pindaan ke

## Berakhirnya Era Mohd Asri Muda

Berhadapan dengan tekanan-tekanan daripada golongan ulama'/muda di dalam PAS, Mohd Asri Muda telah--dengan menjadikan isu kafir-mengkafir di Terengganu, isu kunjungan pemimpin PAS ke Iran dan isu kenyataan-kenyataan akhbar Nik Abdul Aziz Nik Mat sebagai tiga agenda utama Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 24 Ogos 1982--menggunakan kuasa beliau sebagai Yang Dipertua Agung PAS untuk cuba mengekang kemaraan golongan ini.<sup>234</sup> Salah seorang tokoh utama yang cuba dikekang oleh beliau ialah Abdul Hadi Awang yang--selaku Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Terengganu--telah diminta memberikan satu laporan lisan mengenai isu kafir-mengkafir di Terengganu selain turut diminta mengemukakan satu laporan bertulis yang disertakan dengan salinan kenyataan-kenyataan akhbar yang diberikan berkenaan dengannya.<sup>235</sup> Seorang lagi tokoh, iaitu Mustafa Ali--selaku Ketua Dewan Pemuda PAS Pusat--, pula telah ditegur kerana dikatakan gagal memaklumkan kunjungan beliau ke Iran kepada Pejabat Agung PAS selain turut diminta memberikan laporan lisan mengenainya, nasib yang dikongsi oleh Abdul Hadi Awang, Fadzil Mohd Noor dan Yusoff Rawa di atas kunjungan mereka ke Australia, ke England dan Mesir dan ke Amerika Syarikat.<sup>236</sup>

---

atasnya di mana yang perlu berpandukan kepada cadangan-cadangan pindaan yang dikemukakan oleh Dewan-Dewan PAS dan PAS-PAS Kawasan serta membawanya ke satu Muktamar PAS".

<sup>234</sup> Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 24 Ogos 1982. Hlm. 2-4.

<sup>235</sup> Ibid. Hlm. 2-3. Gejala kafir-mengkafir ini dikatakan semakin merebak di Terengganu selepas Pilihan Raya Umum 1982 sehingga para pengikut PAS di sana dilaporkan telah mengambil-alih 11 buah masjid dan surau, di samping dilaporkan telah turut mendirikan 46 buah masjid dan surau berasingan, juga menunaikan sembahyang jemaah secara berasingan di beberapa buah masjid dan surau yang sama--yang paling terkenal di antaranya ialah peristiwa penunaian sembahyang Jumaat secara berasingan di Masjid Kampung Gong Pasir, Besut, Terengganu, pada 16 Julai 1982 ("Dua imam: Perbuatan terkutuk", dlm. Berita Harian, 19 Julai 1982; "Kubur pula berasing", dlm. Berita Harian, 29 Julai 1982; dan "204 bercerai akibat beza politik", dlm. Berita Harian, 1 Ogos 1982).

<sup>236</sup> Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 24 Ogos 1982. Hlm. 3. Isu kunjungan ke luar negara ini telah akhirnya mendorong mesyuarat ini memutuskan bahawa setiap kunjungan yang dibuat oleh pemimpin PAS ke luar negara, tanpa mengira sama ada ia merupakan satu kunjungan rasmi ataupun tidak, hendaklah dimaklumkan kepada Pejabat Agung PAS terlebih dahulu manakala satu

Walaupun Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 24 Ogos 1982 turut "membicarakan" Abdul Hadi Awang dan Mustafa Ali, tokoh terpenting yang "dibicarakan" di dalamnya ialah Nik Abdul Aziz Nik Mat<sup>237</sup> yang dikatakan telah melanggar tatatertib parti<sup>238</sup> melalui kenyataan-kenyataan akhbar beliau yang mengkritik kepimpinan Mohd Asri Muda.<sup>239</sup> Walau bagaimanapun, di sebalik pengenduran sikap oleh, apatah lagi pengenaan tindakan tatatertib ke atas, Nik Abdul Aziz Nik Mat, Nik Abdul Aziz Nik Mat sendiri telah dengan beraninya mengakui ketepatan laporan-laporan akhbar yang dimaksudkan<sup>240</sup> di samping telah turut mengemukakan sebuah laporan bertulis<sup>241</sup> yang bukan sekadar mengkritik tindakan Mohd Asri Muda mengambil-alih

---

laporan bertulis mengenainya pula hendaklah diberikan kepada Jawatankuasa Kerja Agung PAS sekembalinya pemimpin PAS itu dari luar negara, dan bahawa sekiranya jemputan kunjungan itu adalah dibuat kepada PAS, maka nama pemimpin-pemimpin PAS yang akan ditetapkan untuk menyertai kunjungan itu hendaklah diputuskan oleh Pejabat Agung PAS sendiri.

<sup>237</sup> Menariknya, Nik Abdul Aziz Nik Mat telah kemudiannya turut "dibicarakan" oleh seorang lagi Yang Dipertua Agung PAS, iaitu Fadzil Mohd Noor, di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja PAS Pusat pada 13 Mei 2001 di atas ucapan "Tuhan juga mencarut" yang dikatakan dibuat oleh beliau. Tegas Fadzil Mohd Noor: "Sifat mulia manusia adalah pancaran sifat-sifat Allah, tapi ada sifat Allah seperti *kibriyat* yang tidak dibenarkan ada pada manusia. Tiada tamadun yang mengizinkan mencarut dan hal ini jangan diulang lagi (kerana) kita tidak akan ada peluang untuk membela diri" (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja PAS Pusat pada 13 Mei 2001. Hlm. 3).

<sup>238</sup> Selain Nik Abdul Aziz Nik Mat, "pemimpin PAS Terengganu"--satu *euphemism* kepada Abdul Hadi Awang--juga pernah dilaporkan, oleh satu sumber Jawatankuasa Kerja Agung PAS, mungkin akan dikenakan tindakan tatatertib oleh PAS Pusat kerana dikatakan "tidak mahu langsung mendengar arahan pucuk pimpinan supaya jangan menimbulkan isu-isu perpecahan masyarakat" ("Dua imam: Krisis PAS-Terengganu enggan patuhi arahan Asri", dlm. Berita Harian, 12 Ogos 1982). Menariknya, Nik Abdul Aziz Nik Mat dan Abdul Hadi Awang, bersama Ahli-Ahli Dewan-Dewan Harian PAS Kelantan dan Terengganu, telah, pada 5 September 1981, melangsungkan satu perjumpaan bersama di Bilik Mesyuarat Pejabat PAS Kota Bharu, Kelantan, untuk "bekerjasama dan mengeratkan perhubungan (di antara) (PAS) Kelantan dan (PAS) Terengganu" (Minit Mesyuarat Dewan Harian PAS Kelantan pada 19 Ogos 1981. Hlm. 1), termasuklah untuk kemudiannya "(membincangkan mengenai) gelora dalam Parti PAS" (Minit Mesyuarat Dewan Harian PAS Kelantan pada 26 Ogos 1981. Hlm. 1-2).

<sup>239</sup> Menariknya, Badan Perhubungan PAS Kelantan yang diketuai oleh Nik Abdul Aziz Nik Mat sendiri telah sebelumnya turut memutuskan supaya "jangan sekali-kali ada di kalangan ahli-ahli PAS meluahkan rahsia dan perasaannya kepada akhbar-akhbar" (Minit Mesyuarat Khas Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 21 Mei 1981. Hlm. 3).

<sup>240</sup> Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 24 Ogos 1982. Hlm. 4. Selain membacakan kandungan kedua-dua laporan yang termuat di dalam akhbar Berita Harian keluaran 25 Jun 1982 dan 6 Julai 1982 berkenaan, Mohd Asri Muda juga telah, di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 24 Ogos 1982 ini, turut mengulas "mana-mana kenyataan yang pada pandangan dan pendapat beliau tidak betul dari segi perlombagaan dan organisasi PAS".

jawatan Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan Calon PAS Kelantan dari beliau<sup>242</sup>--juga tindakan Mohd Asri Muda mengekalkan beberapa orang tokoh PAS yang dikatakan tidak disenangi rakyat<sup>243</sup> sebagai calon-calon PAS di dalam Pilihan Raya Umum 1982 yang disifatkan sebagai punca kekalahan PAS di dalamnya<sup>244</sup>--malah turut memberikan kata dua kepada Mohd Asri Muda yang dikatakan masih tidak mengamalkan keperibadian Islam supaya "segera membaikinya atau mengundur(kan) diri (dari memimpin PAS)".<sup>245</sup>

<sup>241</sup> Kandungan penuh laporan bertulis yang telah dikemukakan oleh Nik Abdul Aziz Nik Mat di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 24 Ogos 1982 ini telah pernah diterbitkan oleh Kamarul Zaman Haji Yusoff di dalam buku beliau (Kamarul Zaman Haji Yusoff (1999). Perjuangan Penuh Cabaran (Sejarah PAS Kelantan). Kota Bharu: Pustaka Qamar).

<sup>242</sup> Laporan Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan, Nik Abdul Aziz Nik Mat, kepada Jawatankuasa Kerja Agung PAS bertarikh 24 Ogos 1982 (tidak bertajuk). Hlm. 2. Di Kelantan, Jawatankuasa Pemilih Calon PAS adalah dipengerusikan oleh Mohd Asri Muda manakala ahli-ahlinya adalah terdiri daripada Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS yang berada di negeri Kelantan, iaitu Hassan Mohamad, Nik Abdul Aziz Nik Mat, Mohd Zain Abdullah, Yahya Othman, Wan Ismail Ibrahim, Mohd Fakhruddin Abdullah, Hassan Ishak, Mohd Zahari Awang dan Sakinah Junid (Laporan Tahunan Badan Perhubungan PAS Kelantan 1981/1982. Hlm. 7).

<sup>243</sup> Pengekalan tokoh-tokoh PAS ini juga dikatakan menyebabkan Badan Perhubungan PAS Kelantan tidak mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk menghadapi Pilihan Raya Umum 1982 ini kerana individu-individu yang dikatakan berjanji untuk memberikan bantuan kewangan kepadanya telah memungkiri janji mereka kerana dikatakan tidak bersetuju dengan pengekalan tokoh-tokoh PAS ini (Rakaman ucapan tidak berteks Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan, Nik Abdul Aziz Nik Mat, di dalam majlis taklimat kepartian kepada pemimpin-pemimpin PAS Kelantan di Kota Bharu, Kelantan, pada 6 Februari 1983 (tidak bertajuk)). Jelas Nik Abdul Aziz Nik Mat: "Hak baru 'ni, pilihan raya baru 'ni, bila keluar nama calon, bila keluar nama calon pada suratkhabar, ada orang teriak, orang PAS teriak: Ni bukan calon sebagaimana hak duk agak, hak duk syarah-syarah, hak duk syarahnya begini, hak duk ceramahnya begini, begini, begini, begini, tapi bila keluar nama calon, tidak belah 'ni hak duk syarah. Maka 'ree, hak nak buwi derma pun tak jadi, hak nak buwi berhutang pun tak buwi. Pilihan raya baru 'ni ada orang nak buwi berhutang, kita 'pakat mintak hutang, pah tu pihak saya *sign* nak bayar, saya sendiri pun tak tahu jugak, tapi saya *sign*, beraninya hati, ikhlas hati nak 'khijo dengan PAS ni, *sign* sampai kor seratus ribu, projek yang kita mintak hutang dari orang, beri anggar seratus ribu, sesen buta tak 'dok, tak 'sir buwi, hak orang 'tu nak buwi 'pat puluh ribu, teriak 'ra 'ra 'ra, tak buwi, kerana calon ni, kata dia, tak serupa dengan hak syarah" (Ibid.).

<sup>244</sup> Laporan Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan, Nik Abdul Aziz Nik Mat, kepada Jawatankuasa Kerja Agung PAS bertarikh 24 Ogos 1982 (tidak bertajuk). Hlm. 3-4 dan 5. Tegas Nik Abdul Aziz Nik Mat: "Kalahnya PAS baru-baru ini antara lain (ialah) kerana hilang(nya) keyakinan orang ramai (pengundi) terhadap kesungguhan PAS hendak menghayati Islam memandangkan wujudnya orang-orang yang terlibat dengan fitnah dan dikira masih sensitif dalam senarai calon serta hilangnya dari senarai berkenaan nama-nama orang yang dianggap benar-benar ingin menghayatinya". Penegasan ini telah kemudian turut dibuat oleh Setiausaha Badan Perhubungan PAS Kelantan, Ismail Awang, dan Ketua Dewan Ulama' PAS Kelantan, Zakaria Ismail, di dalam laporan-laporan yang disediakan oleh mereka (Laporan Tahunan Badan Perhubungan PAS Kelantan 1981/1982. Hlm. 14; dan Laporan Tahunan Dewan Ulama' PAS Kelantan 1981/1982. Hlm. 2).

<sup>245</sup> Laporan Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan, Nik Abdul Aziz Nik Mat, kepada Jawatankuasa Kerja Agung PAS bertarikh 24 Ogos 1982 (tidak bertajuk). Hlm. 5. Tulis Nik Abdul Aziz Nik Mat lagi: "PAS tidak akan bangkit dengan hanya menimbulkan isu-isu semasa yang

Di sebalik kehangatan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 24 Ogos 1982 ini,<sup>246</sup> arahannya supaya Badan Perhubungan PAS Kelantan melangsungkan satu mesyuarat biasa pada bila-bila masa mulai dari hari itu<sup>247</sup>--satu akomodasi ke atas permintaan 1/3 ahli badan itu yang condong kepada Mohd Asri Muda supaya ia melangsungkan satu mesyuarat khas bagi membincangkan pertikaian di antara beliau dan Nik Abdul Aziz Nik Mat<sup>248</sup>--sekadar memindahkan gelanggang pertembungan di antara mereka ke dalam badan itu sahaja. Setelah cubaan untuk menggulingkan kepimpinan Nik Abdul Aziz Nik Mat di dalam badan itu,<sup>249</sup> yang dimanifestasikan oleh cubaan untuk

---

tenggelam timbul seperti amalan yang biasa dibuat oleh Dato' Yang Dipertua Agung dalam ucapan-ucapan (beliau) yang menimbulkan keadaan yang serba salah di kalangan pengikut-pengikut".

<sup>246</sup> Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 24 Ogos 1982. Hlm. 4. Mengikut minit mesyuarat ini: "Perbahasan (ke atas laporan Nik Abdul Aziz Nik Mat ini) ada kalanya menjadi agak hangat dengan isu-isu yang ditimbulkan, termasuk penjelasan-penjelasan yang diberikan oleh pihak-pihak yang disebut di dalam kertas laporan yang dianggap tidak benar (oleh mereka) dan diberi jawapan oleh pihak yang mengemukakan laporan (Nik Abdul Aziz Nik Mat). Bagaimanapun, mesyuarat yang bersidang berjalan dengan baik walaupun kadang-kadang ada kehangatannya bila hujjah-hujjah yang dikemukakan agak kurang manis dari segi pandangan Islam".

<sup>247</sup> Ibid. Hlm. 4. Mesyuarat ini juga telah turut dengan secara tidak langsung mengakui ketidakwajaran tindakan Nik Abdul Aziz Nik Mat meluahkan ketidakpuasan hati beliau terhadap Mohd Asri Muda kepada wartawan akbar apabila ia memutuskan bahawa sebarang ketidakpuasan hati mana-mana Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS terhadap pucuk pimpinan PAS hendaklah dikemukakan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS dan hendaklah tidak diluahkan kepada orang ramai.

<sup>248</sup> Permintaan untuk melangsungkan Mesyuarat Khas Badan Perhubungan PAS Kelantan ini, yang bertujuan untuk membincangkan kandungan laporan akbar Berita Harian keluaran 25 Jun 1982, telah dibuat oleh 14 orang ahli badan ini--jaitu Hassan Mohamad, Mohd Fakhruddin Abdullah, Husain Yaakob, Muhammad Mahmud, Nik Abdul Rahman Nik Mohamad, Salahuddin Abdullah, Ismail Mamat, Wan Sulaiman Ibrahim, Mohd Noor Mamat, Wan Ibrahim Wan Abdullah, Nik Mohd Mustapha Shafei, Mohd Zain Abdullah, Mohd Shaari Awang Ali dan Muhamad Awang Mat--di dalam surat yang mereka tujuarkan kepada Setiausaha Badan Perhubungan PAS Kelantan, Ismail Awang, pada 26 Julai 1982. Permintaan ini walau bagaimanapun telah ditolak oleh Mesyuarat Dewan Harian PAS Kelantan pada 4 Ogos 1982 yang memutuskan bahawa "(disebabkan) tujuan mesyuarat khas (yang diminta) itu adalah untuk membincangkan soal yang melibatkan Nik Abdul Aziz Nik Mat sebagai Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan dan Mohd Asri Muda sebagai Yang Dipertua Agung PAS, (maka) adalah lebih baik perkara ini dibincangkan di peringkat Jawatankuasa (Kerja) Agung" (Minit Mesyuarat Dewan Harian PAS Kelantan pada 4 Ogos 1982. Hlm. 1). Penolakan permintaan ini telah kemudiannya menyebabkan 14 orang ahli badan ini, mengikut Mohd Zahari Awang, "tidak lagi mengiktiraf atau percaya kepada (Badan) Perhubungan PAS Negeri (Kelantan)" ("Puak Asri pulaukan pertemuan", dlm. Berita Harian, 29 November 1982).

<sup>249</sup> Walaupun Perlembagaan PAS 1977 tidak memperuntukkan tentang pemberhentian pesuruhjaya sesuatu Badan Perhubungan PAS Negeri (Perlembagaan PAS 1977. Fasal 34), keputusan Mesyuarat Dewan Harian PAS Pusat pada 7 September 1977 yang mempersetujui bahawa tafsiran yang dibuat olehnya (mengenai peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalam Fasal 34 Perlembagaan PAS 1977), termasuklah tafsirannya bahawa "(seseorang) pesuruhjaya (sesuatu Badan Perhubungan PAS Negeri) itu (boleh) berhenti atau diberhentikan oleh Yang Dipertua Agung sebelum tempohnya",

menggagalkan mesyuarat biasanya, menemui kegagalan apabila Nik Abdul Aziz Nik Mat berjaya menghimpunkan 23 daripada 42 ahlinya di dalam mesyuarat biasanya pada 18 September 1982,<sup>250</sup> usaha Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS yang condong kepada beliau untuk menghidupkan cubaan penggulingan itu, dengan mencadangkan pemindaan arahan melangsungkan mesyuarat biasa itu kepada arahan melangsungkan mesyuarat khas, di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 20 Oktober 1982 juga turut tidak berjaya,<sup>251</sup> sekaligus memalapkan sisa-sisa perjuangan beliau.

Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 20 Oktober 1982 menyaksikan buat pertama kalinya penguasaan Mohd Asri Muda ke atas PAS terburai apabila, setelah menyedari cadangan mereka untuk meminda minit mesyuarat pada 24 Ogos 1982 bagi menghidupkan cubaan penggulingan Nik Abdul Aziz Nik Mat gagal mendapat sokongan, Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS yang condong kepada beliau telah,

---

"(hendak)lah dipakai sebagai tafsiran yang sah dan muktamad" (Minit Mesyuarat Dewan Harian PAS Pusat pada 7 September 1977. Hlm. 3) sebenarnya menunjukkan bahawa Mohd Asri Muda boleh, sekiranya beliau mahu, menggunakan kuasa beliau sebagai Yang Dipertua Agung PAS untuk memberhentikan Nik Abdul Aziz Nik Mat dari jawatan beliau sebagai Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan, tetapi tidaklah dapat dipastikan dengan tepat apakah punca yang mendorong kepada kegagalan beliau menggunakan kuasa beliau ini untuk berbuat demikian.

<sup>250</sup> Minit Mesyuarat Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 18 September 1982. Hlm. 1 dan 2. 19 daripada 42 Ahli Badan Perhubungan PAS Kelantan yang tidak menghadiri mesyuarat ini ialah Wan Daud Wan Jusoh, Wan Ibrahim Wan Abdullah, Nik Abdul Rahman Nik Mohamad, Husain Yaakob, Wan Sulaiman Ibrahim, Mohd Noor Mamat, Mohd Zain Abdullah, Muhammad Awang Mat, Hanafi Daud, Salahuddin Abdullah, Muhammad Mahmud, Ismail Ali, Hassan Mohamad, Mohd Shaari Awang Ali, Khairul Khatib, Nik Mohd Mustapha Shafie, Mohd Fakhruddin Abdullah, Hassan Ishak dan Zakaria Ismail. Salah seorang daripada mereka, iaitu Hassan Ishak, telah, tanpa kehadiran beliau, dilantik sebagai Timbalan Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan yang baru oleh Nik Abdul Aziz Nik Mat bagi menggantikan Khairul Khatib yang telah meletakkan jawatan beliau pada 23 April 1982 ekoran tuduhan-tuduhan bahawa beliaulah yang sebenarnya bertanggungjawab menghancurkan PAS di Kelantan, termasuklah dengan mempengaruhi Mohd Asri Muda supaya memilih calon-calon tertentu untuk mewakili PAS di dalam Pilihan Raya Umum 1982 walaupun calon-calon ini dikatakan tidak memenuhi syarat-syarat pemilihan calon yang telah ditetapkan sebelumnya (*Ibid.* Hlm. 3; dan Surat "Orang PAS Tulen" kepada Timbalan Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan, Khairul Khatib, Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan, Nik Abdul Aziz Nik Mat, dan Yang Dipertua Agung PAS, Mohd Asri Muda (tidak bertarikh dan tidak bertajuk). Hlm. 1).

<sup>251</sup> Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 20 Oktober 1982. Hlm. 2. Cadangan untuk meminda arahan melangsungkan mesyuarat ini telah dikemukakan oleh Hassan Mohamad dengan sokongan Wan Ismail Ibrahim, tetapi ia telah dibangkang oleh Nik Abdul Aziz Nik Mat dengan

di dalam satu tindakan yang menunjukkan keterdesakan mereka, mencadangkan untuk membatalkan terus minit mesyuarat itu, tetapi cadangan ini juga telah turut ditolak.<sup>252</sup>

Menjelaskan lagi ketidakupayaan Mohd Asri Muda *vis-à-vis* golongan ulama'/muda di dalam PAS ialah keputusan mesyuarat ini yang-sementara menyetujui keputusan Mesyuarat Dewan Harian PAS Pusat meminda aturcara Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-28 dengan mendahuluikan acara Muktamar-Muktamar Tahunan Dewan-Dewan Ulama' dan Muslimat PAS Pusat daripada acara penyampaian ucapan dasar,<sup>253</sup> juga menyerahkan urusan penyiapan ucapan dasar itu kepada budi bicara Mohd Asri Muda<sup>254</sup> -menetapkan Abdul Hadi Awang, dan bukannya beliau atau proksi beliau, sebagai penceramah di dalam majlis sambutan awal Muharram pada malam 23 Oktober 1982.<sup>255</sup>

---

sokongan Mustafa Ali. Setelah diundi, cadangan ini sekadar memperolehi 5 undi sahaja berbanding "undi terbanyak" yang diperolehi oleh golongan yang membangkangnya.

<sup>252</sup> Ibid. Hlm. 2. Cadangan untuk membatalkan terus Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 24 Ogos 1982 ini telah dikemukakan oleh Hassan Mohamad dengan sokongan Mohd Fakhruddin Abdullah, sementara cadangan untuk menerimanya telah dikemukakan oleh Hassan Shukri dengan sokongan Mohd Zain Abdullah. Setelah diundi, cadangan pembatalan ini sekadar memperolehi 2 undi sahaja berbanding 11 undi yang diperolehi oleh cadangan penerimaannya. Hujjah Wan Ismail Ibrahim, Mohd Fakhruddin Abdullah dan Hassan Mohamad, sewaktu membahaskan agenda perkara-perkara berbangkit kemudiannya, bahawa Mesyuarat Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 18 September 1982 itu tidak membincangkan penyelesaian ke atas masalah pertikaian di antara Mohd Asri Muda dan Nik Abdul Aziz Nik Mat walau bagaimanapun telah diterima oleh mesyuarat itu yang menyerahkan kepada Badan Perhubungan PAS Kelantan untuk menyelesaikan pertikaian itu (Ibid. Hlm. 3).

<sup>253</sup> Ibid. Hlm. 3-4.

<sup>254</sup> Ibid. Hlm. 4. Komen Nik Abdul Aziz Nik Mat mengenai ucapan dasar yang disampaikan oleh Mohd Asri Muda di dalam Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-28 ini kemudiannya: "Biasanya Jawatankuasa Agung ni bila nak buat muktamar, kita ada mesyuarat berkali-kali, tapi apa yang terjadi baru-baru ini, lusa nak muktamar, hari 'ni mesyuarat. 'Sor peliknya. Yang kedua pulak, dalam mesyuarat tu biasanya dua kali disemak ucapan, ucapan dasar yang akan dibaca oleh Yang Dipertua Agung tu, dibaca dulu draf sekurang-kurangnya dua kali dan sayalah selama-lamanya orang yang dijemput untuk 'betul ayat (al-Qur'an), untuk 'betul Hadith, untuk 'betul begapo. Tapi dalam mesyuarat baru 'ni, draf ucapan pun tak 'dok, saya nak tulong 'betul begotu begoning serupa sekala pun tak 'dok begapo sekaro. Akhir sekali keluar ucapan dasar, sapadio buat, beliau sendiri sorangkah buat, kah 'masak 'dapur lain pulakkah, *wallahualam*, tapi keadaan begitulah berlaku" (Rakaman ucapan tidak berteks Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan, Nik Abdul Aziz Nik Mat, di dalam majlis taklimat kepartian kepada pemimpin-pemimpin PAS Kelantan di Kota Bharu, Kelantan, pada 6 Februari 1983 (tidak bertajuk)).

<sup>255</sup> Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 20 Oktober 1982. Hlm. 4.

Mempercepatkan lagi kejatuhan Mohd Asri Muda ialah tindakan beliau, melalui ucapan dasar beliau di dalam Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-28 di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, pada 23 dan 24 Oktober 1982,<sup>256</sup> memuji<sup>257</sup> langkah yang diambil oleh Kerajaan Barisan Nasional untuk menujuhkan dua buah institusi Islam,<sup>258</sup> iaitu Bank Islam<sup>259</sup> dan Universiti Islam Antarabangsa,<sup>260</sup> juga ketetapan yang mendesak

<sup>256</sup> Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-28 ini mulanya telah dicadang untuk dilangsungkan pada 8, 9 dan 10 Oktober 1982, tetapi tarikh ini telah kemudiannya diubah kepada 23 dan 24 Oktober 1982 kerana "pada tarikh yang ditetapkan dewan yang dicadangkan untuk kita mengadakan muktamar telah ditempoh oleh pihak lain" (Surat Pegawai Tadbir dan Kewangan PAS, Othman Abdul Razak, bagi pihak Setiausaha Agung PAS, Abu Bakar Umar, kepada Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS dan Pesuruhjaya-Pesuruhjaya (Badan Perhubungan) PAS Negeri bertarikh 24 Mei 1982 bertajuk "Tarikh Dan Hari Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-28". Hlm. 1).

<sup>257</sup> Pujian ini jelas bertentangan dengan pendirian Naib Yang Dipertua Agung PAS, Abdul Hadi Awang, umpamanya yang telah sebelumnya menegaskan: "Kita tahu Universiti Islam tu penting, mengadakan Bank Islam tu mustahak, penting, tetapi itu adalah cabang daripada Islam, bukannya dasar. Kita kena 'pegang kepada dasar, dia kena ubah dasar. Selagi dia tidak sanggup mengubah dasar, dan kalau dia ubah dasar pun, orang kalau dia tak percaya kepada dasar, kita tak boleh terima. Mesti dia mengubah dasar, dan orang yang melaksanakan tu mestilah orang yang yakin kepada dasar dia. Ini mesti kita kena jelas, mesti kita kena fabam betul-betul...Sebuah negara yang nak jadi negara Islam negara tu pun kena mengucap dulu jugak dan mengucap negara ini ialah dengan mengubah sistem dia mengikut sistem Islam dan hukum Islam. Kalau dia buat Bank Islam, dia buat Universiti Islam, dia buat apa sekalipun, sedangkan dasar negara itu tidak diubah, kita tidak boleh terima" (Rakaman ucapan tidak berteks Naib Yang Dipertua Agung PAS, Abdul Hadi Awang, di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Besut di Besut, Terengganu, pada 25 September 1982 (tidak bertajuk)). Pendirian Abdul Hadi Awang ini malahan telah diikuti oleh Dewan Pemuda PAS Pusat yang, walaupun pernah memperjuangkan soal penubuhan Universiti Islam dan soal penubuhan Bank Pembangunan Islam sewaktu PAS masih berada di dalam Barisan Nasional (Penyata Tahunan PAS 1975/1976. Hlm. 41 dan 43), turut menegaskan: "Pembentukan Universiti Islam Antarabangsa dan Bank Islam tidak memberi banyak erti kalau universiti-universiti dan bank-bank yang (sedia) ada tidak dilaksanakan sama" (Laporan Tahunan Dewan Pemuda PAS Pusat 1981/1982. Hlm. 5).

<sup>258</sup> Cadangan penubuhan Bank Islam dan Universiti Islam Antarabangsa ini telah masing-masingnya diumumkan oleh Perdana Menteri Malaysia, Dr Mahathir Mohamad, pada 6 Julai 1982 dan pada 7 Mac 1982 (Khoo Boo Teik (1995). Paradoxes of Mahathirism: An Intellectual Biography of Mahathir Mohamad. Kuala Lumpur: Oxford University Press. Hlm. 175 dan 177).

<sup>259</sup> Teks ucapan dasar Mohd Asri Muda di dalam Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-28 pada 23 dan 24 Oktober 1982 (tidak bertajuk). Hlm. 12. Puji Mohd Asri Muda: "Kelahiran projek Bank Islam adalah suatu langkah yang baik yang telah Jama kita perjuangkan yang diharapkan menjadi suatu penerokaan baru di dalam bidang ekonomi yang dapat memperlihatkan kemampuan konsep Islam kepada masyarakat. Kita harapkan ianya akan merupakan titik permulaan ke arah mengubahsuaikan seluruh sistem ekonomi negara dalam masa yang singkat". Dua orang Ahli Dewan Rakyat PAS, iaitu Hassan Mohamad dan Wan Ibrahim Wan Abdullah, telah kemudiannya berhujjah menyokong Rang Undang-Undang Bank Islam sewaktu ia dikemukakan di dalam sidang Dewan Rakyat pada 7 Disember 1982 bagi membolehkan penubuhan Bank Islam ini dilakukan (Penyata Rasmi Parlimen. Dewan Rakyat. Parlimen Keenam. Penggal Pertama. Jil. I, Bil. 40, Hari Selasa, 7 Disember 1982. Ruangan 5242-5246 dan 5269-5274).

<sup>260</sup> Ibid. Hlm. 12-13. Puji Mohd Asri Muda: "Cadangan Malaysia untuk mempelopori usaha penubuhan sebuah Universiti Islam Antarabangsa dengan direstui oleh sebahagian besar negara-negara umat Islam adalah juga suatu perkara baru yang kita hargai. Mudah-mudahan dengan tertubuhnya universiti seperti

pengharaman semua jenis judi yang telah diluluskan oleh Perhimpunan Agung UMNO Kali Ke-33,<sup>261</sup> pujian yang disertai dengan alu-aluan beliau ke atas hasrat "mana-mana pihak" yang mahu menjadikan parti mereka sebuah parti Islam.<sup>262</sup> Satu lagi aspek ucapan dasar beliau yang tidak disenangi oleh golongan ulama'/muda di dalam PAS ialah selaran beliau ke atas tindakan menyalahgunakan usrah-usrah PAS untuk mengasingkan dengan secara semberono ahli-ahli parti itu ke dalam kategori ulama' dan *juhala'* (orang-orang jahil) yang dikatakan akan menyebabkan PAS retak, pecah dan berkecai dari dalam,<sup>263</sup> juga selaran beliau ke atas tindakan mengkafirkan ahli-ahli UMNO<sup>264</sup> yang disertai dengan nasihat agar semua ahli PAS membaca dan menelaah sebuah buku tulisan Hasan Ismail al-Hudhaibi yang bertajuk "Kami Adalah Pendakwah, Bukan Penghukum".<sup>265</sup>

---

ini yang akan menjalankan operasinya berpandukan falsafah dan *minhaj* pendidikan Islam, maka akan lahirlah suatu generasi baru Islam yang bukan sahaja berilmu dalam bidang-bidang tertentu, malah beriman dan bertaqwa, rela menawarkan khidmatnya kerana Allah bagi kepentingan umat dan seluruh keturunan Adam". Seorang Ahli Dewan Rakyat PAS, iaitu Hassan Mohamad, telah kemudiannya berhujah menyokong Rang Undang-Undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) sewaktu ia dikemukakan di dalam sidang Dewan Rakyat pada 9 Disember 1982 bagi membolehkan penubuhan Universiti Islam Antarabangsa ini dilakukan (Penyata Rasmi Parlimen. Dewan Rakyat. Parlimen Keenam. Penggal Pertama. Jil. I, Bil. 42, Hari Khamis, 9 Disember 1982. Ruangan 5534-5539).

<sup>261</sup> Ibid. Hlm. 13. Puji Mohd Asri Muda: "Soal mengharamkan semua jenis judi yang diterima oleh persidangan agung parti yang memerintah negara ini adalah juga merupakan suatu soal yang menarik. Memang masalah judi adalah merupakan suatu penyakit masyarakat dari zaman ber zaman dan al-Qur'an telah merakamkan perihal judi ini untuk menjadi pengajaran dan petunjuk. Kalau kita perhatikan setiap ayat al-Qur'an yang menyentuh perihal judi, maka kita akan temui bahawa ianya dikembarkan bersekali dengan arak atau minuman keras, tidak dipisahkan kedua wabak masyarakat itu. Oleh yang demikian, di samping ketegasan mengenai judi ini, maka pendirian mengenai arak mestilah tegas sebab arak dalam pandangan Islam adalah induk dan punca segala maksiat".

<sup>262</sup> Ibid. Hlm. 12.

<sup>263</sup> Ibid. Hlm. 19-20. Tegur Mohd Asri Muda: "Hal yang seperti demikian tidak sepatutnya berlaku dalam jemaah perjuangan yang berdasarkan Islam, malah akan lebih tidak patut kalau yang bersikap dan yang menyebabkan orang-orang bersikap demikian adalah dari orang-orang yang dianggap berilmu".

<sup>264</sup> Ibid. Hlm. 16. Tegur Mohd Asri Muda: "Sebenarnya PAS tidak pernah mengeluarkan fatwa mengkafirkan orang. Apa yang dinamakan isu kafir-mengkafir itu bukanlah masalah PAS. Walau apa sekalipun alasannya, namun untuk meletakkan PAS menjadi kambing hitam dalam kejadian ini adalah suatu yang amat jauh dan di luar (daripada) prinsip keadilan".

<sup>265</sup> Ibid. Hlm. 16-17. Tindakan Mohd Asri Muda menasihatkan ahli-ahli PAS membaca dan menelaah buku tulisan Hasan Ismail al-Hudhaibi--yang merupakan bekas Mursyidul Am al-Ikhwanul Muslimin Mesir--yang ditulis di dalam bahasa Arab (ia walau bagaimanapun telah kemudiannya diterjemahkan ke dalam bahasa Malaysia oleh bekas Setiausaha Badan Perhubungan PAS Kelantan, Salahuddin Abdullah (Hasan Ismail al-Hudhaibi (1985). Pendakwah Bukan Penghukum. Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn Bhd)) ini telah kemudiannya disindir oleh lidah rasmi PAS yang menulis: "Yang lebih

Dengan dipengerusikan oleh Kassim Ahmad,<sup>266</sup> Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-28 ini terus, setelah mengesahkan Peringatan Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-27, terus dihangatkan dengan kecaman yang bertalu-talu ke atas kepimpinan Mohd Asri Muda daripada para perwakilan yang bangun membahaskan Penyata Tahunan PAS 1981/1982. Di antara perwakilan yang paling lantang bersuara ialah wakil Pasir Puteh yang telah menyelar tindakan Mohd Asri Muda melantik Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS, terutamanya Setiausaha Agung dan Bendahari Agung PAS, tidak dengan secara syura;<sup>267</sup> wakil Pekan yang, selain mengkritik sikap sesetengah pucuk pimpinan PAS yang dikatakan tidak menyukai kewujudan usrah-usrah di dalam PAS, menyelar ucapan dasar beliau yang dikatakan tidak mencerminkan pendapat keseluruhan ahli PAS;<sup>268</sup> wakil Dewan Pemuda PAS Pusat yang menyelar kegagalan beliau dan Abu Bakar Umar meluangkan masa untuk berada di Pejabat Agung PAS;<sup>269</sup> juga wakil-wakil Pontian dan Dewan Ulama' PAS Pusat yang meminta "mana-mana pemimpin PAS" yang

---

melucukan lagi, seorang pemimpin harakah Islamiah yang terkenal, yang tidak boleh berbahasa Arab, menghafal tajuk sebuah buku yang dikarang oleh Hasan (Ismail) al-Hudhaibi, '*Nahru Du'atu La Qudhatu*', yang bermaksud 'Kami Ini (Adalah) Pendakwah, Bukan Hakim', dan melaung-laungkan slogan itu tanpa membaca buku tersebut dan (tanpa) memahami kandungannya yang sebenar" ("Era baru harakah", dlm. Berita PAS, Bil. 1 Thn. 1, Muhamarram 1403. Hlm. 4). Menariknya, Yang Dipertua Agung PAS di antara tahun-tahun 1983 (Peringatan Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-29 pada 30 April dan 1 Mei 1983. Hlm. 10) dan 1989 ("Yusoff Rawa serah tugas Presiden PAS kepada Fadzil Noor", dlm. Utusan Malaysia, 16 Februari 1989), Yusoff Rawa, telah kemudiannya mengingatkan ahli-ahli PAS supaya "meningkatkan kewaspadaan maksimum terutamanya dalam mengendalikan isu-isu umat Islam yang sensitif seperti isu mengenai gejala-gejala riddah yang dihadapi oleh umat Islam hari ini (dengan) mengimbangi secara cermat antara kewajipan menyelamatkan aqidah umat Islam dan reaksi daripada perasaan orang-orang Islam yang terlibat dan tersentuh dengan gejala ini" (Teks ucapan dasar Yusoff Rawa di dalam Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-32 pada 27 dan 28 Disember 1986 bertajuk "Teguhkan Jamaah Teruskan Jihad". Hlm. 23).

<sup>266</sup> Peringatan Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-28 pada 23 dan 24 Oktober 1982. Hlm. 9. Kassim Ahmad dipilih sebagai Pengurus Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-28 apabila beliau, yang dicalonkan oleh wakil Kuala Nerus, telah berjaya mengalahkan Sudin Wahab, yang dicalonkan oleh Abu Bakar Umar, Setiausaha Agung PAS, ekoran keuzuran Pengurus Tetap dan Timbalan Pengurus Tetap PAS.

<sup>267</sup> Ibid. Hlm. 11. Lihat juga "Ketegangan yang terkawal dalam Muktamar PAS", dlm. Mingguan Bumi, 30 Oktober 1982.

<sup>268</sup> Ibid. Hlm. 11. Lihat juga "Ketegangan yang terkawal dalam Muktamar PAS", dlm. Mingguan Bumi, 30 Oktober 1982.

<sup>269</sup> Ibid. Hlm. 12.

merasakan diri mereka "sudah tidak disukai" atau "sudah tidak berupaya lagi memimpin umat" agar segera mengundurkan diri mereka sebelum diri mereka "diundurkan".<sup>270</sup>

Berhadapan dengan kecaman-kecaman ini,<sup>271</sup> Mohd Asri Muda tidak mempunyai pilihan lain<sup>272</sup> selain daripada mengarang sepucuk surat dalam mana beliau telah, selain mengakui ketidakmampuan beliau untuk mengendalikan kepimpinan parti yang dikatakan telah cenderung untuk mengamalkan suatu cara berpolitik yang asing dari yang biasa dibawa selama ini, menyatakan bahawa perkembangan yang berlaku sejak berlalunya Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-27 menunjukkan bahawa ada sesuatu usaha semacam konspirasi<sup>273</sup> yang agak menyeluruh yang bertopengkan "kepimpinan ulama"

---

<sup>270</sup> Ibid. Hlm. 12 dan 13.

<sup>271</sup> Menariknya, kecaman-kecaman ini telah dibuat tanpa menghiraukan seruan Mohd Asri Muda sendiri sebelumnya agar ahli-ahli PAS "sama-sama berharap agar tenaga kita dapat dibulatkan semula dan daya kita dipadukan kembali bagi mengekalkan kesatuan dan keutuhan parti kita" (Teks ucapan dasar Mohd Asri Muda di dalam Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-28 pada 23 dan 24 Oktober 1982 (tidak bertajuk). Hlm. 21).

<sup>272</sup> Mengikut Salahuddin Abdullah, keputusan supaya Mohd Asri Muda meletakkan jawatan beliau sebagai Yang Dipertua Agung PAS ini telah dipersetujui oleh kesemua pemimpin PAS yang condong kepada beliau, melainkan Ishak Lotfi Omar yang mahukan beliau terus melawan para penentang beliau di dalam parti, memandangkan suasana tegang yang wujud di dalam Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-28 ini (Wawancara dengan Salahuddin Abdullah di kediaman beliau pada 5 April 2000). Sementara Khadijah Junid menyatakan bahawa beliau sendiri telah mendengar seorang penyokong kuat Nik Abdul Aziz Nik Mat mengeluarkan ancaman bahawa beliau akan mencetuskan keganasan sekiranya Mohd Asri Muda tidak meletakkan jawatan beliau di dalam Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-28 ini (Wawancara dengan Khadijah Junid di kediaman beliau pada 5 April 2000), Mohd Zahari Awang pula menyatakan bahawa salah satu sebab yang mendorong kepada persetujuan supaya Mohd Asri Muda meletakkan jawatan beliau sebagai Yang Dipertua Agung PAS ini adalah kebimbangan bahawa para penyokong beliau, khususnya mereka yang berada di bawah kawalan Nik Abdul Rahman Nik Mohamad, akan turut mencetuskan keganasan--yang dikatakan akan tambah menjatuhkan imej Mohd Asri Muda--terhadap tokoh-tokoh PAS yang dikatakan mendalangi usaha penggulingan Mohd Asri Muda ini, khususnya terhadap Mohd Nakhaei Ahmad, Abdul Hadi Awang dan Mustafa Ali (Wawancara dengan Mohd Zahari Awang di kediaman beliau pada 15 Jun 2004).

<sup>273</sup> Ketua Dewan Ulama' PAS Pusat, Nik Abdul Aziz Nik Mat, telah kemudiannya mempersoalkan kenyataan Mohd Asri Muda ini dengan menyatakan: "Pakatan jahat ni, para hadirin semua, kalu benda ni ada sengoti gak bakpor tak ghoyat 'jak di awal, waktu demo jadi 'pak kawe, waktu demo jadi pemimpin kawe, waktu demo jadi orang besar kawe, bakpor tak ghoyat? Bakpor tak bawak dalam sidang mesyuarat bahawa 'ada pakatan jahat nak guling saya, bakpor gak duk 'pakat nak guling saya?'". Ghoyat begitu betul benar. Bakpor tak kata?" (Rakaman ucapan tidak berteks Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan, Nik Abdul Aziz Nik Mat, di dalam majlis ceramah politik di Demit, Kubang Kerian, Kelantan, pada bulan April 1983 (tidak bertajuk)).

untuk menggulingkan kepimpinan beliau,<sup>274</sup> jadi, "untuk mengelakkan pertarungan sesama sendiri yang berpanjangan", beliau pun menyerahkan semula mandat yang telah diterima oleh beliau sebagai Yang Dipertua Agung PAS kepada Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-28 ini.<sup>275</sup> Di sebalik andaian sesetengah pihak bahawa ia akan ditolak,<sup>276</sup> surat

<sup>274</sup> Ketua Dewan Ulama' PAS Pusat, Nik Abdul Aziz Nik Mat, telah kemudiannya meluahkan kekecilan hati beliau ke atas kenyataan Mohd Asri Muda ini dengan menyatakan: "(Dato' Asri) sebut dalam kertas tu pulak: Ada satu puak nak wak topeng kor Dewan Ulama', pimpinan yang ada sekarang ni kira nak wak topeng kor Dewan Ulama'. Dewan Ulama' Dewan Ulama' ni 'loor 'loor nya tekedir Tuhanya ambo nya 'megang, jadi kalu Dewan Ulama' ni jadi topeng, maka ertiinya Dewan Ulama' ni 'jak daripada hak Kelantan sampai Terengganu seluruh Malaysia ni punya bodoohnya hingga sampai tak reti nah orang wak topeng kedio. Allah. 'Hoor la, berat 'kakloh, berasa kelabu, berasa gelap mata 'kakloh sekaligus" (*Ibid.*).

<sup>275</sup> Surat Yang Dipertua Agung PAS, Mohd Asri Muda, kepada Setiausaha Agung PAS, Abu Bakar Umar, bertarikh 23 Oktober 1982 bertajuk "Meletakkan Jawatan Yang Dipertua Agung PAS". Hlm. 1. Akhbar Utusan Melayu keluaran 9 Oktober 1982 telah, dengan berpandukan kepada maklumat yang dikatakan diberikan oleh "sumber yang rapat dengan (beliau)", sebelumnya melaporkan bahawa Mohd Asri Muda "akan mengundurkan diri dari pucuk pimpinan PAS atas sebab-sebab keuzuran" di dalam Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-29 ("Asri akan bersara (dari) jawatan Yang Dipertua Agung PAS", dlm. Utusan Melayu, 9 Oktober 1982). Laporan ini walau bagaimanapun telah segera dinafikan oleh Mohd Asri Muda sendiri yang menyatakan bahawa "setakat hari ini...belum ada keputusan daripada diri saya sendiri untuk bersara dari politik", bahawa "setakat hari ini...saya terpaksa mengatakan bahawa bersara dari politik itu bergantung kepada muktamar" dan bahawa "setakat hari ini, belum ada keputusan yang dapat saya buat (mengenainya) sebab muktamar pun belum sampai lagi" (Rakaman ucapan tidak berteks Yang Dipertua Agung PAS, Mohd Asri Muda, di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kota Bharu di Kota Bharu, Kelantan, pada 10 Oktober 1982 (tidak bertajuk)).

<sup>276</sup> Mengikut Hassan Shukri--yang, mengikut Wan Ismail Wan Ahmad, merupakan tokoh yang turut "(berada di) balik (golongan yang menyokong) Asri" pada waktu itu (Wawancara dengan Wan Ismail Wan Ahmad di kediaman beliau pada 15 Jun 2004)--, perletakan jawatan Mohd Asri Muda ini adalah didasarkan kepada keyakinan beliau--yang didasarkan pula kepada laporan-laporan orang-orang kanan beliau, khususnya Wan Ismail Ibrahim, Mohd Zahari Awang, Hassan Mohamad dan Mohd Fakhruddin Abdullah--bahawa kebanyakannya daripada Badan-Badan Perhubungan PAS Negeri dan PAS-PAS Kawasan tidak akan menerima perletakan jawatan beliau ini di sebalik nasihat Hassan Shukri supaya beliau tidak mempercayai ketepatan laporan-laporan orang-orang kanan beliau ini kerana tinjauan yang lebih terperinci yang telah dilakukan oleh Hassan Shukri sendiri dikatakan menghasilkan keputusan yang sebaliknya (Wawancara dengan Hassan Shukri di kediaman beliau pada 14 Februari 2004). Mengikut Hassan Shukri lagi, perletakan jawatan Mohd Asri Muda ini akan mempunyai kemungkinan yang lebih besar untuk tidak diterima oleh para perwakilan sekiranya surat perletakan jawatan beliau itu dibacakan sendiri oleh beliau, dan bukannya oleh Setiausaha Agung PAS, Abu Bakar Umar (*Ibid.*). Mengikut Wan Ismail Wan Ahmad pula, keyakinan ini semata-mata tidak akan mampu mendorong Mohd Asri Muda untuk meletakkan jawatan beliau sekiranya beliau tidak terlebih dahulu mendengar desas-desus mengenai perancangan Mohd Nakhaei Ahmad untuk menggulingkan beliau dengan menetapkan Wan Ismail Wan Ahmad dan Musa Salleh untuk masing-masingnya mengemuka dan menyokong satu usul khas bagi menolak ucapan dasar yang dibacakan oleh beliau sebelumnya (Wawancara dengan Wan Ismail Wan Ahmad di kediaman beliau pada 15 Jun 2004). Dedah Wan Ismail Wan Ahmad, yang menarik diri dari dicalonkan untuk mewakili PAS di kerusi Dewan Rakyat Machang di dalam Pilihan Raya Umum 1982 di saat-saat akhir disebabkan ketidaksetujuan beliau ke atas tindakan Mohd Asri Muda menggantikan calon PAS di kerusi Dewan Undangan Negeri Bandar Machang, Yahya Othman, dengan Abdul Manan Mohamed: "Makanya, bila Asri sudah campur semula untuk Pilihan Raya (Umum) 1982 tu, 'Wan marah kuat la sehingga 'Wan Jari ke Terengganu, bersyarah di Terengganu. Maka lepas tu ada muktamar, makanya 'Wan fikir, fikir, kata: Lagu mana aku nak suruh Asri ni jatuh? Bila 'Wan fikir--ni cerita betul nih, tak 'dok tambah sikit abuk--, fikir, fikir, tak nampak cara nak perjatuh... Takdir Allah s.w.t., bila pergi ke Kuala Lumpur, lusa nak mesyuarat, sampai malam

yang dibacakan kepada para perwakilan oleh Setiausaha Agung PAS, Abu Bakar Umar, sebaik sahaja mereka meluluskan Penyata Tahunan PAS 1981/1982 ini telah diterima "dengan tiada sebarang bangkangan dan bantahan daripada mana-mana jua perwakilan PAS Kawasan"<sup>277</sup> sekaligus menamatkan kepimpinan Mohd Asri Muda di dalam PAS.<sup>278</sup>

---

'tu-dua malam lagilah--Nakhaei, mari 'jumpa, 'bincang. Dia kata: Kalu nak 'jatuh Asri, ni *chance* nih. Ha, 'tu dia, Nakhaei punya, otak Nakhaei. ('Wan) kata: Guanoh? (Kata Nakhaei): Mengikut kaedah PAS, ucapan dasar Yang Dipertua Agung sebelum daripada dia buat ucapan rasmi mestilah dibawak dalam Mesyuarat Jawatankuasa Agung dan dilulus oleh Jawatankuasa Agung barulah sah, kalu tidak dilulus oleh Jawatankuasa Agung maka ucapan dasar tidak sah. Maka, kata dia: *Ana* tahu benar, hak 'ni Dato' Asri tak bawak dalam Mesyuarat Jawatankuasa Agung, ha, 'nilah dia jeloknya nak 'jatuh Asri... Makanya, bila sampai *time* mesyuarat, rupanya benda tu puak-puak dia tahu belaka dah, desas-desus dia tabu dah hak orang akan bawak usul ucapan dasar tidak (diterima), bila ucapan dasar tidak (diterima), bila undi kalah, Asri kena turunlah...(Jadi) Asri buat surat letak jawatan. Ha, 'tu dia bijak puak-puak dia, puak-puak dia dapat kesan belaka ni. Rupa-rupa dalam puak-puak Nakhaei ni ada jugak hantu dia... Tapi cerita ni banyak orang tidak tahu, tapi rahsia sebenarnya 'tu lah" (Ibid.).

<sup>277</sup> Peringatan Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-28 pada 23 dan 24 Oktober 1982. Hlm. 16-17.

<sup>278</sup> Sebagai reaksi kepada perletakan jawatan Mohd Asri Muda ini, lidah rasmi PAS telah--sementara menyeru ahli-ahli PAS supaya "tidak seharusnya (me)lupa(kan) jasa-jasa dan kebaikan Dato' Asri kepada parti dan perjuangan PAS di masa-masa yang lalu" ("Pengunduran Asri wajar", dlm. Berita PAS, Bil. 1 Thn. 1, Muharram 1403. Hlm. 2) dan sementara turut menyeru Mohd Asri Muda dan penyokong-penyokong beliau supaya "tidak seharusnya berusaha menghancurkan PAS setelah mereka tidak lagi dikehendaki memimpin parti" (Ibid. Hlm. 2)--kemudiannya mengkritik kepimpinan beliau di dalam PAS sebelum ini dengan menyatakan bahawa "kelemahan Dato' Asri memimpin dan mengendalikan parti telah menimbulkan berbagai-bagai krisis dan ketegangan perhubungan antara pemimpin-pemimpin parti (di mana) krisis yang terbesar ialah krisis Kelantan yang mengakibatkan parti kehilangan kuasanya di negeri (itu)" (Ibid. Hlm. 2), bahawa "memang telah menjadi kenyataan (bahawa) kepimpinan Dato' Asri, terutama selepas krisis Kelantan, telah memperlihatkan berbagai kepincangan yang sukar diperbaiki dan dicari penyelesaiannya (di mana) Jawatankuasa Kerja Agung yang sepatutnya menjadi tempat bermesyuarah dan bertukar fikiran tidak begitu berfungsi dan segan pula bermesyuarat sejak Muktamar Tahunan PAS (Kali) Ke-27 (pada 17, 18 dan 19 April 1981) yang lalu" (Ibid. Hlm. 2) dan bahawa "perbincangan-perbincangan mengenai perjalanan dan program yang hendak dilaksanakan oleh (PAS dalam era Mohd Asri Muda) itu bergantung kepada fikiran semata-mata tanpa merujuk kepada al-Qur'an, al-Sunnah, Ijma' dan Qias (kerana) pemimpin-pemimpin(nya) sendiri tidak berkeupayaan merujuk kepada sumber-sumber itu atau kepada kitab-kitab muktabar yang menghuraikan kehendak-kehendak yang terkandung di dalam sumber-sumber hukum Islam" ("Era baru harakah", dlm. Berita PAS, Bil. 1 Thn. 1, Muharram 1403. Hlm. 4).